

[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 32**Selasa****5 Julai 2005**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):	
• Krisis Daya Saing Malaysia Di Senarai IMD World Competitiveness Year Book 2005	
- <i>Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]</i>	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005	(Halaman 138)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 140)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Matlamat Lembaga Tabung Haji Ditubuhkan	
- <i>Y.B. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)</i>	(Halaman 140)
Penjelasan Tentang Kelulusan Permit (AP) Kenderaan Import	
- <i>Y.B. Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)</i>	(Halaman 144)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 5 Julai 2005****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menentukan adanya koordinasi dalam pengendalian pelajar-pelajar warga asing (terutamanya di IPTS swasta) dengan Jabatan Imigresen.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Imigresen supaya tindakan sepadu dapat diambil dalam mengendalikan pelajar-pelajar warga asing terutamanya di IPTS. Bagi tujuan ini sebuah Jawatankuasa Perhubungan Agensi mengenai pelajar antarabangsa telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan IPT. Keanggotaannya terdiri dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi lain yang berkenaan.

Walaupun jawatankuasa ini bermesyuarat empat kali setahun bagi menyelaras dan menangani isu-isu pelajar antarabangsa namun kekerapan mesyuarat ini bergantung kepada isu-isu berbangkit yang perlu diatasi segera seperti kehilangan pelajar, pelajar bekerja sambil belajar, pengeluaran pas pelajar dan kad pelajar.

Selain daripada itu, jawatankuasa ini juga turut mengadakan majlis-majlis dialog dengan pihak-pihak berkepentingan terutamanya dengan IPTS yang mendapat kelulusan merekrut pelajar antarabangsa. Walaupun majlis dialog ini diadakan dua tahun sekali namun kekerapan bergantung kepada kepentingan semasa juga. Dengan

adanya jawatankuasa ini kementerian yakin masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam menguruskan pelajar warga asing dapat diatasi. Sekian, terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sekitar awal Mei kita dikejutkan dengan berita kehilangan 531 pelajar asing daripada IPTS di Ampang. Mereka ini hilang tidak tahu ke mana hanya 11 dijejaki menuntut di IPTS lain. Tetapi menurut Jabatan Imigresen daripada 531 ini hanya 308 orang sahaja yang mendaftar dengan Jabatan Imigresen, yang lain kita tidak tahu. Mungkin mereka menggunakan permit belajar, sebaliknya mereka bekerja.

Jadi saya rasa perkara ini sangat penting dan ini menjejaskan aspirasi kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai *education hub* ataupun *hub* pendidikan di mana kita akan berasa selesa di atas statistik yang tidak betul. Jadi saya ingin meminta jaminan, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Adakah pihak kementerian berani menjamin bahawa mereka akan bertindak lebih tegas dan memantau lebih rapi terhadap IPTS di negara kita? Dan juga apakah tindakan untuk memperbaiki kaedah kawalan pelajar-pelajar antarabangsa ke dalam negara kita? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, untuk tindakan yang berlanjutan yang akan diambil oleh kementerian untuk memantau kemasukan pelajar antarabangsa ialah kita akan mengadakan satu mesyuarat dengan Jabatan Imigresen berkenaan cadangan penubuhan satu pusat sehenti di mana semua permohonan akan diteliti bersama dengan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga pihak polis dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan adalah dicadangkan supaya pas pelajar cuma akan dikeluarkan pada senarai yang diluluskan oleh pusat sehenti tersebut.

Kita juga berharap pihak IPTS juga perlu melaporkan kepada pihak KPT ke mana pelajar antarabangsa dari masa ke semasa. Ini adalah antara tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal dan mengurus pelajar antarabangsa di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setujukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa mutu tenaga pengajar dan kualiti pedagogi di IPTS merupakan penghalang utama dalam menjadikan Malaysia *education hub* di Asia. Dan apakah langkah-langkah kementerian

untuk memastikan bahawa IPTS-IPTS memastikan bahawa tenaga pengajar mereka berkualiti dan bermutu antarabangsa? Jika tidak Malaysia hanya dari segi infrastruktur berkualiti tetapi dari segi *human development* akan kurang. Itulah persoalan utama. Minta penjelasan.

Dato' Fu Ah Kiow: Dalam meluluskan sesuatu permohonan oleh pihak IPTS mengendalikan sesuatu kursus memang telah terletak sebagai satu syarat ialah kelayakan tenaga pengajar yang diperlukan dan juga pihak IPTS perlu mematuhi nisbah antara tenaga pengajar dan pelajar iaitu misalnya untuk sesuatu kursus mungkin nisbah ada 13 ada 12 dan sebagainya. Itu memang salah satu syarat yang telah ditetapkan. Dan untuk kelayakan tenaga pengajar biasanya tenaga pengajar perlu mempunyai satu kelayakan yang lebih tinggi daripada kursus yang dikendalikan. Sekian, terima kasih.

2. Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan perkembangan yang telah dicapai hasil daripada Mesyuarat Peringkat Menteri Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) mengenai wanita yang dilangsungkan baru-baru ini.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Peringkat Menteri Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) mengenai pembangunan wanita yang diadakan pada bulan Mei 2005 yang lalu telah berjaya secara konsensus menghasilkan deklarasi dan Program Tindakan Putrajaya mengenai pembangunan wanita bagi negara-negara anggota.

Dokumen ini merupakan *blueprint*, dengan izin, yang menggariskan strategi yang perlu dilaksanakan oleh setiap negara anggota bagi memajukan wanita dalam bidang-bidang kritikal yang dikenal pasti seperti berikut:

- (i) Wanita, kemiskinan dan pembangunan ekonomi;
- (ii) wanita dalam membuat keputusan;
- (iii) wanita dan pendidikan;
- (iv) wanita dan kesihatan;
- (v) wanita, media dan ICT;
- (vi) wanita dan konflik bersenjata;
- (vii) keganasan terhadap wanita;

- (viii) wanita dan situasi bencana alam; dan
- (ix) memperdanakan isu *gender*.

Secara kolektif usaha-usaha akan dibuat untuk menggalakkan peringkat jemaah Menteri. Namun begitu ini tidak bermakna bahawa kementerian kita tidak ada program kita sendiri. Di kementerian Tuan Yang di-Pertua, kita menjalankan tugas dengan tiga cara. Pertama, kita memantau perundangan polisi peraturan untuk semua kumpulan sasar kita.

Kedua, kita untuk ada *smart partnership* dengan NGOs. Di mana isu-isu *advocacy*, misal kata isu keganasan terhadap wanita ataupun keupayaan pembangunan usahawan untuk wanita, isu-isu ibu tunggal misal kata, kita ada program dengan NGO dan aktivis supaya dapat kita turun ke akar umbi untuk menjalankannya.

Di sinilah Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberi oleh kerajaan, kita beri kepada NGOs atau yayasan untuk membantu kementerian menjalankan program-program terutama kepada isu-isu yang kita *identify*.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua kita sendiri mengadakan program-program seperti mana yang Ahli Yang Berhormat minta tadi. Jadi, di kementerian kita ada Program Pembangunan Usahawan khusus untuk ibu tunggal. Tetapi saya nak maklumkan di sini bahawa kementerian yang lain pun memainkan peranan yang utama dan mustahak di dalam mengangkat darjat dan martabat ibu tunggal. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kami di sini menyambut baik segala usaha dan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan di dalam memperkasakan wanita lagi. Dan semasa Persidangan Negara-negara Berkecuali Yang Amat Berhormat telah menyatakan, bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan akan menghapuskan segala diskriminasi dan juga mengumumkan penubuhan pusat gender dan pembangunan - kami menyambut baik. Tapi, pihak kami di sini ingin tahu bilakah undang-undang termasuk Perlembagaan, perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan yang mengandungi elemen mendiskriminasikan wanita ini akan dihapuskan. Satu. Dan juga terma-terma dalam Sistem Penerbangan Malaysia MAS, yang mendiskriminasikan wanita khususnya kabin *krew* wanita yang di mana MAS adalah GLC kerajaan, jadi

bilakah akan menghapuskan diskriminasi ini. Jadi, saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini keluar daripada soalan asal...

Beberapa Ahli: *[Keluar]*.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Jadi, saya cuma nak kata satu sahaja dengan izin, *Rome was not built in a day*, kita mesti faham bahawa sebenarnya apabila saya menjelajahi banyak negara lain ya, saya dapati bahawa sebenarnya Malaysia adalah di antara negara yang terulung di dunia di mana martabat wanita diletak atas tu. Jadi, saya rasa....

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Jadi, saya rasa pihak pembangkang tak payahlah nak buat seolah-olah negara Malaysia ini tak ada tempat untuk wanita. Saya nak maklumkan di Malaysia sebenarnya kita melalui kementerian, logo kita ada moto yang berkata "Bermula dengan Mu" di mana kita mengajak wanita supaya mereka mengambil alih di dalam menentukan hala tuju hidup mereka. Kita yang melahirkan anak-anak daripada kecil kita kena ajar terutama anak-anak lelaki supaya menghormati wanita, sebelum kita menuding jari kepada orang lain, tanya diri sendiri dahulu. Pertama.

Kedua, pihak Kerajaan Barisan Nasional kita mengambil berat tentang isu diskriminasi bukan hanya terhadap wanita tetapi mana-mana isu pun. Jadi, di kementerian kita sibuk mengaudit semua undang-undang, polisi dan peraturan satu demi satu kita menentukan terutamanya apabila ia dibawa ke perhatian saya sama ada isu MAS ke bukan DAP yang menolong mereka. Kalau dahulu MAS punya *stewardess*, kalau bukan perjuangan kementerian jangan harap nak ada peningkatan untuk mereka.

Hari ini, kalau kita lihat keadaan pramugari yang ada memang lebih baik, itu hasil perjuangan kementerian. Walaupun saya akur bahawa kita bukan *reach the* maksimum, maksimum ya. Tapi, insya-Allah kita akan satu *step*, satu langkah demi langkah kita akan sampai di sana. Jadi, saya nak kata di sini ya, bahawa jangan kita terbawa-bawa seolah-olah di Malaysia ini, kerajaan yang ada pada hari ini mendiskriminasikan terhadap wanita, tidak. Saya hendak tanya dalam DAP pun tak

ada diskriminasikah? Kalau kita tengok pun macam-macam hal yang berlaku. Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, sangkaan jahat. Ini saya hendak tanya baik-baik bila tempohnya, mengapa Yang Berhormat Menteri begitu marah sekali, bila tempoh saya nak bantu sini, selalu minta bantu nak bantu sini tanya tempoh.

[Dewan riuh]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia tak marah.

Seorang Ahli: Duduk-duduk.

Seorang Ahli: Peraturan Tuan Yang di-Pertua, peraturan.

Cik Fong Po Kuan: Apakah Yang Berhormat Menteri, nak bantu sini tak payah begitu marah.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua peraturan, Tuan Yang di-Pertua.

Cik Fong Po Kuan: Buat apa-apa sangkaan kita sini.

Seorang Ahli: Soalan ketiga.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membuat soalan tambahan tahniah Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Orangnya cantik...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:kerjanya pun

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:kerjanya pun...

Seorang Ahli: Bagus, cantik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:amat meningkatkan taraf wanita di negara ini. Yang Berhormat saya ingin nak berkongsi sedikit. Saya nak puji TV3, TV3 dalam rancangan tiap-tiap malam Isnin Bersama Mu, rancangan itu Bersama Mu yang telah mendedahkan, mendedahkan ada masyarakat kita yang makan siput babi. TV3 menjulang semangat kemanusiaan yang tinggi, kita terima kasih kepada TV3. Cuma saya nak bertanya Yang Berhormat Menteri, di mana sistem kenegaraan kita sehingga ada di kalangan penduduk negara ini, walaupun kita kata, negara kita mewah, aman,

damai, maju membangun dan sebagainya. Di mana sistem kenegaraan negara kita, di mana JKK, di mana penghulu, di mana K3P, di mana komuniti bestari, persatuan penduduk, Kementerian Kebajikan sendiri, di mana Baitulmal, di mana Badan Zakat kita dalam negara ini.

Sistem banyak di negara kita yang kata menjurus kepada memberikan bantuan dan kebaikan kepada warna negaranya. Tetapi, kalau ada dalam masyarakat kita yang makan siput babi dan kita tak tahu kecuali apabila TV3 mendedahkan dalam segmen Bersama Mu, maka terlenyaplah masalah-masalah sebenarnya dalam negara ini. Jadi, saya nak tanya dan memberikan pandangan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tahu Yang Berhormat Menteri, amat peka dalam perkara ini, saya nak tanya bagaimana sistem yang kita wujudkan dalam negara ini yang boleh merasa peka dengan keadaan-keadaan yang berlaku ini, apakah kita hanya mementingkan diri kita, persatuan ataupun JKK kampung tak ada gunanya...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ha, malulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:kerana masalah seperti ini mereka tidak dedahkan dan mereka tidak ambil tahu, penghulu di mana?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Malulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di mana rukun tetangga kita...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Malulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di mana macam-macam persatuan yang kononnya yang berjuang untuk kepentingan rakyat ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Malulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:tetapi rakyat kita makan siput babi, hanya TV3 mendedahkan...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Malu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:baru kita tahu...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Malulah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila tujukan, simpulkan kepada soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Simpulan saya ialah. Saya nak memberi kesedaran kepada kementerian, bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, tetapi sistem dalam negara ini ..

Seorang Ahli: Di mana pembangunan wanita?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...kenapa, kenapa perkara-perkara yang berkaitan dengan kemarhaenan rakyat ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Baitulmal mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...tidak kita ketahui JKK kita apa, tidur,..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Baitulmal mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:penghulu kita tidur,...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Malulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:apakah Baitulmal kita....

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, kalau nak jawab boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:sistem zakat kita, yang mengumpulkan wang berjuta-juta apakah tidak boleh memberikan bantuan kepada fakir miskin seperti ini..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Malulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:makan siput babi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik ya baik.

Seorang Ahli: Hello!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:ini malu bagi seluruh negara, malu kita mengatakan bahawa negara kita membangun dan maju, tapi rakyat kita makan siput babi..

Tuan Yang di-Pertua: Menteri dah faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...tahniah TV3, TV1 ikut, TV lain pun ikut harus mendedahkan perkara-perkara yang dialami oleh masyarakat kita ..

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:saya tak menyalahkan Menteri ini..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kerja kuat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri kerja kuat.

Seorang Ahli: Menteri satu lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cuma saya nak...

Seorang Ahli: Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:memberikan pandangan kepada semua kementerian di mana kepekaan kita termasuk kita wakil-wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang beliau.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih atas keizinan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, tahniah Persidangan NAM di Kuala Lumpur amat berjaya, Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tapi orang kita susah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri kita ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Makan siput babi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau nak jawab boleh jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri kita menjadi kebanggaan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Buat apa jabatan! Orang susah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri jawab. Nak jawab boleh jawab.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, begitu *passionate* sekali hujah Yang Berhormat daripada Sri Gading. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini sepatutnya tidak ada orang yang berada dalam keadaan begitu kecuali mereka membuat pilihan sendiri. Dalam erti kata, kalau ada yang susah yang tak ada duit untuk memakan sesuap nasi atau bumbung di atas kepalanya, kita melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa akan memberi bantuan. Walau bantuan tidak banyak, tetapi kita

Datuk Bung Moktar bin Radin : Tuan Yang di-Pertua, ini *statement* tak betul, mana ada orang mahu susah sendiri.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: ...itu bukan, itu bukan erti saya. ... Maknanya, kalau misal kata ada yang miskin yang memerlukan bantuan maklumkan sahaja kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat ya, ataupun saya nak minta kepada

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:kepada kaum keluarga ataupun masyarakat setempat ataupun jiran yang ada, yang mengetahui tentang individu-individu yang berada dalam keadaan sebegini, sila maklumkan dengan secepat mungkin kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya janji kalau JKM diberi maklum insya-Allah, pembelaan akan diberi kepada mereka. Terima kasih.

3. **Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan [Dungun]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah akan dimulakan projek Lebuh Raya Pantai Timur (LP T) di Terengganu dan bilakah dijangka siap dan bagaimana bentuk kontrak yang akan diserahkan untuk dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Kemaman yang juga diadualkan pada hari ini kerana isu yang dibangkitkan adalah sama iaitu mengenai Lebuh Raya Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan fizikal projek pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur fasa dua negeri Terengganu akan dimulakan pada bulan ini, iaitu di bahagian Bukit Payung dan akan diikuti di bahagian-bahagian yang lain mengikut pakej-pakej yang telah ditetapkan. Pembinaan keseluruhan Lebuh Raya Pantai Timur fasa dua ini akan mengambil masa selama tiga tahun dan dijangka siap pada penghujung tahun 2008.

Mengenai tata cara perolehan bagi melaksanakan projek pembinaan (LPT) dua ini kerajaan telah memutuskan supaya ia dilaksanakan melalui dua kaedah berikut:-

- i) tender terbuka di bawah kawal selia dan penyeliaan JKR iaitu bahagian dari Jabur ke Bukit Besi; dan
- ii) rundingan terus kepada MTD Capital Berhad di bawah kawal selia dan penyeliaan Lembaga Lebuh

Raya Malaysia (LLM), iaitu dari Bukit Besi ke Bukit Payung, Kuala Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tender terbuka ianya melibatkan 70 peratus dari jarak jajaran, iaitu bermula dari persimpangan bertingkat Jabur ke Bukit Besi dan dari persimpangan bertingkat Bukit Payung ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu. Tender akan dipecahkan kepada 12 pakej di mana 4 pakej diperuntukkan khas kepada kontraktor bumiputera negeri Terengganu, dan bakinya di kalangan kontraktor bumiputera seluruh negara.

Pada masa ini reka bentuk bagi pakej 11 dan pakej 12, iaitu dari persimpangan bertingkat Bukit Payung ke Kampung Gemuruh, Kuala Terengganu telah pun disiapkan.

Tawaran tender bagi pakej Plus khas untuk bumiputera negeri Terengganu telah pun dikeluarkan pada 27 Jun 2005, manakala bagi pakej 12 akan ditawarkan dalam bulan ini juga. Pelaksanaan kedua-dua pakej ini akan dimulakan sebaik sahaja proses pengambilan balik tanah diselesaikan. Tawaran tender bagi pakej-pakej lain pula dijangka akan dikeluarkan pada awal tahun 2006. Bagi baki 30% iaitu dari Persimpangan Bertingkat Bukit Besi ke Bukit Payung pula ia ditawarkan kepada MTD Capitol Berhad secara rundingan terus. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula dalam bulan ini khususnya bagi jajaran yang melibatkan tanah milik kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perancangan asal, jajaran LPT fasa 2 sepanjang 101 kilometer akan dibina selari dengan Jalan Persekutuan 14 dari Jabor ke Bukit Besi iaitu melalui Cernih, Air Putih, Kubu dan terus ke Bukit Besi. Laluan ini merentasi kawasan hutan simpan, ladang-ladang getah dan kelapa sawit yang jauh dari kawasan pembangunan dan penempatan penduduk. Pemilihan jajaran ini adalah bertujuan bagi membangunkan kawasan-kawasan baru berhampiran dengan Lebuh Raya FR 14 yang sedia ada dan menjimatkan kos pengambilan tanah. Walau bagaimanapun, berikutan dari permintaan Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk meminda jajaran LPT 2 dari Jabor ke Bukit Besi iaitu kepada jajaran yang lebih hampir dengan persisiran pantai dan Jalan Persekutuan 3 yang mempunyai kadar aliran trafik yang lebih tinggi berbanding laluan Jalan Persekutuan 14.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berkeyakinan bahawa pindaan jajaran ini akan memberikan kelebihan kepada rakyat negeri Terengganu khususnya di

daerah Kemaman dan Dungun yang akan menerima kesan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi secara langsung kedua-dua daerah tersebut. Jajaran ini juga lebih hampir dengan bandar-bandar persisiran pantai dan ini seterusnya akan menggalakkan lagi industri pelancongan serta industri gas dan petroleum di sekitar Paka dan Kertih. Pindaan jajaran ini juga mengelakkan penerokaan hutan simpan kerajaan negeri sebagai mana yang dicadangkan pembinaannya di jajaran asal. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Soalan tambahan saya, terima kasih kepada Kerajaan Pusat bagi pihak rakyat Terengganu kerana ini adalah merupakan daripada janji Barisan Nasional dalam manifesto tambahan dan kita rakamkan ucapan terima kasih. Cuma saya hendak minta soalan tambahan berkenaan apakah benar dana yang akan melaksanakan projek-projek ini sama ada yang akan dilaksanakan secara rundingan terus ataupun secara tender terbuka akan menggunakan dana khas Persekutuan iaitu dahulu kita namakan wang ehsan. Adalah menjadi harapan rakyat Terengganu sekiranya dana khas yang diperuntukkan kegunaannya untuk rakyat Terengganu. Apakah keseluruhan jalan ataupun *highway* ini (lebuhraya) tidak dikenakan tol kerana penggunaan dana khas ini adalah untuk rakyat Terengganu maka apabila kita melaksanakan lebuhraya ini yang pastinya adalah tidak adil bagi kita untuk mengenakan sebarang tol bermula dari sempadan Jabor di Kemaman sehinggalah ke sempadan yang akhir. Dan berapakah jumlah keseluruhan projek ini akan dibelanjakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat dari Dungun. Berkenaan dengan dana atau dari segi kewangan saya tidak ada maklumat akan tetapi saya boleh beri tahu bahawa kita telah pun pindah jajaran di mana dahulu jajaran lama ini adalah 174 kilometer dan sekarang telah berpindah atas permintaan dari Kerajaan Negeri Terengganu maka telah pun alihkan jajaran jalan itu sehingga sampai 190 kilometer panjang. Kosnya dianggarkan sekitar - sebab kita ada tender dan juga harga rundingan terus tetapi dianggarkan dalam lingkungan RM1.6 bilion. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya adalah merupakan pengguna

harian Lebu Raya Pantai Timur yang pertama iaitu Karak-Kuantan dan melalui pengalaman harian saya, saya lihat lebu raya ini baru sahaja siap lebih kurang satu tahun. Apa yang mendukacitakan ialah terlalu kerosakan telah berlaku termasuk antaranya dua jambatan telah pun mendap sekarang dan jalan-jalan di lebu raya ini bergelombang. Saya hendak tanya pihak kementerian, Setiausaha Parlimen, apakah tindakan yang diambil seperti yang dibuat sekarang yang akan ditentukan oleh kementerian atau pihak kerajaan supaya memastikan lebu raya kedua dari Kuantan ke Terengganu ini tidak akan mengalami masalah yang sama di mana saya kira ada sebab-sebab di mana-mana sama ada kontraktor ataupun perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di sebalik pelaksanaan lebu raya ini. Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Bergelombang ye!

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Maran. Dalam membina satu lebu raya atau jalan memang ada piawaian yang kita tentukan. Pihak yang mengendalikan projek ini akan sentiasa menjaga supaya standardnya sampai ke tahap yang diperlukan. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Maran kita akan bawa ke pihak pelaksana supaya ia akan lebih diteliti semasa pembinaan jalan ini dibuat. Terima kasih.

4. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang mempergiatkan program Rukun Tetangga sebagai satu langkah mewujudkan semangat sekampung di kalangan rakyat dan membanteras kegiatan jenayah di setiap taman kediaman di kawasan banar. Apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) sentiasa merancang dan merangka strategi serta pendekatan yang komprehensif dalam mewujudkan kawasan Rukun Tetangga di semua tempat di negara ini terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar. Pewujudan KRT di seluruh negara sehingga Jun 2005 ialah sebanyak 3,004 buah kawasan. JPNIN dari masa ke semasa sedia memproses permohonan penubuhan KRT di semua kawasan bandar dan pinggir bandar. Jawatankuasa Rukun Tetangga berperanan dalam meningkatkan semangat kejiranan dan memastikan kesejahteraan

komuniti setempat. Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga dalam memupuk dan meningkatkan semangat kejiiran di kalangan masyarakat pelbagai kaum adalah melalui interaksi pelbagai kaum di dalam majlis-majlis perayaan, sukarela, hari keluarga serta pewujudan pelbagai aktiviti. Dengan cara ini masyarakat boleh berkenalan di antara satu sama lain sekali gus menghapus halangan sosial.

Kerajaan sedar akan peningkatan kadar jenayah dan gejala sosial di negara kita melalui laporan media dan juga laporan kepada pihak berkuasa. Jawatankuasa Rukun Tetangga juga turut berperanan dalam usaha untuk membanteras kegiatan jenayah dan gejala sosial dengan melaksanakan skim rondaan sukarela ataupun yang kita namakan SRS dan melalui skim ini ia mampu mengawasi dan mencegah penyakit sosial dan mengawal keselamatan kawasan sejiran. Skim rondaan sukarela ini dilaksanakan dengan kerjasama pemastautin sesuatu kawasan dengan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Skim rondaan sukarela ini juga memberi kesedaran mengenai pentingnya masyarakat mengambil berat mengenai keselamatan kawasan tempat tinggal masing-masing yang merupakan tanggungjawab bersama serta semangat kejiiran yang meluas yang berupaya melibatkan kerjasama dari pelbagai pihak. Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan berjumlah RM2,500 untuk pembelian peralatan rondaan bagi Rukun Tetangga yang memohon untuk menjalankan skim rondaan sukarela. Sehingga ini jumlah rukun tetangga yang telah membuat permohonan SRS dan mendapat kelulusan kerajaan ialah berjumlah 387 permohonan.

Langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga melalui pelaksanaan program-program dan aktiviti kejiiran serta SRS telah berjaya mewujudkan, mengekal dan memperkukuhkan keharmonian dan kesejahteraan dalam masyarakat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya selain daripada Rukun Tetangga, memandangkan kes jenayah ragut masih berleluasa di bandar raya Johor Bahru, dalam beberapa dialog di antara penduduk dengan pihak polis yang pernah saya hadiri jelas menunjukkan kekerapan berlakunya jenayah ragut telah membimbangkan penduduk-penduduk di kawasan kediaman, khasnya di bandar raya dan khususnya kaum wanita sehingga

kebanyakannya takut hendak melangkah keluar dari pintu rumahnya. Pihak polis nampaknya tidak dapat mengambil langkah yang berkesan untuk menangani dan menyekat peningkatan kes ragut sehingga kini. Apakah kerajaan bercadang membuat sesuatu untuk membendung jenayah ragut dan memulihkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan di kawasan kediaman mereka?

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang perihal untuk menjaga keselamatan khususnya di kawasan perumahan adalah tanggungjawab semua pihak. Negeri Johor sebenarnya adalah negeri yang paling banyak Rukun Tetangga iaitu 397. Pihak kita akan menyelidiki perkara khususnya di kawasan Johor Bahru dan memastikan berapa jumlah rondaan sukarela yang telah pun ditubuhkan setakat ini.

Pada masa yang sama saya secara kebetulan adalah Pengerusi Malaysian Crime Prevention Foundation (MCPF) dan beberapa perbincangan telah pun diadakan mengenai perkara ini dan MCPF dalam proses mengadakan lawatan kerja ke Johor Bahru di mana pihak kita akan membincangkan perkara ini sekali gus bersama-sama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Rukun Tetangga sebagai satu langkah yang baik untuk memupuk kejiranan tetapi ia mesti bebas daripada politik kerana saya lihat RT di Bukit Mertajam, mereka kata hanya penduduk yang menjadi penyokong kepada Barisan Nasional boleh menjadi pemimpin di dalam RT. Kalau ini adalah satu jawatankuasa yang dapat menyatukan semua penduduk dan mendapat kehormatan semua penduduk barulah ia boleh beroperasi. Kalau ia mengecualikan dan tidak mahu penduduk yang menyokong pembangkang menjadi ahli jawatankuasanya, saya rasa penduduk yang menyokong pembangkang juga tidak akan menyertai program-program yang di *organize*. Kalau begitu bagaimana ia boleh memupuk semangat kejiranan?

Saya harap kementerian dapat mengarah supaya ia mesti bebas daripada politik. Sekiranya tidak, bagaimana ia hendak mencapai objektifnya? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Menteri menjawab.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya sedia maklum dan perkara ini pernah disentuh secara peribadi kepada

saya seperti Yang Berhormat katakan sampai dia tidak dijemput dalam majlis Ahli Jawatankuasa Kejiranan. Tetapi saya katakan barangkali mereka tidak tahu Yang Berhormat tinggal di situ. Namun demikian, saya ingin tegaskan dalam perkara ini bahawa memanglah Rukun Tetangga adalah satu persatuan penduduk di dalam sesuatu kawasan yang diwartakan sebagai kawasan Rukun Tetangga.

Saya tegaskan di sini ia adalah satu badan sukarela yang bebas daripada politik. Hanya di dalam memupuk jawatankuasa tersebut ia berasaskan juga kepada yang mereka yang minat, yang keluar untuk mendaftar diri menjadi ahli jawatankuasa dan di dalam perundingan tersebut memanglah yang terpilih, barangkali mereka yang rajin keluar dan telah timbul untuk mengambil bahagian dalam pembentukan tersebut. Tetapi ia bebas dari segi politik dan sentiasa ditegaskan bahawa Rukun Tetangga hendaklah bersifat tersebut dan perihal parti-parti politik itu ditinggalkan di luar daripada kawasan Rukun Tetangga ataupun dalam parti masing-masing.

Jika ada aduan-aduan yang spesifik dalam perkara ini bolehlah memberi maklumat kepada saya. Tetapi saya katakan di sini bahawa ia bebas daripada politik dan memanglah kita *expect*, dengan izin, bahawa sesuatu badan sukarelawan yang ditaja oleh kerajaan ia haruslah satu badan yang menyokong kerajaan yang dipilih oleh rakyat kerana ia adalah jentera kerajaan untuk memupuk perpaduan. Tetapi ia tidak boleh bermain politik di dalam Rukun Tetangga dan setakat ini tidak ada aduan-aduan yang saya terima secara khusus di dalam perkara ini. Sekian, terima kasih.

5. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan adakah kerajaan sudah merangka Dasar Hiburan Negara untuk dihayati di negara ini dengan mengambil kira pandangan syari'e agar ia tidak menimbulkan sesuatu yang negatif.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu sudah pun terliput di bawah etika persembahan artis di bawah pengawasan kementerian ini. Sebahagian daripada pengawasannya juga berada di bawah kuat kuasa enakmen syariah kerajaan-kerajaan negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun, bagi artis-artis yang ingin mengadakan persembahan sama ada berbentuk hiburan atau kesenian dan kebudayaan, satu garis panduan telah

disediakan oleh jawatankuasa agensi pusat permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara yang diurus setiakan oleh kementerian ini dan garis panduan ini berasaskan kepada lunas-lunas dasar kebudayaan kebangsaan dengan memberi perhatian kepada nilai-nilai murni dan etika ketimuran, mengambil kira amalan rakyat yang berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan terima kasih banyak kerana sudi datang untuk memberi jawapan kepada soalan saya sekejap tadi dan saya mengucapkan terima kasih di atas usaha yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri sempena dengan jawatan baru yang disandang oleh Yang Berhormat. Saya kira ada beberapa perubahan yang baik dan ke arah kesejahteraan rakyat.

Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya, sebagaimana yang kita maklum bahawa pembentukan sebuah negara ini ia terlibat dengan beberapa unsur ataupun faktor-faktor penting, di antaranya pendidikan, ekonomi, sosial dan hiburan di mana kita melihat bahawa hiburan mengambil ruang yang begitu luas di negara kita. Satu hari satu malam dengan berbagai-bagai TV yang telah dikemukakan kepada rakyat bagi tujuan untuk membentuk minda dan pengetahuan juga ilmu sehingga terbentuk satu masyarakat yang lebih harmonis, lebih baik daripada yang telah sedia ada. Cuma saya melihat daripada apa yang ditonjolkan di kaca TV ataupun di dada-dada akhbar, media cetak, saya masih lagi melihat bahawa walaupun sudah ada pemantau dari segi syaraknya, tetapi saya melihat bahawa di sana masih banyak perkara-perkara yang bertentangan dengan akidah, dengan syarak.

Semalam kita berbincang masalah mengenai soalan ini - perkara-perkara yang berkaitan dengan rakyat kita. Saya melihat begitu. Yang kedua ia tidak mencerminkan sebenarnya - tidak mencerminkan kehidupan rakyat di negara kita ini - kerana ia banyak seolah-olahnya hiburan yang ditayangkan, yang dikemukakan kepada masyarakat kita ini seolah-olahnya diimport daripada negara-negara barat, sehinggakan pemuda dan pemudi kita banyak yang terpengaruh. Di Bollywood misalnya, filem-filem yang ditunjuk melalui Bollywood yang memakai subang di pusat juga mereka lakukan di sini.

[Disampuk]

Soalan, soalan. *[Ketawa]* Sabar, sabar, sabar, kalau Sri Gading bercakap panjang, saya bercakap panjanglah juga di sini. Untuk kebajikan negara kita ini Sri Gading. Ha, tengok juga tengok, Yang Berhormat Ketereh, tengok! Takkan tak tengok, kita pun pantau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Menteri sudah faham.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, ya, ya.

Tuan Yang di-Pertua: Beri peluang menjawab...

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya mahu di sini Tuan Yang di-Pertua, iaitu apakah di sana ada jawatankuasa pemantau ataupun panel ini disertai oleh pelbagai pihak, daripada parti pembangkang, oleh Jabatan Mufti dan oleh pihak-pihak lain sehingga betul-betul apa yang dikemukakan ini walaupun tidak seratus peratus, sekurang-kurangnya apa yang disebut oleh kerajaan kita negara Islam dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, insya-Allah, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Speaker, bagi Pasir Mas menyatakan sedemikian, saya mengucapkan terima kasih, insya-Allah, kita akan terus menggembleng tenaga dan juga mengerahkan segala tumpuan kita ke arah memperbaiki tanah air serta budaya, bangsa dan agama kita. Namun, di celah-celah pandangan tadi, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah kita di negara ini mempunyai satu perbalahan antara nilai-nilai dengan pelaksanaan. Oleh kerana soal ini adalah soal yang begitu majmuk dan meliputi pelbagai aspek seperti dikatakan dalam pepatah 'kalau dilipat sekecil kuku, kalau disebar seluas alam', soalan tadi. Jadi, saya cuba untuk hanya menyusun sedikit pandangan terhadap pengawasan. Oleh kerana keadaan global yang ada di angkasa raya dan dengan adanya percantuman perhubungan serta Internet dan sebagainya, bagi sesebuah kerajaan untuk memantau dan memutuskan secara spesifik nilai-nilai tidak dapat diperakukan waima di Saudi, di Turkey ataupun di negara-negara Timur Tengah sekalipun.

Walau bagaimanapun, dengan pengawasan yang dibuat oleh JAKIM, oleh Jawatankuasa PUSPAL yang saya sebutkan tadi, dengan enakmen-enakmen syariah di negeri masing-masing dan dengan kuat kuasa undang-undang syariah di bawah garis panduan serta penguatkuasaan majlis-majlis daerah dapat kita tentukan sebahagian besar daripada nilai-nilai tersebut. Oleh yang demikian, sekiranya boleh kita memberi

panduan ini kepada peringkat yang dapat dikuatkuasakan terus-menerus, semua kerajaan negeri juga harus memainkan peranan dalam pemantauan mereka terhadap hiburan yang diadakan di negeri masing-masing.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa soal hiburan ini adalah soal majmuk yang bukan sahaja melibatkan kementerian beliau tetapi juga agensi dan kuasa-kuasa kementerian lain. Jadi, soalan saya di sini Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kerajaan bercadang untuk berunding ataupun berbincang dengan kementerian lain, Kementerian Multimedia dan Komunikasi serta Kementerian Penerangan untuk mengkaji dan memantau soal hiburan ini, kerana apabila kita bercakap soal hiburan, bukan sahaja hiburan di pentas, bukan sahaja hiburan di *road show*, tetapi juga hiburan di TV yang mana kuasa itu sekarang ini kuasa pemantauan terletak kepada Kementerian Multimedia dan Komunikasi. Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk bekerjasama dengan kementerian ini bagi memastikan apa yang disiarkan di TV1, TV2 dan TV3 itu adalah selaras dengan kehendak kerajaan bagi memastikan hiburan yang disiarkan itu adalah terkawal dan tidak merosakkan nilai-nilai dalam masyarakat kita. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Parit. Lebih daripada muafakat sebenarnya kita adakan, dan setiap kali mana-mana pihak mengemukakan perkara atau masalah berkaitan dengan hiburan, dengan filem, persembahan pentas ataupun persembahan yang dibawa dari luar, kami mencari jalan bagaimana gelagat atau kelakuan yang keterlaluan harus kita ketepikan. Jadi, di bawah Akta Komunikasi yang ada, di bawah bidang tugas dan bidang kuasa Yang Berhormat Menteri berkenaan, telah diperuntukkan bahawa beliau boleh mengenakan syarat-syarat tertentu. Tetapi kementerian ini sentiasa memberi panduan kepada kementerian tersebut, di samping memberi pandangan kepada Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Pembangunan Keluarga dan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain. Malah terhadap Kementerian Pelajaran pun, Kementerian Kebudayaan mempunyai suatu rangka kerjasama yang sangat erat.

Namun demikian, seperti yang disebutkan kita tidaklah 'terkarang batu sepuluh' dan di atas pemancaran filem dari angkasa misalnya menerusi Astro, kita ada kuasa itu

untuk dipantau menerusi *censor board* , dengan izin atau Lembaga Penapisan Filem. Ini sesuatu yang saya sendiri merasakan harus kita atasi sama ada memanggil dan memberi amaran kepada Astro ataupun pihak yang menjalankan lunas perniagaannya di Malaysia ataupun mengenakan syarat undang-undang di bawah Akta Komunikasi tersebut.

6. **Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menaik taraf Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) kepada Majlis Perbandaran. Jika ada, bilakah rancangan berkenaan akan dilaksanakan dan apakah strategi atau pelan tindakan yang diatur untuk tujuan berkenaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian telah menetapkan kriteria pihak berkuasa tempatan (PBT) ke taraf perbandaran di antaranya ianya adalah pusat pentadbiran sesebuah daerah mempunyai penduduk melebihi 100,000 orang, mempunyai jumlah pendapatan tahunan melebihi RM10 juta dan juga ada kriteria yang lain. Sesebuah majlis daerah adalah layak untuk dipertimbangkan kepada majlis perbandaran sekiranya ianya telah memenuhi kriteria yang ditetapkan. Sebarang cadangan untuk menaikkan taraf sesebuah pihak berkuasa tempatan perlulah dibuat melalui kerajaan negeri masing-masing. Setakat ini kementerian belum lagi menerima sebarang permohonan rasmi mengenai menaik taraf Majlis Daerah Kuala Selangor kepada majlis perbandaran daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk satu kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor pada 14 April 2004 yang menyebut, bahawa Majlis Daerah Kuala Selangor akan dinaikkan taraf sebagai majlis perbandaran pada penghujung tahun 2005. Ini disebabkan ia telah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kementerian.

Yang pertama, jumlah penduduk Kuala Selangor hari ini seramai 243,700 orang lebih daripada 100,000 yang disyaratkan.

Yang kedua, jumlah hasil yang ditetapkan sebanyak RM10 juta hasil yang dapat dikutip secara perbandingan tahun 2003 – RM14 juta; tahun 2004 – RM33 juta. Ini

bermakna Majlis Daerah Kuala Selangor layak untuk diangkat sebagai Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

Jadi, saya berharap dan saya difahamkan Majlis Daerah telah mengemukakan cadangan kepada pihak kerajaan negeri dan juga kepada kementerian yang mana Majlis Daerah juga mencadangkan supaya keseluruhan kawasan di daerah Kuala Selangor diwartakan sebagai kawasan pentadbiran majlis bagi memudahkan pengawalan pembangunan.

Saya mencadangkan kepada kementerian supaya Ahli-ahli Parlimen turut terlibat dalam perancangan dan pembangunan Majlis Daerah atau majlis perbandaran khususnya pihak berkuasa tempatan, saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri kepada surat saya tentang penyertaan Ahli-ahli Parlimen. Walaupun keanggotaan Ahli Parlimen dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah tidak memadai dan Yang Berhormat Menteri menyebut sekadar dijemput tetapi taraf pemerhati, sedangkan kami semua wakil rakyat ingin turut terlibat dan membawa segala aduan rakyat kepada pihak berkuasa tempatan. Saya mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, *procedure*nya ialah Kerajaan Negeri Selangor kena bawa ke EXCO dan dibawa ke kementerian dan kemudian cadangan itu akan dipertimbangkan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pemandu Saiz Perkhidmatan Awam dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara. Barulah kementerian dapat bawa ke pertimbangan Jemaah Menteri. Jadi, peringkat ini belum kita terima secara rasmi, kalau dapat saya memang akan bantu sekiranya kriteria memang yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu telah pun memenuhi.

Saya ingin menegaskan juga, selain daripada kriteria angka atau berapa hasil, berapa orang, itu hanya sebahagian. Kita perlu menekankan juga terhadap perkhidmatan perbandaran yang berkualiti, kecekapan pengurusan yang tinggi, semua itu pun faktor yang penting.

Walau bagaimanapun, bagi bahagian kedua, Yang Berhormat telah sebut, sebenarnya sebagai Ahli Parlimen, tugasnya sangat luas, dia bila-bila boleh bincang apa-apa perkara dengan pihak berkuasa tempatan termasuklah Tuan Yang di-Pertua sendiri dan perkara ini saya telah bincang dengan Yang Berhormat bagi Kuala Selangor

yang cadangan, pandangan beliau saya telah pun ambil perhatian dan dikemukakan, juga dibincang apabila ada peluang dalam Jemaah Menteri.

7. **Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengawal harga, terutamanya makanan yang sentiasa meningkat dan membebankan golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan Yang Berhormat Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] pada hari ini dan Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai [Cheras] pada 7 Julai 2005 kerana kesemuanya menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang diambil kira oleh kerajaan dalam membuat keputusan untuk menaikkan harga petrol antara adalah:

- (i) peningkatan kos produk bagi pengeluaran petrol;
- (ii) jumlah subsidi yang ditanggung oleh kerajaan; dan
- (iii) kadar kenaikan yang munasabah.

Berikutan kenaikan harga runcit produk petroleum tersebut, kementerian telah mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi memastikan kenaikan tersebut tidak mempengaruhi atau memberi kesan ke atas harga runcit, barangan-barangan lain termasuk harga makanan siap dimasak.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) membuat pemantauan harga ke atas 255 jenis barangan keperluan harian setiap minggu yang dijalankan di 63 buah pusat kutipan harga. Siasatan lanjut dijalankan sekiranya terdapat kenaikan harga tanpa justifikasi yang munasabah;
- (ii) mengadakan perbincangan dengan pengeluar dan pengimport pengusaha-pengusaha pasar raya dan *hypermarket* dan juga peruncit barangan-barangan keperluan bagi mendapatkan komitmen mereka untuk tidak menaikkan harga barangan masing-masing;

- (iii) secara konsisten menjalankan pemeriksaan bagi memastikan peniaga-peniaga tidak melakukan perbuatan mencatu atau apa-apa aktiviti lain yang boleh menjejaskan kedudukan bekalan dan harga barangan.

Penekanan turut diberi dari aspek pematuhan tanda harga, umumnya kenaikan harga produk petroleum adalah minimum dan ini tidak memberi kesan ke atas harga runcit barangan-barangan lain.

Namun begitu, Kementerian akan terus menjalankan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan harga barangan-barangan kekal stabil dan tidak membebankan rakyat. Tindakan tegas sewajarnya akan diambil jika ada mana-mana pihak menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Kerajaan juga telah menjalankan langkah-langkah bagi menjelaskan kepada rakyat tentang situasi harga minyak mentah yang terus meningkat dan tidak lagi berupaya dikawal harga runcit bahan-bahan petroleum melalui sistem subsidi yang selama ini dinikmati.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga terima kasih kepada kerajaan atas usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengawal supaya harga makanan dan harga-harga barang-barang ini tidak naik. Tetapi sungguhpun perkara ini dibuat, dipantau rakyat masih merasa bahawa kos harian sudah mula bertambah dan yang menjadi satu kehairanan kepada saya ialah semuanya meletakkan harga naik ini kerana harga petrol naik.

Saya hendak beri contoh, sebuah negara jiran yang terdekat dengan kita, yang mana harga petrolnya jauh lebih mahal daripada harga petrol di negara kita. Dieselnya harga RM2.00 di negara Thailand. Tetapi di Thailand beras murah, makanan murah, hotel murah, tempat duduk murah, orang murah, nyawa pun murah. *[Ketawa]* Saya hairan bagaimana mereka boleh *survive* dalam keadaan semua murah tetapi harga petrolnya tinggi.

Kita bila petrol naik, barang naik. Petrol naik, barang naik. Saya tahu kerajaan berusaha. Apakah kita tidak boleh belajar daripada Thailand?

Seorang Ahli: Ya, betul! *[Tepuk]*

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ini yang menjadi – saya berada di sempadan Kelantan dengan Thailand, orang selalu tanya kepada wakil rakyat Barisan Nasional, apa kerajaan buat ini? Petrol naik, barang naik. Petrol naik, barang naik. Tetapi di Thailand petrol naik, barang turun, petrol naik, barang turun. *[Tepuk]* Perempuan pun murah di Thailand. *[Disampuk]* *Something wrong*, Tuan Yang di-Pertua, kita kena berusaha. Saya hendak minta Menteri tolong jawablah saya punya kebuntuan dengan rakyat ini dan ini merupakan persoalan rakyat hari-hari. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ketereh. Memang saya akui bahawa kalau dibanding dengan negara-negara jiran kita perbezaan dari segi budaya peniaga-peniaga jauh, dari segi langkah-langkah yang telah diambil bila mana faktor, contoh macam kenaikan harga petrol meningkat. Peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan bukan hanya daripada itu bahkan juga bukan hanya berlaku di Thailand, di negara-negara yang lain pun termasuk Singapura dan lain-lain.

Tetapi saya tahu bahawa ada kes-kes yang kita dapati sebahagian, bukan keseluruhan peniaga mengambil kesempatan. Itu yang perlu kita ambil tindakan tegas terhadap mereka ini dan salah satu langkah selain daripada penyediaan prasarana seperti yang saya katakan tindakan perundangan, tindakan *enforcement*. Tetapi kita selaku pengguna, kita selaku pembeli, kita selaku penentu mesti bertindak bijak. Kalau kita menentukan pasaran, orang bilang *demand will determine the price, not the supply*.

Kalau sekiranya kita selaku pengguna memainkan peranan yang berkesan, bertindak bijak menjadi pelindung kepada hak kita sendiri tanpa kita tertarik dengan mana-mana pihak, contohnya kalau kita dapat membuat perbandingan, tempat ini harganya murah, tempat ini harganya mahal, walaupun kemungkinan jaraknya tidaklah begitu jauh sangat tetapi boleh kita sampai dengan penjimatan RM1, RM2, RM3 barangan, kemungkinan boleh menampung keperluan untuk membayar teksi, kos pengangkutan kita.

Maka, pengguna-pengguna di negara kita pada hari ini harus sedar, harus memainkan peranan yang lebih proaktif untuk memastikan supaya hak-hak mereka juga dapat dilindungi. Dan, kita boleh memainkan peranan untuk menurunkan kadar inflasi.

Ini yang saya melihat kerana kita dapati bahawa di setengah-setengah tempat, contohnya di negara-negara yang lebih teruk daripada negara kita, dari segi kos peningkatan petroleum, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *go another days inflection rate is below one or two percent.*

Kita tidak boleh beranggapan bahawa keadaan kos di dunia apatah lagi di negara kita, negara yang berdagang ini kadar inflasi akan dalam keadaan yang begitu rendah. Kadar hendak tambang, kadar hendak belanja, kadar hendak kahwin, Yang Berhormat bagi Ketereh pun tahu, sudah jauh meningkat hari ini daripada dahulu.

So, kita tidak boleh beranggapan bahawa kos sekarang ini *stagnant*. 10 tahun akan datang, *stagnant*, 15 tahun akan datang ia akan meningkat. Tetapi, peningkatan ia mesti munasabah. Kalau peningkatan, hari ini kita naikkan, contohnya naik petrol, selepas itu minuman, makanan dinaikkan sampai 60%. Walhal, komponen daripada petroleum tidaklah begitu besar sangat.

Saya minta supaya salah satu *instrument* dengan izin, yang amat berkesan untuk kita dapat membendung, membudayakan peniaga yang selalu mengambil kesempatan ialah kita bertindak bijak. Contohnya bila ayam naik harga dia, kita tidak beli. Kita beli tempat lain. Tidak hendak makan ayam, ada protein lain dan penjual tidak akan menjual ayam dengan kadar harga yang tinggi kalau pembeli bertindak bijak. Ini yang saya katakan, kempen yang kita lakukan, *be a smart consumer*. Kerajaan, undang-undang tidak akan bersama kita waktu itu bila kita membeli barangan ini. Kita selaku pembeli harus bertindak bijak untuk membudayakan peniaga-peniaga yang selalu mengambil kesempatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan, soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Soal terus.

Dr. Tan Seng Giaw: Ooh *sorry, sorry*, masa sudah tidak ada dah ya. *[Ketawa]* Saya memang setuju dengan pemberian bestari dan sebagainya, smartkah. Apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian memandangkan harga minyak antarabangsa sudah meningkat mencecah lebih 60 dolar Amerika. Saya nampak walaupun Yang Berhormat sudah menggunakan 1,600 penguat kuasa untuk memantau di 64 pusat dan barang-barang itu saya diberitahu 225 jenis barang dan sebagainya, nampaknya masih ada yang meningkat termasuklah daging khinzir. Pada dua, tiga bulan ini meningkat dengan banyak, seolah-olah pihak kementerian itu, kuat kuasanya tidak begitu berkesan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada kita semua, dengan usaha, memang ada usaha yang dibuat oleh pihak kementerian itu, mengapa negara kita masih mengalami masalah inflasi?

Saya setuju kita dengan tekanan harga minyak yang begitu tinggi, yang begitu hebat, kita susah hendak mempertahankan. Walau bagaimanapun, saya nampak dari segi daging ayam, daging lembu, daging kambing itu, boleh tahan lagi. Ada baik sikit. Tetapi daging khinzir itu memang tidak boleh tahanlah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw: dengan masyarakat majmuk ininya. Banyak lagila, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, baik.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Dia cerita fasal khinzir, macam-macam. Tetapi, saya ingat isi kandungan pada soalan beliau ialah mengenai dengan inflasi. Saya akui bahawa kadar inflasi ada peningkatan. Tetapi peningkatannya kalau berbanding dengan negara-negara lain, negara kita masih rendah lagi berbanding dengan Singapura, berbanding dengan Thailand, berbanding dengan negara-negara jiran yang lain. Kita berupaya mengawal, membendung kadar inflasi tidak naik begitu mendadak ialah oleh kerana beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan. Sebahagiannya ialah kita gunakan pendekatan untuk mengawal barangan. Kawalan barangan keperluan dalam musim perayaan, dalam musim-musim tertentu. Sehingga pada hari ini pun, kita masih

mengawal barang-barangan seperti petroleum, barang-barangan tertentu seperti gandum dan lain-lain.

Ini adalah merupakan langkah-langkah yang telah diguna pakai oleh kerajaan dan ia telah membuahkan hasil untuk membendung kadar inflasi. Ada implikasi yang lain, *interest rate, money supply*. Tetapi, kita dapat melihat kadar ini juga diguna pakai oleh negara-negara barat seperti Amerika Syarikat tetapi kadar inflasi mereka masih di paras yang *double digit* dengan izin, tidak begitu terkawal. Walaupun demikian, kerajaan insya-Allah, memantau dalam keadaan harga barangan petroleum yang semakin meningkat dengan paras sehingga USD61, USD60 per *barrel* satu kadar yang agak tidak realistik dan kita akan memantau keadaan ini dan insya-Allah kita akan memastikan supaya kadar inflasi, walaupun ada peningkatan, tidaklah peningkatan yang agak meningkat, ketara sangat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan untuk pagi ini.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**KRISIS DAYA SAING MALAYSIA DI SENARAI IMD
WORLD COMPETITIVENESS YEAR BOOK 2005**

11.15 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membentangkan usul yang berbunyi bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan permintaan Ketua Pembangkang Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai krisis daya saingan Malaysia dan jatuh 12 tempat dari nombor 16 menjadi nombor 28 di senarai *IMD World Competitiveness Year Book 2005* dan untuk kali pertamanya kalah dalam segi daya saingan antarabangsa kepada negeri Thailand.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di dalam jawapan bertulisnya terhadap pertanyaan saya baru-baru ini telah menerangkan sindrom penafian yang menjangkiti kementeriannya apabila beliau cuba menutup isu serius krisis daya saingan negara ini dengan memberi alasan yang lemah dan tidak berwibawa dengan mencabar *IMD World Competitiveness Year Book 2005* dan mendakwa bahawa daya saingan Malaysia masih kukuh jika dilihat dari konteks yang spesifik, luas dan bukannya hanya tertumpu kepada suatu *indicator* dengan enggan mengakui kewujudan masalah daya saingan antarabangsa Malaysia yang semakin merusuh.

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah gagal dalam tugasnya terhadap kementerian serta negara pada keseluruhannya kerana Malaysia tidak akan dapat memulihkan daya saingannya dan memenuhi matlamat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengutamakan kecemerlangan serta memperkukuhkan daya saingan negara demi menjenamakan semula Malaysia di pasaran antarabangsa sekiranya kerajaan terus dijangkiti sindrom penafian dan enggan menghadapi krisis daya saingan Malaysia. Parlimen harus membahaskan isu krisis daya saingan Malaysia ini supaya menjadikannya sebagai agenda utama kerajaan, khasnya bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sekiranya:

- (i) Malaysia tidak mahu kalah dalam persaingan untuk maju dalam pasaran global; atau
- (ii) gagal dalam kempen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjenamakan semula Malaysia di dunia antarabangsa sebagai negara korporat dan berintegriti, kualiti, selamat, khidmat dan berkesan

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Ipoh Timor pada 1 Julai 2005. Teks usul itu tadi adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

- (i) syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara tertentu;

- (ii) syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu.

- (a) perkara ini adalah perkara tertentu,
- (b) kepentingan orang ramai. Ini adalah bagi kepentingan orang ramai dan
- (c) berkehendak disegerakan.

Pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan. Isu daya saingan Malaysia dalam buku Tahunan Daya Saingan Sedunia IMD 2005 telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan telah pun diberi jawapan bertulis oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bertarikh 27 Jun 2005.

Saya telah meneliti Buku Tahunan Daya Saingan Sedunia (IMD) 2005, mendapati laporan tersebut perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas memandangkan ia berdasarkan pelbagai sumber termasuk data-data utama dan data kaji selidik yang lebih mengikut persepsi sekelompok sektor swasta pada satu tempoh masa. Usaha mempertingkatkan daya saing negara adalah satu usaha yang berterusan oleh kerajaan atau mana-mana badan termasuk menubuhkan Jawatankuasa Koordinasi Daya Saingan Nasional yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dipantau oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia. Oleh yang demikian, saya menolak usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[4 Julai 2005]**

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat bagi Langkawi untuk menyambung berucap.

11.21 pagi.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyambung ucapan saya pada hari ini. Minggu sudah semasa saya berucap, beberapa Ahli Yang Berhormat telah mencelah, di antaranya ialah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Hulu Langat dan sebahagian lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya telah menjawab kerana saya amat *passion* dengan Langkawi, dengan izin, kerana saya datang dari Langkawi dan seterusnya tindakan yang terpaksa dibangunkan secepat mungkin. Saya juga ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana membentangkan rang undang-undang ini sebagai satu usaha untuk memajukan Langkawi.

Saya juga berterima kasih kepada Kementerian Pengangkutan yang telah mengadakan rang undang-undang untuk menjadikan Langkawi sebagai pusat untuk pendaftaran kapal layar di serata dunia dan juga Kementerian Kewangan yang telah memberi wang yang begitu banyak kepada Langkawi untuk dibangunkan dan juga Kementerian Pelancongan dan lain-lain lagi yang telah berusaha sedaya upaya untuk membangunkan Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, Langkawi *offer* ataupun memberi banyak benda yang kita boleh beri sebagai satu tempat yang begitu cantik sekali di Malaysia. Bukanlah maknanya Langkawi yang terbaik, banyak lagi yang terbaik, tetapi ia telah diadakan sebegitu rupa kerana telah dibelanjakan berbilion ringgit untuk memberikan Langkawi sebagai tempat pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, malahan sekarang ini kita telah mengadakan berbagai-bagai perkara. Kapal layar bukanlah perkara baru bagi kita. Kapal layar telah diadakan di Langkawi dengan empat *regatta* yang telah diadakan iaitu *Regatta BMW, Prime Minister's Cup, Regatta Raja Muda Cup*, Selangor dan kita juga ada *regatta* untuk budak-budak ataupun remaja yang dikatakan sebagai *Regatta Perdana* yang telah kita adakan, saya sendiri sebagai pengerusinya dan juga sebagai penganjur. Kita telah

mengadakan *regatta* ini kerana kita fikirkan anak tempatan perlulah didedahkan dengan kapal layar ini.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Abu Bakar bin Taib: Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang tertarik dengan *regatta*. Saya pun berharap *regatta* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi itu boleh mencapai tahap yang tinggi seperti *Henry Regatta* di England dan sebagainya, itu saya harapkan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan ini, kalau kita bandingkan kemudahan-kemudahan di Langkawi dan tarikan yang ada di pulau itu dengan Phuket, apakah tahap kita?

Saya sebutkan ini disebabkan ramai pelancong yang pergi ke Phuket yang tidak menghiraukan apa-apa sahaja yang ada di Langkawi walaupun ada Lang yang Merah tetapi Lang yang Merah di Langkawi pun kurang, saya tidak nampak, Lang Putih ada, Lang Kelabu pun ada dan sebagainya, Lang Merah tidak ada. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan bagaimana kita boleh mengadakan Lang yang Merah sungguh-sungguh Langkawi termasuklah Jentayu.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong yang begitu tertarik dengan *regatta*. Memang benar, Tuan Yang di-Pertua, *regatta* telah diadakan di Langkawi boleh dikatakan baru lima tahun yang lepas ataupun enam tahun yang lepas. Sebelum ini kita ada *regatta* yang Raja Muda Cup ini sudah lama dan saya percaya ia akan diperkembangkan setahun demi setahun untuk menandingi *regatta* di Phuket dan juga macam *Tasmania Cup*, *Australian Cup* dan sebagainya.

Saya percaya ia sebenarnya boleh dilakukan dengan penyertaan lebih banyak lagi rakyat tempatan. Saya percaya juga *regatta* yang telah kita anjurkan ini adalah untuk memberi ruang kepada mereka yang remaja, yang saya katakan Perdana Cup tadi itu ialah *regatta* yang bertaraf budak-budak kecil, 8 tahun atau 9 tahun. Dari segi optimismya, 8 tahun, 9 tahun, 10 tahun, 11 tahun dan 12 tahun. Selain daripada itu yang

bertaraf remaja sedikit ialah 15 tahun, 16 tahun, 17 tahun dan juga *wind surfing* kita adakan di Langkawi.

Semua ini untuk mendedahkan Langkawi sebagai tempat kita mengadakan *yachting* dan saya percaya inilah caranya kita perlu kaitkan dengan Langkawi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelancongan dan juga pihak Kementerian Belia dan Sukan yang telah membantu kita mengadakan semua ini.

Berkenaan dengan lang itu, lang memanglah ada banyak jenisnya tetapi percayalah Langkawi itulah “Lang” ialah helang dan “Kawi” ialah batu merah atau batu kawi yang berwarna merah. Yang lain-lain ialah serpihan daripada itu. ‘Jentayu’ pula ialah kalau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua masih ingat cerita Langkawi dengan burung garuda dan Jentayu. Perkelahian yang berkaitan dengan garuda yang menyerang Langkawi dan juga antara China dan Putera Rom datang ke Langkawi. Itulah cerita yang dikaitkan dengan legenda tersebut. Walau bagaimanapun, itu adalah satu kaitan sampingan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengadakan *regatta* ini boleh dikatakan sebagai satu tempat mungkin, insya-Allah kita akan *promotekan* Langkawi sebagai tempat yang kita mengadakan *regatta* kerana keadaan cuaca Langkawi pada bulan dua dan tiga adalah amat baik sekali untuk diadakan *regatta* kerana angin kencang dan juga angin monsun yang melalui Pulau Langkawi boleh menentukan kita dapat mengadakannya dengan angin yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang telah Langkawi *offer* ialah *Le Tour de Langkawi*. Sekarang semua orang sudah tahu *Le Tour de Langkawi* adalah satu benda yang kita ingin tiap-tiap tahun diadakan dan saya menyeru kepada pihak swasta untuk membantu *Le Tour de Langkawi* ini supaya Langkawi dan Malaysia seluruhnya dapat menjadi tarikan seluruh dunia. Dan juga *Iron Man*, kita telah adakan sebagai satu lagi item dalam *promotekan* Langkawi. Dengan promosi sedemikian, saya percaya seluruh dunia akan tahu Langkawi dan akan datang ke Langkawi, menyokong Langkawi dengan sebanyak-banyaknya.

Berkaitan dengan Rang Undang-undang Daftar Kapal Layar, kita telah mengadakan empat marina, iaitu Rebak Marina, Telaga Harbour, Porto Malai, Lembong dan juga *Royal Yacht Club* di Langkawi. Semuanya *full*, ada penuh dengan *yacht* atau

kapal layar dan juga kapal-kapal lain, sebab itulah sebagai tempat untuk kita orang menyaksikan *yacht* sebab itulah saya percaya Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi perlulah diadakan dengan secepat mungkin.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah melihatnya sebagai satu adakan keperluan yang mendesak. Seperkara lagi yang hendak perkatakan ialah kita walaupun bercakap pasal kapal layar tetapi tidak lupa juga, Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu keperluan iaitu kita ada *Thai Council* sekarang ini, ia telah dibuka di Langkawi. Bagi mereka yang hendak ke Thailand tanpa melalui Penang atau Kuala Lumpur perlu hanya pergi ke Langkawi untuk dibuatkan visa atau dibuatkan *border pass* untuk melawat Thailand. Sebelumnya kita terpaksa ke Kuala Lumpur dan ke Penang untuk mendapatkan pas lawatan ini, sekarang ini tidak payahlah pergi Langkawi cukup. Tempat itu akan dibuka Pulau Adang, Pulau Terutau, Pulau Langkawi akan terus dibuka untuk pengunjung-pengunjung, pelancong-pelancong menikmati keindahan kepulauan tersebut.

Jadi dahulunya memanglah sejarah Terutau, Adang adalah hak negeri Kedah sebelum in, semasa Almarhum Tengku Ahmad Tajuddin, saya ingat, kalau tidak silap saya, itu hak Kedah tapi disebabkan tipu helah Inggeris maka telah terkeluar daripada Kedah. Dahulunya Kedah, untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua, merangkumi seluruh Setue Pulau Adang, Pulau Terutau, terus Setue sampai Trang sampailah Phuket itu hak Kedah. Siapa pun tidak boleh pertikai dari segi sejarah dan saya percaya dengan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Jadi, dengan adanya *Thai council* ini maka kita akan buka semua itu untuk pihak pelancong datang ke Langkawi. Juga saya.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasanlah.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Langkawi bercakap pasal sejarah, boleh atau tidak Yang Berhormat tolong cerita mai dekat jelaskan bagaimana rupawannya Mahsuri itu? Bagaimana cantiknya Mahsuri itu? Bagaimana kulitnya begitu lembut, senyumannya begitu manis sehingga dia difitnahkan

sedemikian rupa sehingga hari ini ia menjadi sejarah di Pulau Langkawi. Jadi, mungkin Yang Berhormat juga mungkin salah satu daripada keturunan Mahsuri, wallahhualam, kita tidak tahu, jadi boleh Yang Berhormat terangkan supaya bahan ini menjadi bahan sejarah supaya kita kena *promote* Mahsuri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, permintaan ini adalah untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain atau untuk Yang Berhormat sendiri ataupun Yang Berhormat sendiri sudah tahu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya memahami tetapi saya hendak Ahli Parlimen Langkawi memperjelaskan, mengesahkan bahawa begitu cantiknya Mahsuri, cukup cantik, Tuan Yang di-Pertua. Kira kalau orang lihat wajah Mahsuri itu dia akan terpegun, terpaku. Kalau Yang Berhormat bagi Kepong tengok pitam, dia terkejut. Sila, Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memanglah sebagai anak Langkawi memang mengakui, saya fahamkan daripada tok saya, tok wan saya yang menceritakan semuanya ini. Jadi, cerita Mahsuri sebenarnya tempat yang dilahirkan Mahsuri itulah lebih kurang 5 kilometer daripada rumah saya dan tempat diusahakan ialah di belakang rumah saya, di Kampung Gajah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Jadi, saya memang tahulah kecantikan Mahsuri adalah satu kecantikan yang istimewa sehinggakan difahamkan dahulu ini semasa Mahsuri dilahirkan, diputerikan, air telaganya beku itu, Tuan Yang di-Pertua, air telaganya beku punya cantiknya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sat, sat hendak habis, hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai pun tidak dengar, dia tidak ikut penjelasan. *[Ketawa]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ada Yang Berhormat bagi Jerai, ya? Jadi begitu cantiknya sehinggakan Mahora yang dikatakan isteri penghulu begitu marah sekali sebabkan kecantikannya dan mula menjalankan fitnah, begitulah kecantikannya tersohor seluruh Kedah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sat, sat, sat lagi nanti. Tersohor dan seperti mana yang cerita lainlah di Kedah ini puteri lindungan bulan sama juga, jadi masa itu boleh di katakan sama ialah seorang puteri yang begitu cantik sekali hingggakan menjadi bahan tohmahan dan bahan fitnah kerana begitu marahnya orang perempuan Langkawi masa itu. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, hendak minta penjelasan walaupun ini terkeluar sedikit daripada rang undang-undang ini. Yang Berhormat bagi Jerai hendak tahu pun baik jugalah kerana dia belum tahu lagi mengenai jentayu, mengenai puteri Mahsuri. Saya mencadangkan Yang Berhormat ada buku di perpustakaan kita itu, pusat sumber situ mengenai puteri Mahsuri dan saya berharap Arau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, Jerai.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Jerai boleh pergi ke itu pusat sumber kita kerana itu satu buku yang cantik, bahasa pun indah mengenai cerita mitos ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong pun boleh minta pinjam satu bagi dialah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya saya boleh juga begitu. Ada buku mengenai jentayu pun ada. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat, jadi jentayu pun ada jugalah yang ditulis oleh Encik Ismail Hanafiah, Yang Berhormat bagi Kepong. Soalnya selepas ini kita akan mengadakan satu persembahan Mahsuri, drama ataupun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam hendak keluarkah atau hendak minta penjelasan?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Penjelasan.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Penjelasan? Jentayu itu? Jadi, adakah akan diadakan *play* dekat Istana Budaya mungkin bulan Disember ini, jadi datanglah beramai-ramai untuk melihat dengan rasminya persembahan cerita Mahsuri di Istana Budaya Kuala Lumpur pada 25 sehinggalah 30 Disember akan datang, Insya-Allah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silakan, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Langkawi. Langkawi ini sebenarnya namanya sinonim dengan satu tempat peranginan yang cukup indah dan menarik. Saya hanya takut, Yang Berhormat Langkawi, cerita-cerita mitos dan legenda ini dicampuradukkan menjadikan kisah-kisah itu sebagai satu kisah yang tidak benar dan menjadikan Langkawi itu nanti tidak menarik. Saya lebih memilih umpamanya saya ambil satu contoh.

Kita pun antara keluarga yang beberapa kali rajin pergi Langkawi antara tempat yang menarik ialah Pulau Dayang Bunting. Jadi, waktu saya datang ke sana antaranya orang di sana menyatakan bahawa kalau orang sudah berkahwin lama, kemudian susah hendak mendapat anak pergilah ke tempat itu. Saya dalam keadaan biasa saya kata, "Betulkah?" Dia kata, "Betul". Saya tidak tahu sama ada, ada datakah yang boleh menunjukkan bahawa kalau mereka yang lama tidak dapat anakkah, mandulkah umpamanya maka mereka dalam tempoh tertentu pergi ke Pulau Dayang Bunting ini mereka dapat anak. Saya hendak kaitkan ini dengan lagenda dan mitos.

Saya sudah memilih satu perkara yang cukup menarik iaitu Kampung Buku yang ada di Pulau Langkawi. Jadi, saya hendak tanyalah selain daripada saya menyokong rang undang-undang ini, akta ini yang pastinya akan menjadikan Langkawi lebih menarik ini, apakah sebenarnya perkembangan terhadap Kampung Buku yang suatu masa diwar-warkan dikaitkan dengan budaya ilmu, budaya belajar yang ada dalam negara kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Sabak Bernam. Memanglah apa ini mitos, legenda yang telah dikaitkan dengan begitu banyak sekali malahan dari segi Tasik Dayang Bunting saya difahamkan jadi cerita-cerita yang diadakan kadang-kadang itu ada yang tidak beranak, tidak lahirkan anak pi Langkawi pi ke Pulau Dayang Bunting, entah wallahualam mengandung, itulah ceritanya. Jadi wallahualam saya pun tidak tahu tetapi persoalannya ialah kalau orang percaya betul-betul mungkin dikurniakan oleh Allah s.w.t diberiNya zuriat dan terpulanglah kepada dia hendak percaya atau terpulanglah kepada dia. Dan saya percaya juga mitos seperti Gunung Raya Mat

Cincang di mana ada dua gunung yang berdekatan di sandang oleh Gunung Sarawak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah kesemua ini berhubung kait dengan.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ada hubung kait.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada ha? Saya fikir kalau tidak ada berkaitan mungkin Yang Berhormat tentukan takrkh masa untuk mereka yang berminat hendak faham boleh terangkan kepada mereka.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ada hubung kait kerana saya sebagai Ahli Parlimen Langkawi saya hendakkan sebanyak mungkin datang ke Langkawi. Datang ke Langkawi melihat dengan sendirinya mitos, kajian yang telah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat khuatirlah kalau tidak beri penjelasan mereka tidak akan sokong rang undang-undang ini.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Ya betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Tangga Batu bangun.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sat sat hendak habis ini. Jadi mitos Gunung Raya Mat Cincang berkelahi, berkelahi sebab itulah kita ada Langkawi tempat-tempat belanga pecah, sebabkan berkelahi, orang kenduri belanga pecah disebabkan kelahi itu tentu bah air hangat, yang hangat, air panas, seterusnya melibatkan kuah, kuah ini kuahnya, apa ini capital of Pulau Langkawi tentulah perkara-perkara ini dikaitkan dengan sebegini rupa supaya Langkawi ini sebagai satu tempat yang betul-betul legenda, begitu mitos, yang mempunyai banyak mitos dan datang Gedumbai disumpahnya semua jadi batu, jadi gunung jadi itulah wallahualam saya pun tidak tahu tetapi itulah mitosnya dan saya haraplah penuhlah Langkawi kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat datanglah ke Langkawi dengan sebanyak-banyaknya supaya melihat dengan sendiri apa yang berlaku di Langkawi dan sekarang ini pun dengan ilham Yang Berbahagia Tun telah mengadakan satu tempat di Gunung Raya untuk diadakan *tea house* dan tempat kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kelana Jaya, Tangga Batu.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tangga Batu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu dahulu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya pun pernah datang sendiri ke Pulau Dayang Bunting dan untuk makluman Yang Berhormat Langkawi sebenarnya di Pulau Dayang Bunting itu pada mereka yang belum mempunyai cahaya mata dia kata kena mandi, kerana ada tasik yang besar dan cantiklah di dalam Pulau Dayang Bunting itu dan kena mandi dan kena minum tujuh cawan air itu selama tujuh hari berturut-turut.

Jadi kalau dia balik yang isteri itu tidak mengandung mungkin dia kembang air tasik Dayang Buntinglah. Yang Berhormat Langkawi saya memang memerhati perkembangan Langkawi ini melalui berita-beritanya di dalam internet, dalam majalah-majalah dan sebagainya. Dan saya dapat lihat perkembangan Langkawi ini sungguh drastik sekali. Mungkin setengah pendapat mengatakan apabila tamat sumpah nenda Mahsuri itu maka Langkawi telah mengalami pelbagai-pelbagai perubahan. Persoalan saya untuk Yang Berhormat Langkawi, memandangkan Yang Berhormat begitu sehati sekali dengan Langkawi ini dan mengalami sendiri perubahan yang berlaku segala prasarana yang disediakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat adakah kesemua ini sejarah penting untuk kita membuat keputusan sama ada

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...sokong atau tidak sokong Rang Undang-undang ini.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Berkaitan ia perkara yang tertentu dan mempunyai kepentingan untuk mempromosikan perusahaan kapal layar di Langkawi Tuan Yang di-Pertua. Jadi perkembangan-perkembangan yang berlaku di Langkawi ini melibatkan prasarana yang bertaraf antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, saya pandang sini pulalah, jadi apabila ini berlaku yang paling penting sekali ialah apabila kita sampai ke Pulau Langkawi tidak kiralah dengan kapal layar kah, dengan kapal terbang kah, dengan apa cara sekalipun, kita perlu mempunyai suatu persekitaran yang begitu *conducive*, *tangible* dan *intangibile* untuk menyebabkan mereka yang hadir ke Pulau

Langkawi itu merasakan seolah-olah mereka berada di suatu pulau yang benar-benar menepati cita rasa dan kemahuan mereka.

Jadi penjelasan yang saya perlukan dari Yang Berhormat Langkawi adalah Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah proses perubahan cara berfikir orang-orang Langkawi, anak jati Langkawi ini ke arah menyesuaikan perkembangan pembangunan Pulau Langkawi itu hingga ke tahap antarabangsa. Perubahan daya berfikir, bagaimana cara mereka berinteraksi dengan pelancong-pelancong, pemilik-pemilik kapal layar dan sebagainya. Cara mereka bertutur, cara mereka menggayakan cara hidup mereka di Pulau Langkawi dengan lain-lain perkataan budaya orang Langkawi seharusnya ada satu tahap lebih tinggi daripada tempat-tempat lain di dalam negara kita ini dan adakah proses ini telah berlaku dan kalau ia telah berlaku pun bagaimanakah Yang Berhormat Langkawi boleh mencadangkan kepada pihak berkuasa untuk mengekalkan cara hidup ini supaya kita sentiasa orang-orang di Langkawi ini sentiasa dipandang lebih baik daripada orang-orang di tempat lain di dalam negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat semua ini hendak kerajaan jawab ataupun

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Langkawi boleh beri cadangan saya tengok beliau adalah yang faham tentang proses perubahan budaya, cara berfikir dan sebagainya. Jadi boleh Yang Berhormat Langkawi bantu sayalah mungkin akan senang hati saya dengar jawapan Yang Berhormat Langkawi nanti. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua jadi memang benarlah kalau kita jadi tempat pelancongan tentulah budaya kita.....

Seorang Ahli: Jadi pelancong saya ingat.

Dato' Abu Bakar bin Taib:kerana tanpa, saya telah mengatakan berkali-kali, Langkawi, tindakan Langkawi orang pergi turun jeti Kuah, saya jumpa selalu, saya jumpa, janganlah berkelahi, janganlah bertengkar, kadang-kadang itu kita kampung ini tahulah, cakap kasar sikit, bila cakap kasar ini orang pelancong ini terkejutlah jadi macam di kaunter-kaunter jeti itu, kaunter tiket, kadang-kadang itu melawak sahaja, hang 'tapaq' 'hang...' tetapi masalahnya pelancong tidak tahu perkara itu jadi saya hendakkan Langkawi ini jadikan tempat yang kita, akhlak kita baik, budi pekerti kita baik,

percakapan kita baik kerana inilah apa ini yang menaikkan Langkawi. Itu sahaja janganlah...

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jerai bangun.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Sekejap sahaja, sekejap sahaja lagi. Janganlah kita membuat sesuatu yang memudaratkan Langkawi kerana kita harap pelancong datang, tanpa para pelancong satu hal minyak gamat tidak laku, minyak gamat pun tidak laku, anting-anting daripada Thailand pun tidak laku, dengar daripada Yang Berhormat Jerai tadi itulah, kita telah tukar dan saya telah beritahu kepada pihak travel agency hendaklah mereka bertegur sapa, bercakap dengan baik, supaya dapat menarik pelancong.

Satu perkara lagi Yang Berhormat sat sat lagi, kerana disebabkan Langkawi telah, rezeki telah melimpah ruah datanglah orang luar, datanglah dari Alor Setar, Jerai pun sudah mai sini Langkawi, orang Sik mai Langkawi, orang Kuala Lumpur mai Langkawi berniaga, berniaga dalam Langkawi, berniaga, bukan semuanya yang berniaga itu orang Langkawi. Semuanya keranalah orang luar yang mai dari Patanni pun ada, kedai-kedai Pattani, kedai-kedai makan itu kebanyakan Pattani. Jadi itulah saya kata Langkawi sebagai tempat kita pelancong tentulah kita hendakkan semua baik, senyum baik, semua baik kalau itulah budaya kita, kalau Yang Berhormat pergi ke tenaga haba, di mana kit ada USSR, lambangdan juga.....Italian restaurant, Chinese restaurant, begitu indah tempat itu, memang saya bawa hari Sabtu yang lepas saya bawa buah durian yang besar tetapi.....

Tuan Loh Seng Kok: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kelana Jaya.

Dato' Abu Bakar bin Taib:ia begitu tertarik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:.....Jerai.....

Dato' Abu Bakar bin Taib: Bagi Jerai dahulu fasal dia lama.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya amat tertarik tentang hujah-hujah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Langkawi semasa membincangkan tentang rang undang-undang yang berkaitan dengan Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi, saya tidak menafikan bahawa cerita-cerita mitos itu merupakan salah satu tarikan untuk menarik pelancong melawat ke Langkawi. *Be concern* saya pada hari ini ialah tentang aktiviti-aktiviti kapal layar di Langkawi, bagaimanakah aktiviti-aktiviti kapal layar ini dapat menarik lebih ramai pelancong melawat ke Pulau Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan tahun 2003 menunjukkan bahawa melebihi satu juta lebih pelancong telah melawat ke Pulau Langkawi dan daripada jumlah itu, 340 ribu orang telah masuk menerusi penerbangan sama ada penerbangan domestik ataupun penerbangan antarabangsa. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Langkawi, apakah pelancong-pelancong yang masuk melalui penerbangan ini merupakan pelancong yang datang dari luar negara yang dapat merangsang aktiviti-aktiviti pelancongan khususnya dari segi aktiviti kapal layar yang dianjurkan di Langkawi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ingin mendapatkan jawapan daripada kerajaan ataupun Ahli Yang Berhormat bagi Langkawi?

Tuan Loh Seng Kok: Tuan Yang di-Pertua, sebab beliau adalah Yang Berhormat bagi Langkawi, yang mewakili kawasan itu. Saya percaya beliau memahami keadaan sekitar Langkawi. Bagaimana perkara ini dapat dilakukan kerana apa yang kita tahu ialah bahawa dari segi kapasiti pelabuhan-pelabuhan yang ada di Pulau Langkawi, untuk menarik kapal-kapal layar itu, saya rasa itu merupakan salah satu masalah juga. Bagaimana kita dapat mempromosikan aktiviti-aktiviti kapal layar sehinggakan kita perlu membuat satu pindaan undang-undang untuk menetapkan bagaimanakah syarikat kapal layar antarabangsa Langkawi dapat diadakan? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Langkawi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak jawab bagi pihak kerajaan ataupun hendak minta kerajaan jawab nanti?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya cubalah fasal saya dari Langkawi. Saya *passion of* Langkawi ini, *very passion of* Langkawi. Jadi soalan yang sudah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya itu memang betul disebabkan tahun ini pun kita harapkan 400 ribu orang datang ke Langkawi, tetapi disebabkan oleh Tsunami, disebabkan gegaran yang berlaku di Sumatera, orang takut hendak datang kerana depa lihat kawasan ini sebagai kawasan *not safe* dari segi *earthquake*. Jadi, depa katakan Langkawi *is the part of the whole region, that's why sometimes we have to do a lot of promotions*, dengan izin.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang perkara ini perlu diperhatikan kerana semasa saya menganjurkan Regatta Perdana dahulu, lebih kurang 90 orang Singapura datang belayar – budak-budak kecil ini yang dalam lingkungan sembilan tahun ke sepuluh tahun. Jadi, 90 orang datang dan ibu bapa mereka datang, maka orang lain pun datang. 16 orang daripada Hong Kong datang, bersama dengan optimis, selesa, baik.. Jadi kita perlu adakan usaha-usaha untuk membolehkan kemerdekaan Langkawi disebarkan dengan sewaktunya. Saya percaya, insya-Allah kita akan mengadakan dengan adanya rang undang-undang ini dan juga kapal layar dan sebagainya, insya-Allah kita akan memanggil orang datang ke Langkawi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju syarikat Kapal Layar Langkawi ini ditubuhkan. Cuma kita kena jaga juga dari segi budaya kemalaysiaan kita ini. Walaupun kita hendakkan *tourist* datang ke Malaysia, tetapi kita tidak boleh memberikan begitu banyak ruang kepada mereka hingga menjejaskan budaya *nature* kita, budaya Islam kita kerana ini juga harus kita jaga. Kadang-kadang apabila kerajaan membuat sesuatu atas alasan hendak menarik pelancong, tetapi dengan secara tidak langsung tergadai budaya Islam kita, terhakis budaya kemalaysiaan kita, masalah sosial berlaku, anak-anak muda kita terikut-ikut dengan budaya-budaya

yang tidak baik dan mungkin pelancong ini akan datang dengan kapal layar, mereka akan bersadai di tepi pantai dan sebagainya dan kadang-kadang hanya memakai cermin mata sahaja.

Jadi, adakah ini juga harus kita ambil kira supaya jangan budaya kita ini dirosakkan oleh kebudayaan asing yang masuk ke negara kita. Saya dapat lihat kadang-kadang kita merasakan kerajaan agak terlalu longgar kerana kita terkejar-kejar hendak mengambil pelancong masuk ke negara kita. Kita dapat lihat di ibu kota, keadaan malam dan siang itu tidak berbeza kerana sekarang pukul tiga, empat pagi terhuyung hayang lagi di disko-disko dan di tempat-tempat yang tidak sepatutnya kerana Tuhan menjadikan malam untuk manusia berehat, siang untuk bekerja. Tetapi sekarang ini, siang dan malam bekerja. Jadi, manusia itu tidak akan menjadi seorang manusia yang baik. Macam Kepong, kalau malam dia kerja, siang dia kerja, dia susah tetapi dia kerja belah siang sahaja, malam dia tidak bekerja kerana dia akan rehatkan fikiran dia dan akan bagi pandangan dia di Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalnya, Yang Berhormat.?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, saya hendak minta supaya apa akta yang kita luluskan, walaupun sesuatu untuk kebaikan ekonomi negara supaya pelancong datang ke negara kita, aktiviti kesukanan laut dapat diadakan tetapi jangan dia terjejas kebudayaan, ketatasusilaan kalau tidak silap saya dan juga imej kita sebagai sebuah negara Islam. Kita lihat kerajaan sekarang hendak bawa Islam Hadhari. Kalau Islam Hadhari hendak dibuat oleh kerajaan, di satu sudut pula, benda-benda yang tidak manis berlaku, ini akan merosakkan anak-anak bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di TV, Akademi Fantasia, Mentor dan sebagainya yang hari ini melalaikan anak-anak muda kita dan melalaikan orang-orang tua pun, ibu bapa pun lalai dan menangis tanpa sebab. Yang ini saya berasa pelik, saya tengok juga – kawan itu kalah menyanyi, semua pakat menangis, fasal apa? Kalau bapa dia meninggal dan menangis tidak apalah atau kalau mak dia sakit. Ini kawan itu pergi cari makan, menyanyi dan kalah ke *final*, gugur dari situ, menangis-nangis. Kemudian kita tengok siri Cit-Cat yang dulunya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat berucap sekarang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak, saya hendak penjelasan dari Langkawi supaya jangan kapal layar ini bawa datang benda macam ini, ini yang mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam Cit-Cat ini, apa hendak ada Cit-Cat di TV? Cuba buat siri lain, siri yang berbentuk pendidikan. Ini cit-cat dok mengata *filem star* ini, dok *mengata filem star* itu, *filem star* dok tunjuk macam itu macam ini, yang pengacara itu pun daripada lelaki sudah hendak jadi orang perempuan, jadi macam mana? Jadi budaya ini bukan budaya kita. Budaya ini budaya barat yang dimasukkan melalui hiburan, melalaikan orang-orang kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara seumpama ini boleh dibangkitkan semasa kita membahaskan belanjawan, titah ucapan dan sebagainya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya takut bila kapal layar bawa datang benda ini Tuan Yang di-Pertua, susah kita Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, itu sudah faham, Menteri akan jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tengok Yang Berhormat bagi Langkawi pun sudah tinggal kulit dan tulang dok jaga Langkawi ini. Punya dok jaga Langkawi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi kalau datang kapal layar macam ini Datuk, kita pening. Memang saya bersetuju, kerana minyak diesel naik, harga minyak naik, Menteri pun ada, kita perlu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, ini minyak diesel tidak ada kaitan, tidak ada hubung kait dengan rang undang-undang ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak, maknanya kita tidak guna minyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cuma hendak kata kapal layar hendak pakai diesel?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, tidak, kapal layar tidak pakai minyak, jadi saya hendak mencadangkan juga nelayan-nelayan yang pergi ke laut pun tidak payah pakai minyak diesel, pakai layar [*Ketawa*] Jadi, mungkin harga ikan tidak naik, ini salah satunya, kalau tidak apa salahnya. Orang dahulu belayar seluruh dunia Tuan Yang di-Pertua, tanpa minyak diesel, tanpa petrol, belayar seluruh dunia, boleh sampai. Jadi saya harap bila akta ini diluluskan, Ahli-Ahli Parlimen juga dibawa untuk menaiki kapal layar, kita *round* Pulau Langkawi kerana minyak gamat ini Tuan Yang di-Pertua, kalau badan-badan kita luka, kita sapu minyak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, kalau ikut cara Yang Berhormat, kapal layar itu akan sesat nanti, cukuplah Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Cuma satu lagi Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Langkawi – Ahli Parlimen Langkawi lupa hendak cakap, Tongkat Ali.

Tongkat Ali ini Tuan Yang di-Pertua, tanya Ahli Parlimen Langkawi dia boleh cerita. Tongkat Ali adalah sebesar badan Ahli Parlimen Langkawi pun ada, tidak sungguh bukan saya berlawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tengoklah Menteri pun dah keluar.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi itulah, terima kasih. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya tentang kerosakan budaya bangsa Malaysia ini disebabkan oleh pengeksportan budaya-budaya asing ke dalam negara kita ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Langkawi, saya ingin maklumkanlah apa yang kita bangkitkan dari pagi sehingga sekarang saya rasalah tidak ada berkaitan dengan rang undang-undang dan saya ingin mencadangkanlah supaya ada hujah-hujah yang berkaitan dengan rang undang-undang ini dikemukakan terlebih dahulu kerana Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Bera, Santubong juga telah maklumkan mereka menunggu giliran mereka untuk mengambil

bahagian dalam perbahasan ini. Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat teruskan ucapanlah. Yang Berhormat Langkawi.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Jerai tadi, takut budaya luar akan menjalar di Langkawi, tetapi dari segi pemantauan saya ke hotel-hotel tidak ada pun, di Tanjung Rhu baik, di Sheraton Perdana baik tidak ada berlaku, tetapi tidak tahulah apa ini pada saya inilah sebahagian daripada *the price we got to pay*.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi syarikat yang saya sekarang ini perlu dilihat oleh penduduk Pulau Langkawi kalau bolehnya syarikat-syarikat yang akan diadakan itu hendaklah kalau bolehnya mempunyai ekuiti yang berlebihan pada rakyat tempatan dan juga Malaysia seluruhnya supaya mereka dapat dilatih untuk menyertai dalam bidang kapal layar ini dengan secepat mungkin kerana kita tidak mahulah selepas ini ada pula hujah mengatakan mengapa diberi keutamaan yang lebih kepada orang luar.

Sekali lagi sebagai yang telah diterangkan oleh Jerai tadi memanglah perahu layar ini tidak gunakan diesel, tidak gunakan minyak. Bapa saya dahulu ini berlayar di Langkawi ke Kuala Sanglang, Kuala Kedah dan sebagainya tanpa menggunakan diesel, dia nampak hanya pakai bintang sahaja. Malam bintang dia tahu hendak ke Kuala Perlis macam mana, hendak ke Kedah macam mana, hendak ke Sanglang macam mana. Itulah kebbaikannya orang tua-tua dahulu, sekarang ini kalaulah kita tersesat sudah tentulah kita tidak tahu lagi hendak baca bintang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagilah kalau boleh perbanyakkan lagilah pihak kementerian untuk memastikan mereka yang buat syarikat perahu layar ini Langkawi ini mengadakan *fishing, sport fishing* dan sebagainya supaya mereka ini diadakan tempat yang adakan rumah ikan supaya dapat mengadakan ikan lebih banyak lagi dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya sekali lagilah saya mintalah pihak kementerian dan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Langkawi. Ini di samping mungkin hasrat kerajaan untuk menarik pelancong-pelancong luar ke negara kita dengan menggunakan kapal layar ini. Apakah Yang Berhormat juga mungkin berhasrat untuk mencadangkan kepada kerajaan bahawa isu-isu keselamatan juga harus diperketatkan.

Pertama mungkin kita terleka ataupun terlepas pandang apabila kita terlalu ghairah menarik pelancong-pelancong luar melalui kapal layar ini dan mungkin kebebasan keselamatan itu begitu terhad. Jadi dicadangkan supaya kapal-kapal lain diperiksa, berkemungkinan juga mereka menggunakan kesempatan, menggunakan kapal-kapal layar ini untuk menyeludup dadah atau mungkin menyeludup manusia dan ini terjadi di mana-mana negara.

Saya minta apakah Yang Berhormat bercadang juga untuk mengenakan sekatan-sekatan keselamatan supaya tidak mungkin terlepas pandang oleh penguat kuasa. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Memanglah perkara aspek ini patut ditekankan kerana takut kalau datang dengan banyaknya sudah tentulah akan terjadi apa yang kita takut itu.

Seperkara lagi yang *last* sekali yang saya katakan adalah kadang-kadang itu macam itulah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu pula bangun Yang Berhormat.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Okey.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Oleh kerana Yang Berhormat Langkawi sudah sebut *last* sekali, saya hendak dapat juga baru puas hati sayalah jawapan daripada Yang Berhormat Langkawi iaitu pada pandangan Yang Berhormat Langkawi adakah pindaan akta ini secara keseluruhannya akan memantapkan lagi proses pelancongan di Langkawi dan juga adakah kerjasama di antara kementerian-kementerian umpamanya Kementerian Pelancongan - Malaysia *My Second Home*, *Silver Hair* dan sebagainya akan dipertingkatkan lagi dari segi bilangan pelancong yang akan hadir ke Pulau Langkawi ini. Terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua memanglah perkara ini perlu selalu diadakan. Bukan sahaja *Silver Hair Program* malahan '*Animunis*'. Kita ada 100,000 orang *Korean every year they go out*, keluar ke Korea melancong ke Hawaii dan kita hendakkan sebahagiannya datang ke Langkawi kerana kita ada tempat-tempat yang tertentu di mana mereka dapat *honeymoon*, biasalah. Mereka akan *enjoy themselves*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, *Animunis*, *Silver Hair Program* perlu ditekankan dan saya menyeru pihak swasta kalau ingin membuat kondominium di Langkawi dipersilakan, datang kepada saya dan seterusnya kita akan mengadakan program ini.

Sekali lagilah hendak katakan ialah masalah kekotoran di Langkawi. Dalam itu kita ingin hendak melancong dan ingin perahu layar datang ke Langkawi tetapi kekotoran berlaku dengan sewenang-wenangnya. Misalnya di laut lagi, Langkawi tidak apa tetapi air daripada sungai daripada Kuala Kedah, Sanglang, Kerpan, Kuala Perlis, Satun, semua pergi ke Langkawi, itu yang ditakutkan.

Segala botol-botol, beg plastik, kadang-kadang itu timbul di Langkawi. Inilah perkara yang kita perlu tekankan bukanlah Langkawi sahaja, di laut Langkawi, di daratan sana kerana ini akan menjejaskan Langkawi. Sekali lagilah minta Kementerian Pelancongan supaya membantu usaha perahu layar ini.

Satu perkara lagilah Pulau Singa Besar, dulunya kitanya beria-ria menjadikan Pulau Singa Besar sebagai tempat *nature paradise*, di buatkan macam-macam kompong semualah, tepuk semualah tetapi sekarang ini tinggal nama sahaja. Pulau Singa Besar sudah menjadi kotor, tidak ada jamban, tidak ada bilik air untuk digunakan oleh pelancong.

Kadang-kadang itu dahulunya kita ada binatang, misalnya binatang yang mai daripada Afrika itu, Europe dan sebagainya dan mereka itu kurus-kurus belaka. Saya kata kerajaan Kementerian Pertanian ambil keluarlah, saya takut kalaulah datang kepada SPA ataupun *World Life* datang melihat keadaan binatang itu takut jadi tempat tohmahan kepada mereka dan saya percaya juga perlu *diupgrade* lagilah pusat pelancongan.

Saya haraplah kementerian berkenaan dapat membantu pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Pengguna untuk menentukan Langkawi dijadikan

pusat pelancongan dan menjadikan syarikat kapal layar antarabangsa dengan sebaik mungkin. Dengan kata itu saya berterima kasih dan ini saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera.

12.10 tgh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk membahaskan rang undang-undang ini, walaupun Bera hanya mempunyai tasik dan kita menggunakan perahu, tetapi saya rasa saya juga boleh sedikit sebanyak berbincang dan membahaskan mengenai isu kapal layar ini.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian terutamanya kerana membawa rang undang-undang ini dan saya jangka akan memberikan, akan dapat membantu menggiatkan aktiviti kapal layar di Pulau Langkawi khususnya dan juga di kawasan-kawasan lain kerana seperti kita tahu pusat ataupun pelabuhan yang mempunyai kapal layar bukan hanya terdapat di Langkawi, tetapi banyak terdapat di tempat-tempat lain seperti di Pulau Labuan, juga Sebana Cove di Johor, di Yacht Club Pangkor dan berbagai-bagai lagi.

Tetapi yang akan dapat kesan yang mendadak saya kira adalah di Langkawi, kerana saya difahamkan kapal-kapal layar yang mendaftar di Langkawi akan membawa jenama Langkawi di merata dunia. Saya kira dengan cara seperti itu Langkawi akan lebih dapat dipromosikan dengan lebih giat lagi, dan sehingga hari ini saya difahamkan pelancong ke Langkawi telah pun mencecah sehingga 2 juta pelancong setahun di Langkawi iaitu yang terbaru.

Di Langkawi juga saya kira dengan adanya regata-regata terutamanya *BMW Royal Langkawi International* akan dapat meningkatkan pelancongan yang berasaskan kapal layar. Kapal layar saya kira akan menjadi satu *niche market*, satu *market* yang akan menerima pelancongan-pelancongan khusus untuk kapal layar.

Kalau kita lihat di tempat-tempat lain, di negara-negara lain yang mempromosikan tentang kapal layar. Mereka bukan sahaja mempromosikan kapal layar untuk pelayar-pelayar, tetapi juga untuk mempromosikan kapal layar kepada pelancong-pelancong yang berminat dengan aktiviti-aktiviti kapal layar. Saya berharap dengan

adanya pindaan undang-undang yang baru ini kita akan menerima bukan sahaja pelancong yang berminat menjadi pelayar, tetapi pelancong-pelancong yang berminat menggunakan kapal layar. Saya ingin ambil contoh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Penjelasan Yang Berhormat Bera dan Tuan Yang di-Pertua. Tadi Bera ada memberitahu kita bahawa sekiranya kita luluskan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi dengan tersendirinya *registration* untuk kapal-kapal layar di kawasan ini akan berpusat di Langkawi dan di belakang kapal layar itu akan tertulis "Langkawi".

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, mengapa kita tidak tambah lagi perkataan, selain daripada "Langkawi" tetapi perkataan "Malaysia" itu di bawahnya kerana kalau kita letakkan "Langkawi", mungkin orang akan mengata Langkawi ini di mana. Mungkin orang teringat pasal Langkasuka, mungkin orang ingat Sri Langka kerana Langkawi ini belum sampai ke tahap *internationally*.

Mengapa tidak, Yang Berhormat setuju atau tidak supaya selain daripada perkataan "Langkawi" itu, kita tambah lagi di bawah itu "Malaysia" supaya nama Langkawi dan Malaysia ini lebih harum di peringkat antarabangsa. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih rakan saya Yang Berhormat Jasin. Saya bukan sahaja bersetuju, jika kita letakkan "Langkawi Malaysia" tetapi juga kalau boleh kita syaratkan supaya meletakkan bendera Jalur Gemilang sekali di atas kapal-kapal layar yang didaftarkan di Langkawi. Kita tidak mahu pelayar-pelayar menggunakan keistimewaan yang kita beri, jika mendaftar di Langkawi keistimewaan adalah untuk kepentingan mereka semata-mata, tetapi akhirnya Malaysia tidak mendapat apa-apa makna daripada kapal layar yang digunakan. Saya bersetuju jika kita meletakkan Langkawi Malaysia dan juga mensyaratkan bendera Malaysia dikibarkan di kapal-kapal layar yang didaftarkan di Langkawi.

Saya hendak menyambung tentang pelancong-pelancong yang bukan pelayar tetapi menggunakan kapal layar sebagai contoh di New Zealand, di Auckland. Di Auckland pelancong yang menggunakan kapal layar memang ramai dan memang

terkenal iaitu *dinner* di atas kapal layar. Mungkin kawan kita hendak *dinner* atas kapal layar.....[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya pada Yang Berhormat bagi Bera. Adakah dengan kita meluluskan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi, ia juga dapat mempertingkatkan lagi pelancongan di negara ini dan dalam waktu yang sama ia juga dapat menjadi satu perangsang untuk menjadikan Malaysia ini sebagai *my second home*, dan adakah perancangan-perancangan yang telah diatur disusun untuk memastikan kejayaan sebagaimana yang telah dibuat di negeri Melaka. Sila komen sedikit.

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Saya percaya dengan adanya rang undang-undang yang baru, yang disyaratkan pendaftaran di negara kita - kapal layar, ianya akan meningkatkan pelancongan dan "*silver home*" saya kira lebih jelas kalau diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya percaya banyak perancangan yang dibuat dan saya akan masuk kepada soal perancangan dan sebagainya apabila saya berucap nanti. Ada lagi.....

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua lagi Yang Berhormat, hendak bagi yang mana satu Yang Berhormat. Parit dengan Tangga Batu.

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Parit dahulu.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bera. Kita ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berpandangan jauh dalam mencadangkan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi ini, kerana seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Bera tadi memang ianya jika dapat dijayakan akan membawa banyak pelancong terutamanya daripada luar negara ke Malaysia.

Yang Berhormat Bera boleh tidak Yang Berhormat bagi pandangan, sekarang ini kita tengok di Langkawi memang ada, tadi Yang Berhormat sebutkan 2 juta pelancong

setahun dan ini yang boleh dipertingkatkan, tetapi yang menjadi soalan penduduk-penduduk di Langkawi terutamanya mereka yang terlibat dalam industri pelancongan ini ialah kedatangan pelancongan ke Langkawi itu bermusim, dia tidak sepanjang tahun.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Langkawi, kalau musim 'melawas' itu orang kata mungkin kosong, kereta-kereta sewa ini pun tidak boleh cari makan. Begitu juga restoran-restoran kecil, peniaga-peniaga kecil mereka sukar untuk memajukan perniagaan kerana tiada pelancongan. Bagaimana agaknya Yang Berhormat Bera usaha dibuat supaya boleh pelancong datang sepanjang tahun, adakah melalui kelulusan undang-undang ini kita dapat menarik pelancong supaya datang ke Langkawi sepanjang tahun. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pelancong yang bermusim ini wujud kerana pelancong-pelancong yang datang mempunyai minat yang berbeza dan datang daripada negara yang berbeza-beza. Misalnya pelancong daripada Arab, dia akan datang dalam bulan saya difahamkan dalam bulan Jun dan sebagainya kerana Arab yang begitu panas waktu ini. Begitu juga dengan pelancong-pelancong daripada negara di Eropah yang mengalami musim sejuk yang teramat di hujung-hujung tahun. Mereka akan keluar di masa hujung tahun.

Jadi sebab itulah kita perlu mempunyai aktiviti-aktiviti pelancongan yang berbeza-beza dan salah satu yang kita tawarkan adalah kapal layar ini, dengan itu mana yang berminat dengan kapal layar akan datang ke Langkawi untuk kapal layarnya, yang datang untuk *shoppingnya* akan datang untuk *shoppingnya*.

Jika banyak segmen dan jenis-jenis pelancongan yang berbeza-beza, jadi kemungkinan pelancong-pelancong akan datang sepanjang tahun kerana mereka mempunyai minat yang berbeza-beza dan masa yang berbeza-beza, sebab itulah saya kira kapal layar ini akan menjadi salah satu lagi daripada produk-produk pelancongan yang boleh menarik pelancongan supaya pelancongan akan berterusan di Langkawi.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya nampak Yang Berhormat Bera jawab dah macam sebelah sana sahaja begitu tepat Datuk jawapan-jawapan yang diberikan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat bagi Batu Pahat menyebut tadi kejayaan Melaka dalam menggalakkan pelancong-pelancong untuk datang ke Melaka, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada tahun lepas Melaka telah mencecah 3.6 juta pelancong setahun. Ini tanpa ada pusat-pusat pelabuhan kapal layar dan sebagainya. Saya faham Kerajaan Negeri Melaka sedang merancang untuk membina sebuah marina di belakang Pulau Upih tidak jauh daripada Tanah Besar Klebang di Parlimen Tangga Batu.

Yang Berhormat Bera, baru-baru ini saya juga tertarik dengan ucapan penangguhan oleh pihak Yang Berhormat bagi Batu Gajah yang mengatakan wujud penyalahgunaan kuasa dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka sehingga menjejaskan industri pelancongan Malaysia di bawah tajuk Malaysia *My Second Home*. Oleh kerana Yang Berhormat Bera tadi kaitkan kapal layar dengan bilangan pelancong-pelancong yang hadir ke negara kita, hari ini saya hendak beritahu sebenarnya pihak Yang Berhormat Batu Gajah hari itu cuba mengambil kesempatan daripada kecekapan dan keberkesanan Kerajaan Negeri Melaka apabila isu tanah yang dibangkitkan oleh saudara Rajendran Anamalai dan isterinya Martina. Kebetulan pula isterinya ini adalah keturunan Irish datang ke Melaka untuk menyertai Program *My Second Home*. Kemudian mereka dikatakan diselewengkan oleh pentadbiran dan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat bagi Bera boleh dengar saya cakap dan komen selepas ini ialah sebenarnya begitu prihatinnya Ketua Menteri Melaka dengar sahaja berita tentang berlaku penyelewengan ini dia terus turun ke tapak pada hari tersebut. Turun ke tapak bersama dengan seluruh jentera kerajaan Negeri Melaka untuk melihat keadaan yang berlaku ditapak. Dan apa berlaku ketika itu apabila dilakukan ukuran didapati yang pihak kerajaan berada dipihak yang benar apabila melepaskan tanah yang dituntut oleh Encik Rajendran ini sebenarnya adalah tanah kerajaan dan dipohon oleh penduduk tempatan.

Jadi kerajaan untuk mengelakkan daripada tanah ini dijual oleh pemohon ini maka ditukarkan kepada MCL. Jadi ini yang berlaku bukannya penyelewengan. Kemudian dipusingkan kembali cerita ini Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka masuk ke dalam rumah Rajendran ini. Begitu prihatinnya beliau masuk ke dalam rumah Rajendran dan melihat terus membuat keputusan ketika itu akan membantu Rajendran ini untuk menyelesaikan masalahnya. Pada minggu hadapannya Mesyuarat Exco pada hari Rabu. Lawatan itu pada hari Jumaat dan pada hari Rabu diluluskan tanah itu untuk diambil balik oleh pihak Majlis Bandarraya.

Ini usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan tiba-tiba pihak pembangkang DAP bawa agenda ini duduk atas pentas seolah-olah mereka yang memperjuangkan nasib Rajendran ini. Masuk dalam surat khabar Sin Chew Jit Poh, masuk dalam surat khabar berbahasa Tiong Hua menunjukkan seolah-olah mereka memperjuangkan nasib Rajendran. Inilah perangai mereka. Perangai mereka yang meletakkan seolah-olah macam satu pepatah Cina yang mengatakan kerbau bajak-bajak sawah kemudian datang anjing, anjing kata itu saya punya kerja bajak sawah. Jadi DAP bukan saya kata dia anjing tapi macam anjing dalam pepatah itu. Anjing itu kata ini semua saya buat kerja.

Kerajaan Melaka buat kerja *detail* dan terperinci meletakkan segala kepentingan pengguna ini di atas segala-galanya tiba-tiba bangun cakap dalam ucapan mereka seolah-olah mereka yang memperjuangkan nasib. Apa pandangan Yang Berhormat Bera tentang perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jauh daripada kapal layar Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bincang soal kapal layar tapi kerana saya beri laluan dan soalan dah dikemukakan jadi boleh saya minta kebenaran.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:untuk mengulas. Saya kenal Kerajaan Barisan Nasional, saya kenal Ketua Menteri Melaka dan saya kenal DAP. Jadi memang

tidak hairan kalau DAP mengucapkan kata-kata seperti itu dan seperti kita tahu semua orang tahu bagaimana dinamik dan agresifnya Ketua Menteri Melaka di dalam membangunkan Melaka. Kita boleh lihat Melaka yang tidak ada apa-apa, sebuah negeri yang tidak mempunyai hasil bumi seperti tempat lain, tidak mempunyai laut yang begitu cantik seperti tempat lain tetapi Melaka kerana kebijaksanaan Ketua Menteri Melaka boleh menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan sehingga mencecah 3.5 juta pelancong.

Saya difahamkan, saya baru pergi ke Melaka bulan lepas walaupun saya tidak pergi tiga empat bulan sahaja ke Melaka, saya terkejut bila sampai di Melaka melihat begitu maju dan aktifnya negeri Melaka. Jadi saya cadangkan kepada kita jangan kita peduli DAP atau PAS sekalipun, ha itu PAS hendak keluar dah jangan kita peduli kerana itu cara mereka dan cara kita terus memajukan negara kita tanpa kepentingan lain tetapi untuk kepentingan rakyat jelata.

Jadi saya teruskan. Saya tidak habis tentang *dinner on the cruise* tadi. Atas kapal layar tadi. Saya cuma hendak beri bahawa dari segi pelancongan tumpuan kita kalau kita lihat negara yang mempunyai pelancong laut ini tumpuan kapal layar bukan sahaja kepada pelancong yang menjadi pelayar tetapi juga pelancong yang menggunakan kapal layar. Misalnya saya sebut tadi di Auckland, mereka *dinner on the cruise* sangat popular. Jadi itu merupakan satu daya tarikan dan saya harap di Langkawi juga perlu kita buat perkara ini. Jangan kita hanya tumpukan kepada pelayar tetapi menggunakan kapal layar untuk menarik pelancong dengan aktiviti-aktiviti pelancongan. Inilah yang lebih disebutkan sebagai *honeymooners* tadi. Bayangkanlah kita baru *honeymoon* naik kapal layar, tengah laut di bawah cahaya bulan purnama. Itu betul-betul *honeymoon*, ada *moon* betul-betul.

Jadi, rakan-rakan yang saya hormati kita sedang lihat bahawa kerajaan bersedia melalui perundangan untuk menarik pelancong-pelancong dan pelayar-pelayar tetapi persoalan yang perlu kita hadapi yang perlu kita fikirkan adakah kita bersedia. Adakah kita mampu dengan infranya, adakah kita cukup dengan infrastruktur dan perkara-perkara lain bagi kita menerima pelayar-pelayar ataupun pelancong-pelancong yang menggunakan kapal layar. Kalau kita lihat dari segi promosi pelancongan kita mungkin baik, dari segi perundangan mengenai pelancongan kita mungkin baik tetapi kadang-

kadang yang menjadi kekangan kepada kita ialah apabila kita tidak bersedia dengan infra yang cukup untuk menerima pelancongan.

Saya ambil contoh di tempat saya sendiri. Tasik Bera merupakan tasik yang terbesar di dalam negara Asia. Besarnya hampir seluruh negeri Melaka, Tasik Bera sahaja. Tempat yang paling baik dipromotekan sebagai *sanctuary* tempat burung-burung yang berpindah dari kutub utara ke kutub selatan. Beribu-ribu spesies tumbuhan dan sebagainya. Ini menarik minat pelancong-pelancong. Tetapi apabila pelancong pergi ke Tasik Bera, Tasik Bera tidak mampu untuk menampung pelancongan, tidak ada kelengkapan, tidak cukup bilik, tidak cukup bekalan air, tidak cukup produk-produk sampingan untuk menarik mereka tinggal di Tasik Bera. Yang saya hendak gambarkan bukan Tasik Bera tetapi yang saya hendak gambarkan bahawa jika kita mempunyai perundangan yang cukup, jika kita mempunyai promosi yang cukup untuk pelancongan kapal layar tetapi kita tidak mempunyai kelengkapan-kelengkapan infra dan sebagainya akhirnya pelancong datang, pelancong akan kecewa dan mereka tidak akan datang lagi.

Saya ingin mengambil contoh, misalnya adakah kita mempunyai kapasiti yang cukup untuk menempatkan kapal-kapal layar berlabuh. Adakah kita mempunyai tembok pemecah yang cukup untuk membolehkan kapal-kapal layar berlabuh? Untuk pengetahuan kita semua bahawa ramai daripada pelancong-pelancong Eropah yang mempunyai kapal layar. Mereka biasanya akan meninggalkan kapal layar di tempat pelabuhan yang mereka berlabuh itu, misalnya di Langkawi. Mereka akan tinggalkan. Mereka akan belayar di Langkawi akhirnya apabila sampai waktu mereka balik, mereka akan balik ke negara masing-masing. Kapal layar mereka akan tinggalkan. Mungkin mereka akan tinggalkan kapal layar itu selama enam bulan.

Di Pulau Seychelles misalnya, hampir 600 kapal layar daripada negara-negara Eropah ditinggalkan di situ dan mereka cuma akan datang selepas enam bulan apabila musim salji dan sebagainya mereka akan turun balik misalnya. Jadi adakah kita bersedia? Adakah Pulau Langkawi cukup? Yang pertamanya mempunyai tempat-tempat menyimpan kapal layar jika ramai pelancong-pelancong Eropah balik dan meninggalkan kapal layar untuk datang kembali selepas enam bulan. Yang kedua, adakah kita mempunyai tembok-tembok pemecah ombak untuk memastikan kapal-kapal layar itu selamat dan sebagainya.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Inilah satu perkara yang perlu difikirkan oleh pihak Langkawi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Pontian bangun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Silakan.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bera, apakah sebenarnya yang ada dalam tanggapan Yang Berhormat kita mewujudkan Akta Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi kerana kalau kita tengok di Singapura sahaja terdapat lebih 500 kapal layar dan kos bagi menyelenggara kapal layar berkenaan tentunya jauh lebih tinggi daripada kalau ianya di selenggara di Malaysia. Kos bukan hanya menyelenggara termasuk untuk menyewa kemudahan-kemudahan untuk meletakkan kapal layar berkenaan. Tadi Yang Berhormat ada menyebut tentang perlunya Langkawi itu bersedia dari segi kemudahan infrastruktur.

Maka mungkin tidak logik dari segi sudut ekonominya kalau pemilik-pemilik kapal layar di Singapura ini hendak mendaftar syarikat mereka di Langkawi sedangkan seperti kata Yang Berhormat tadi di.... pun ada kemudahan untuk mendaftar ataupun menggunakan kemudahan kapal layar. Di negeri Johor itu sendiri di selatan Johor pun ada kemudahan-kemudahan yang - mungkin Pontian belum lagi tapi di selatan Johor di bandar atau di daerah Johor Bahru itu sendiri ada kemudahan-kemudahan untuk menerima kedatangan kapal layar. Singapura sebagai negara asing ataupun negara yang berdaulat maka apakah agaknya pada pandangan Yang Berhormat kenapa kita jadikan Langkawi pula.

Adakah sesuatu yang hendak kita berikan tumpuan yang sehingga menyebabkan - malah hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun menyarankan supaya aktiviti kapal layar di Pulau Duyung di Terengganu dipopularkan. Ini juga dari segi logistiknya juga menjadi masalah. Kalau hendak dibangunkan Pulau Duyung itu sebagai tempat untuk mempromosikan kapal layar, Terengganu hendak pergi ke Langkawi juga adalah satu keadaan yang menyulitkan. Satu di sebelah timur dan satu di sebelah pantai barat. Jadi apakah hujah yang boleh Yang Berhormat berikan hari ini kita memilih Langkawi ini. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Sebenarnya di Langkawi adalah pusat untuk pendaftaran sahaja. Saya dah sebut tadi bahawa pendaftaran dibuat di Langkawi. Tetapi penggunaan kapal itu boleh berada di mana-mana. Itu pandangan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri, saya belum lagi jadi Menteri.....

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:jadi Yang Berhormat Menteri boleh memperbetulkan jika salah anggapan saya. Tapi anggapan saya bahawa Langkawi adalah sebagai pusat untuk kita mendaftarkan dan kapal itu boleh berada di mana-mana tetapi dengan syarat *carry* akan membawa jenama Langkawi. Dari segi aktiviti kapal daripada awal saya dah sebut bahawa juga saya dah sebut tadi bahawa di negara kita memang mempunyai banyak di Labuan, di, di Pulau Pangkor, di.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Pulau Pangkor.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:saudara saya hendak mencadangkan di Pulau Tioman misalnya. Kita boleh mempunyai tempat-tempat lain tetapi untuk peringkat awal ini sebagai permulaan kita menggunakan Langkawi kerana Langkawi mempunyai asas yang besar. Difahamkan sudah terdapat 12 radar untuk mengawal keselamatan misalnya sudah pun diwujudkan di Langkawi dan mungkin tidak ada di tempat lain. Di Langkawi setakat ini sudah ada 400 atau 500 pusat untuk melabuhkan kapal layar walaupun saya sebutkan tadi mungkin tidak mencukupi kalau kita meletakkan kapal layar itu untuk sepanjang masa enam bulan tadi.

Tetapi setakat ini sudah ada *infra* tetapi soal yang saya sebut tadi bukan tidak ada *infra* langsung tetapi sama ada cukup atau tidak mencukupi. Jadi kita mulakan di Langkawi dan saya percaya satu hari nanti seluruh tempat juga akan dibangunkan sebagai pusat kapal layar.

Saya hendak sebut tadi tentang penyelenggaraan di mana saya bersetuju dengan pandangan rakan saya daripada Pontian. Kita perlu mempunyai pusat atau pun tempat penyelenggaraan yang cukup. Pada hari ini di Langkawi saya difahamkan mempunyai hanya dua pusat penyelenggaraan kapal layar iaitu di Cafe Captain dan Charlie's Place, dua sahaja. Dan persoalannya adakah mencukupi jika Langkawi telah dibuka kepada pelancongan kapal layar jika kapal layar semakin banyak di Langkawi? Soalnya sekali lagi adakah kita mampu kerana penyelenggaraan merupakan perkara

yang amat penting? Kita mungkin lebih murah daripada Singapura. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Pontian. Singapura ada, tetapi jangan lupa Thailand pun ada iaitu di Phuket. Mereka juga mempunyai tempat kapal layar. Singapura mungkin boleh datang ke Langkawi kerana kita mempunyai *spare parts* atau barang gantian yang murah. Kita mempunyai tempat penyelenggaraan yang murah tetapi persoalan yang timbul adakah kita mempunyai cukup tempat untuk membaiki kapal?

Dan yang kedua, kita mesti cukup mempunyai *parts* ataupun bahan-bahan ganti yang mencukupi. Pada hari ini banyak kapal-kapal membaiki kapalnya di Phuket dan saya takut mereka berlabuh di Langkawi tetapi oleh kerana kita tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk membaik pulih, kita tidak mempunyai *spare parts* ataupun bahan ganti yang cukup, akhirnya mereka *carry* nama Langkawi mengibarkan “Jalur Gemilang” tetapi untuk penyelenggaraan, untuk membeli alat-alat ganti mereka ke Phuket. Akhirnya yang mendapat keuntungan bukan kita, kita hanya dapat keuntungan nama tetapi dari segi keuntungan barangan dan sebagainya. yang untung adalah Thailand iaitu jiran kita yang paling hampir.

Saya juga mencadangkan kepada pihak kementerian supaya memastikan kita mempunyai kepakaran yang cukup dan sebagainya. Jika kita tidak mempunyai kepakaran akhirnya mereka akan berada di tempat lain. Kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Pengguna, persoalannya berapa lama kah jangka masa yang diambil untuk sesuatu pendaftaran? Ini satu perkara yang amat penting. Kita tidak mahu kita mempunyai perundangan yang cukup dan kita minta supaya mereka mendaftarkan kapal mereka di tempat kita, akhirnya prosedur-prosedur dan birokrasi yang menyebabkan mereka tidak berminat untuk mendaftar di tempat kita.

Saya ingin bertanya boleh atau tidak kapal-kapal yang hendak didaftarkan di Langkawi boleh didaftarkan dengan tidak membawa kapal layarnya di Langkawi misalnya. Misalnya orang daripada Eropah, mereka berminat untuk mendaftarkan kapal layarnya di Langkawi, mereka tidak membeli kapal layar di sini tetapi membeli kapal layar mereka di negara mereka misalnya, tetapi mereka berminat untuk mendaftarkan di Langkawi. Bolehkah mereka mendaftarkan terus dengan tidak membawa kapal layar, cuma menghantar spesifikasi dan sebagainya semata-mata? Atau yang kedua di dalam

zaman moden ini apakah mereka boleh mendaftar secara *online* dan sebagainya? Bolehkah mereka lakukan begitu? Dan yang ketiga, berapakah satu jangka masa yang diambil untuk mendaftarkan kapal-kapal layar tersebut? Adakah seperti kita mendaftar syarikat kita yang kadang-kadang memerlukan masa yang begitu lama ataupun lebih cepat dari segi pendaftaran? Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Bera, kalau kita tengok Akta yang dibentangkan kepada kita hari ini, kuasa Menteri, apa pendapat Yang Berhormat sekiranya kuasa Menteri untuk melaksanakan Akta ini diperluaskan lagi, diberi lebih banyak kuasa kerana ini adalah Akta yang baru? Ini Akta yang kiranya banyak lagi perkara-perkara yang masih lagi menjadi orang kata, di peringkat percubaan seperti mana Yang Berhormat sendiri mengatakan, supaya Menteri yang dipertanggungjawabkan ini diberi lebih kuasa untuk melaksanakan Akta ini. Kerana macam semalam kita lihat kesian kepada Menteri Penerangan. Jasad ada tetapi roh tiada. Akta Penyiaran dimansuhkan kemudian dijadikan Akta Multimedia dan Komunikasi. Apa yang hendak dibuat oleh Menteri Penerangan kerana dia tidak ada Akta? Dia tidak dapat hendak melaksanakan kuasa dia dan kita dapat lihat bagaimana seorang Menteri yang tidak mempunyai Akta untuk menjalankan tugasnya sering berada dalam keadaan tertakluk hendak buat itu tertakluk kepada itu dan ini. Apa pandangan Yang Berhormat sekiranya Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Akta ini diberi sepenuh kuasa dan kebebasan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Setuju. Saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Pontian tadi kerana seperti kita dapat tahu dan kita dengar banyak di kementerian-kementerian, Menteri apabila memberikan jawapan kadang-kadang menyatakan bahawa mereka tidak ada kuasa. Kadang-kadang ada Menteri kata: "Kuasa KSU saya lebih besar daripada saya". Perkara-perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana di dalam satu-satu kementerian, yang tertinggi adalah Yang Berhormat Menteri dan saya tidak faham macam mana... *[Disampuk]* Sekejap Dato' Raja, sekejap.

Saya tidak faham bagaimana boleh di sesebuah kementerian apabila kuasa yang tertinggi dari segi eksekutifnya adalah Menteri tiba-tiba pihak Menteri kata saya tidak ada kuasa. Jadi mungkin dahulu kerana kuasa perundangan tidak diberi kepada Menteri, jadi sebab itulah Menteri kata tidak ada kuasa. Saya amat bersetuju. Oleh kerana ini undang-undang yang baru jadi roh yang baru perlu diberi. Kita amat bersetuju kalau Yang Amat Berhormat Menteri terutamanya Menteri Hal Ehwal Pengguna yang kita rasa seorang yang sangat berwibawa diberi kuasa yang besar di dalam soal kapal layar ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat bagi Bera ada kapal layar?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Perahu!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Perahu. Syabaslah Bera, *champion of the* Orang Asli, dengan izin.

Saya tertarik dengan penjelasan yang diberikan berhubung dengan kuasa diberikan kepada Menteri. Memanglah bukan kita berada di sini semata-mata kerana kuasa tetapi bila kuasa kepada Menteri sahaja dan pelaksanaan dibuat oleh orang lain, maka tidak kena juga. Bukan sahaja setakat kita tahu Akta yang ada pada sesuatu kementerian umpamanya Kementerian Penerangan yang kononnya apabila disusun balik kementerian ini hilang kuasa Kementerian Penerangan yang diletak di bawah Kementerian Multimedia. Ini bermakna apa juga yang dilakukan oleh kementerian tersebut dikawal selia oleh kementerian lain.

Ini kita bercakap soal pendaftaran syarikat kapal layar untuk kawasan Langkawi di mana Menteri - syabas dan tahniah - Menteri daripada Semporna walaupun kita tahu kawasannya pun tidak sempurna tetapi syabas kerana dia melihat bukan kepentingan kawasan dia tetapi dia melihat bagaimana pentingnya Langkawi ini sebuah destinasi baru di sudut pelancongan untuk kita bangunkan. Kita tidak mahu pusat-pusat pelancongan yang didirikan akan tinggal seperti gajah putih. Jadi kita ucapkan syabas kerana Langkawi ini sudah terkenal di seluruh dunia walaupun kawasan lain seperti di Lumut, Pangkor juga terkenal *fancy* dan sebagainya.

Soalnya sekarang ialah kita mahu supaya Akta yang dipinda, Akta yang diubah dan Akta yang diluluskan benar-benar mencapai matlamat dan sasarannya. Apakah Yang Berhormat Bera melihat pelaksanaan ini benar-benar mendatangkan keuntungan kepada semua pihak bukan setakat pihak yang mengendalikannya tetapi pihak masyarakat, pelancongan dan mereka yang terlibat sama dalam memajukan kawasan Langkawi ini? Minta sedikit penjelasan. Kalau Yang Berhormat tidak boleh jawab tidak mengapa, Yang Berhormat kiriman kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya cuba jawab. Jika perkara-perkara yang dicadangkan dapat dilaksanakan dengan sempurna, saya kira limpahannya akan dapat dirasakan oleh semua pihak. Penduduk Langkawi juga akan dapat merasakan limpahan kerana seperti kita tahu apabila ramai pelancong-pelancong yang datang tentulah peniaga-peniaga di Langkawi akan memperoleh limpahan dan keuntungan daripada kedatangan pelancong. Begitu juga seperti yang saya cadangkan apabila kita wujudkan lebih banyak pusat penyelenggaraan kapal-kapal, bermakna anak-anak Langkawi yang diambil bekerja di situ boleh menikmati pendapatan daripada bekerja di pusat-pusat penyelenggaraan kapal dan sebagainya.

Memang banyak keuntungan yang boleh diterima oleh Langkawi *per se* dan negara amnya atau khususnya, hasil daripada kedatangan pelancong ke Langkawi dan hasil daripada pendaftaran di Langkawi ini. Seperti yang saya beritahu tadi bahawa segala kekangan yang saya sebutkan tadi mesti diselesaikan. Jikalau kita tidak menyelesaikan kekangan-kekangan yang saya sebutkan tadi kemungkinan pelancong tidak akan datang, kecewa dan sebagainya dan akhirnya memberi kesan buruk kepada Langkawi dan pendapatan penduduk Langkawi juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Daripada awal tadi saya telah menyokong Rang Undang-undang ini kerana ia akan menjadikan Langkawi satu destinasi pelancongan yang penting di dunia. Saya bimbang satu perkara sebenarnya Yang Berhormat bagi Bera. Malaysia ini kita banyak menganjurkan atau *initiate* - dengan izin - acara di peringkat antarabangsa tetapi akhirnya kita tidak dalam kumpulan

Top 10 pun ataupun 10 yang terbaik. Kalau hendak menjuarai itu mungkin satu perkara lain.

Sebagai contoh yang ada kaitan dengan Langkawi iaitu Le Tour de Langkawi berbasikal itu. *[Disampuk]* Yang baru ialah LIMA (*Langkawi International Maritime and Aerospace*), ya?

Kalau saya tidak silap betulkan saya kalau saya silap bahawa kita dapat nombor yang terakhir dalam pertandingan di peringkat antarabangsa. Begitu juga dengan agenda-agenda yang lain seperti Formula One ataupun bola sepak, umpamanya suatu masa dahulu Malaysia begitu terkenal.

Seorang Ahli: Ha! Larut jawab!

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Ataupun sepak takraw yang mana ia dianggap sebagai permainan kita. Tetapi di mana kita sekarang? Jadi oleh kerana itu dalam konteks *Regatta* ini apakah persediaan kita supaya kita akan sekurang-kurangnya dalam kumpulan 10 di peringkat antarabangsa? Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Kalau bola kena tanya kepada Yang Berhormat Larut dan kalau sepak takraw kena tanya kepada Yang Berhormat Sri Gading! *[Dewan ketawa]* Jadi ia memang betul, kadang-kadang kita sebab itu saya kata tadi bahawa promosi kita kuat, perancangan kita kuat, kita membuat perancangan untuk mengadakan satu-satu program tetapi kadang-kadang persediaan kita itu agak kurang. Kita lihat orang buat, kita lihat kejayaan di Caribbean untuk mewujudkan pusat kapal layar, kita lihat kejayaan di Seychelles, pulau-pulau Seychelles untuk kapal layar, kita pergi ke New Zealand kita tengok pelancong ramai, kita hendak buat, tetapi akhirnya persediaan kita kurang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Maran.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Kita kadang-kadang macam hangat-hangat tahi ayam. Atas tidak ke bawah pun tidak. "*Nang boh di nang, gui boh di gui*" (bermaksud hantu bukan orang pun bukan). Ia tidak mencapai

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua-dua bangun Yang Berhormat, hendak bagi yang mana?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Maran dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Maran. Sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Bera. Tadi Yang Berhormat daripada Bera menyebutkan dari segi pendaftaran kapa-kapal layar daripada luar datang ke negara kita dan mendaftar di Langkawi. Dan juga daripada Sabak Bernam juga menyebut apakah faedah pulangan kepada kita apabila kita meluluskan Akta ini dari segi pelancongan dan sebagainya.

Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Bera, negara kita ini dikelilingi oleh laut dan di sekeliling negara kita ini terdapat kampung-kampung ataupun penempatan-penempatan nelayan di mana sesetengah negeri seperti Terengganu dan Kelantan pun menjalankan perusahaan membuat kapal atau bot-bot besar. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, bukan setakat kita mendaftarkan kapal layar di negeri kita di Langkawi bahkan saya hendak bercakap nanti hendak mencadangkan supaya kita daftarkan kapal layar ini atas nama Malaysia bukan setakat Langkawi. Tetapi apakah tidak kita mencari jalan atau berusaha supaya pengusaha-pengusaha bot kita di kampung-kampung nelayan ini, kita bina mereka ini dan akhirnya nanti mereka ini, bukan setakat mengeluarkan bot untuk pergi menangkap ikan, tetapi pada masa yang sama kita melahirkan pengusaha-pengusaha bot ataupun kapal yang mengeluarkan kapal-kapal layar untuk kita jual kepada pengusaha ataupun syarikat-syarikat kapal layar yang akan mendaftar di Langkawi ini. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya bersetuju. Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat bagi Maran, saya bersetuju. Memang kita sepatutnya mempunyai cita-cita. Akhirnya, kita akan mampu menjadi pengeluar kapal layar. Dari segi sejarah, kita merupakan pelaut. Orang Melayu dari segi sejarahnya merupakan pelaut-pelaut yang terkenal. Kita merupakan pembina-pembina kapal yang telah berjaya membina kapal untuk belayar sehingga ke negara-negara di Afrika dan sebagainya.

Sebab itu kita lihat Melayu berada di Sri Lanka, Melayu berada di Afrika. Melayu berada di mana-mana. Di Afrika Selatan dan sebagainya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sikit sahaja lagi. Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai sejarah yang tersendiri dari segi pembinaan kapal-kapal. Tetapi, masalahnya, kerana tidak ada perkara yang membolehkan kita membina kapal layar. Pelaut sekarang membina perahu kapal kecil sendiri. Di Terengganu misalnya, bot-bot dibina sendiri untuk menangkap ikan, sesuai untuk itu. Tetapi, kalau perusahaan kapal layar, kapal layar akhirnya menjadi industri yang baru di negara kita. Dengan rang undang-undang yang baru, Langkawi terkenal, Sebana Cove terkenal, Labuan terkenal. Akhirnya, jika ada *market* seperti ini, kita yakin akhirnya kita juga akan membina kapal-kapal sendiri. Terima kasih. Saya.....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga orang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sabak Bernam dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bera. Saya hendak menyambung sikit tadi. Jadi, nampaknya bila Yang Berhormat bagi Bera menggunakan istilah di hujung itu, "*kita hangat-hangat tahi ayam*", saya rasa mungkin saya kurang setuju. Itu pandangan sayalah. Ini kerana dari segi mengatur, *organize* satu-satu program, walaupun besar di peringkat antarabangsa, Malaysia ini sangat terkenal. Sebagai contoh, bila kita mengadakan sukan Komanwel di Malaysia, saya ingat ia merupakan satu organisasi yang cukup baik. Begitu juga dengan *Le Tour De Langkawi* dan *Formula One*. Jadi

maksudnya di sini ialah, negara kita mempunyai banyak infrastruktur, kemudahan yang sedia ada.

Kalau boleh saya hendak kaitkan juga dengan kemudahan-kemudahan yang lain, macam bola sepak, sepak takraw dan sebagainya. Kita padang ada, kompleks ada. Tetapi di hujung itu nampaknya, macam kita kurang perancangan dan persediaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya sependapat. Dari segi Malaysia sebagai penganjur, *we are the best*. Tidak ada siapa yang nafikan. Kalau kita buat sesuatu program, contoh sukan Komanwel, kita menjadi penganjur yang terbaik. Kalau kita hendak anjurkan pertandingan sepak takraw, kita boleh menjadi penganjur yang terbaik dengan kompanyanya, dengan bunga manggarnya, dengan gimik persembahan mulamulanya, dengan gimik menerima orang datang. Tetapi, mainkanlah. Bukan sepak takraw, yang lain-lainlah. Bola dan sebagainya.

Tuan Razali bin Ibrahim: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi maknanya, saya setuju bahawa persediaan tidak mencukupi kerana persediaan bagi saya, bukan setakat untuk kalau dari segi penganjuran sukan. Persediaan bukan sahaja semata-mata dari segi penganjuran.....

Tuan Razali bin Ibrahim: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lima yang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi siapa jalan dulu?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:..... tetapi dari segi yang lain-lainnya. Saya ikut giliran. Muar dahulu, lepas Muar, Kuala Terengganu.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak Bera. Soal bola ini, memang menariklah kalau.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading sila duduk, Sri Gading. Dia tidak bagi jalan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Ketawa]* Baiklah. Muar dahulu. Muar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Muar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal saya

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Selepas Muar, Kuala Terengganu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya, saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:kesuntukan masa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah. Petang ini ada lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soal bola. Soal bola ini soal yang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Sri Gading.

Beberapa Ahli: Duduk dululah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dululah. Duduk dululah. *[Ketawa]* Kalau Yang Berhormat tukar kawasan boleh. *[Ketawa]*.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih. Yang pertama sebelum saya bertanya, saya hendak beri kenyataan sedikit tentang pandangan saya mengenai penggunaan nama Langkawi atau Malaysia. Saya rasa tidak ada masalah untuk kita kekalkan Langkawi kerana banyak tempat di dunia seperti Paris, dia tidak cakap Perancis. Kita kena menonjolkan tempat-tempat menarik di Malaysia. Itu pandangan saya. Mungkin kita boleh pertimbangkan. Cuma saya hendak tanya, dari segi penubuhan, dari segi menarik peluang pekerjaan, dari segi menarik pelancong, dari segi meningkatkan Langkawi, saya rasa kita tidak ada masalah.

Saya cuma hendak bertanya pandangan Yang Berhormat bagi Bera, bila dia cerita tentang kapal ini, orang yang terlibat mungkin ada satu budaya yang berbeza,

gaya hidup yang berbeza, yang saya rasa jauh daripada penduduk kita di Langkawi, budaya perniagaannya, jenayahnya pun mungkin. Bagaimana kita dapat beri jaminan bahawa pendedahan Langkawi kepada mereka yang sebegini, yang mempunyai kemampuan memiliki kapal besar, kapal panjang tidak bekerja, duduk, duit banyak dan menimbulkan tanda tanya apakah aktiviti mereka. Bagaimana kita memantau supaya budaya baru yang akan dibawa ke Langkawi ini tidak akan menular, tidak mencemar, tidak menjadikan masalah kepada negara, tidak menjadi masalah kepada penduduk kita di Langkawi yang sebelum ini tidak pernah terdedah secara besar-besaran kepada budaya kapal layar ini. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, boleh saya menjawab sekali.
[Bercakap tanpa pembesar suara]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh. Tadi sebenarnya sudah ditimbulkan soalan itu oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi. Tetapi tidak apalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya jawab sekali, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Bera. Kita ini terikut-ikut, 'bra'kah? Apakah?

Seorang Ahli: Ehh, janganlah Bera.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita ini terikut-ikut. Apabila melihat negara ini maju dalam industri ini, maka kita gubal, membuat. Gubal aktalah dan sebagainya. Tetapi akhir-akhirnya semua gagal. Mungkin Yang Berhormat bagi Bera boleh beritahu saya, berapa banyak orang Malaysia yang mampu mengeluarkan kapal layar yang ada kualiti, yang ada kelas? Berapa banyak orang Malaysia yang mampu? Apakah kita ini cuma bergantung kepada mereka yang ingin datang? Adakah mereka benar-benar mahu datang? Ini satu. Sebab, kalau tidak akhirnya kita ini "*hangat-hangat tahi ayam.*" Ini, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam silap ini. Ini betul Yang Berhormat bagi Bera punya cakap ini. Akhirnya kita kecewa tidak ada penghujung dia. Jadi, bolehkah Yang Berhormat bagi Bera memberi pandangan.....

Seorang Ahli: Jaminan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: jaminan apa hasilnya? Apa untungnya kita dan apa manfaatnya, agak-agak yang kita perolehi daripada akta yang akan kita luluskan ini?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya sudah jelaskan tadi dari segi keuntungan kepada penduduk tempatan, kepada negara secara amnya. Cuma dari segi, tadi Yang Berhormat bagi Muar sebut tentang budaya yang akan dibawa oleh pelayar-pelayar. Saya faham budaya macam mana yang dimaksudkan. Saya faham. Sekarang pun memang kita menerima budaya-budaya yang agak negatif kepada kita.

Sebenarnya perkara ini telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi dan telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat bagi Langkawi bahawa kita mempunyai pihak kerajaan, pihak kerajaan tempatan dan sebagainya, memang mempunyai program-program tertentu di dalam hendak memastikan bahawa budaya-budaya yang negatif, dibawa oleh pelancong. Tidak kira, bukan sahaja pelayar, pelancong mempunyai budaya berbeza dengan kita, kerana pelancong orang luar. Orang luar tentu mempunyai budaya luar.

Jadi soal pelayarkah, soal orang yang menyelamkah, soal yang datang, orang beli barang emas dari Taiwankah, mereka memang mempunyai budaya yang berbeza. Inilah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, tanggungjawab kerajaan tempatan, tanggungjawab Kementerian Kebudayaan untuk memastikan bahawa budaya-budaya yang negatif, dapat disekat daripada berulang. Kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya juga sependapat dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan dari segi.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Belum siap lagi jawapan. Ini.....

Seorang Ahli: Jawab dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Sri Gading. Sila duduk.

Seorang Ahli: Jawab dulu. *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terus, ya? Ada seminit lagi. Jadi, dari segi orang kita sendiri, bagaimana hendak menjadi pelayar. Sebenarnya saya akan masuk perkara itu tetapi saya boleh jawab terus. Saya boleh jawab terus bahawa budaya menjadi pelayar masih belum ada kepada orang kita, menjadi kapal layar. Memang peringkat awal, kita dijangka akan menerima pelancong-pelancong luar sahaja sebagai pelayar. Tetapi saya akan sebutkan tadi bahawa semua pihak mesti memainkan peranan.

Pihak Kementerian Belia dan Sukan, pihak Kementerian Pelajaran juga mesti memainkan peranan untuk melahirkan pelayar-pelayar ini. Saya akan sebutkan secara *detail* nanti dalam ucapan saya seterusnya. Tetapi, soal yang besar sekali bagaimana orang Malaysia hendak memiliki kapal layar kerana kapal layar harganya mahal. Itu yang saya hendak sebut tadi dan saya akan sebut. Setakat ini, kalau kita hendak membeli kapal layar, tidak ada bank yang akan memberi pinjaman untuk membeli kapal layar, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak berhentikah, hendak sambung?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Kita sambung selepas makan tengah harilah.
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00 tengah hari. Dewan yang mulia ini kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, diminta Yang Berhormat bagi Bera untuk menyambung berucap.

2.32 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung sedikit lagi mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi iaitu bagaimana kita ingin memastikan rakyat tempatan terlibat secara langsung dari segi memiliki kapal layar dan sebagainya.

Saya kira ini merupakan satu isu yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan. Kita tidak mahu seperti yang pernah berlaku di dalam beberapa perkara bahawa akhirnya orang luar memperoleh faedah yang lebih dan kita rakyat tempatan hanya menjadi penonton semata-mata. Jadi kementerian yang terlibat termasuk Kementerian Pembangunan Usahawan, misalnya, mesti memainkan peranan untuk memastikan kita dapat melahirkan pengusaha-pengusaha kapal layar di kalangan rakyat kita sendiri.

Tadi saya sebutkan mengenai kemudahan-kemudahan pinjaman untuk memiliki kapal layar. Sehingga ke hari ini, saya difahamkan masih belum ada bank-bank yang sanggup untuk memberikan pinjaman bagi pembeli-pembeli yang berminat untuk membeli kapal-kapal layar. Sehingga kini yang ada hanyalah sebuah syarikat yang bernama...

Dr. Junaidi bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sekejap ya. Sebuah syarikat yang bernama Simpson Boat Service yang mengadakan bantuan untuk membeli kapal-kapal layar.

Tuan Yang di-Pertua: Batu Pahat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sekejap. Jadi bermakna jika tidak ada bantuan kewangan memandangkan kapal layar yang harganya begitu mahal, jadi tentu sahajalah akhirnya industri kapal layar ini hanya akan dimonopoli oleh pelayar-pelayar daripada luar semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batu Pahat.

Dr. Junaidi bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada hendak bertanya dan penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bera berkenaan dengan penubuhan syarikat-syarikat asing di Langkawi. Adakah atau cara macam manakah yang kita hendak pantau kepada pengarah-pengarah yang akan datang dari negara luar, yang akan datang ke negara kita, seterusnya menubuhkan syarikat ini? Adakah latar belakang mereka dari segi permasalahan di negara mereka sama ada mempunyai rekod jenayah dan sebagainya.

Sebabnya tadi saya kalau tidak silap, Yang Berhormat juga ada menyatakan bahawa mencadangkan salah satu cara untuk berdaftar ialah melalui internet. Jadi adakah Yang Berhormat cuba, kalau dapat untuk memberikan pandangan kepada pihak

kementerian supaya membuat pemantauan yang menyeluruh supaya benda-benda yang melibatkan masalah-masalah jenayah tidak akan dibawa ke dalam negara kita.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Memang saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Batu Pahat bahawa walaupun kita ingin membuka negara kita kepada pelayar-pelayar yang dianggap boleh membantu industri tetapi penekanan juga perlu diberi kepada individu-individu atau golongan-golongan atau sesiapa sahaja yang ingin mendaftarkan diri sebagai pelayar atau mendaftarkan syarikat mereka di dalam negara kita. Kita tidak mahu ghairah membuka negara kita kepada pelayar-pelayar ini, akhirnya penjenayah-penjenayah juga terlepas dan mendaftar sebagai syarikat kapal layar di negara kita.

Tadi ada beberapa Yang Berhormat dari Kinabatangan, misalnya, kalau saya tidak lupa tadi mengatakan bahawa kemungkinan besar mereka akan menggunakan kapal layar ini sebagai salah satu cara untuk melakukan penyeludupan dadah, penyeludupan manusia dan sebagainya. Perkara ini telah dibangkitkan tadi dan memang kita, pihak kementerian saya kira walaupun ingin menerima ramai tetapi dalam masa yang sama perlu meneliti dengan jelas, perlu meneliti dengan penuh teliti sesiapa yang ingin mendaftarkan kapal layar mereka di dalam negara kita. Ini boleh menjamin keselamatan kita dari segi jenayah dan sebagainya.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Inilah yang perlu diperseimbangkan, Yang Berhormat bagi Bera. Di antara kehendak pemohon yang inginkan pendaftaran segera syarikat-syarikat mereka dengan menjaga kepentingan perkara-perkara yang ditakuti menjadi masalah kepada kita seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat tadi. Jadi bagaimana, Yang Berhormat bagi Bera, kita dapat memberi keseimbangan supaya pendaftaran dapat disegerakan dan pada masa yang sama, perkara-perkara yang harus diteliti juga diberi perhatian yang kuat supaya tidak timbul masalah di kemudian hari kerana kita tahu di luar negeri, pendaftaran syarikat kadang-kadang dibuat dalam masa lima minit sahaja.

Jadi mungkin inilah kehendak mereka yang datang daripada luar negara supaya pendaftaran mereka dapat dibuat dalam masa yang cepat. Tetapi kita ada *constraints* yang perlu kita lihat, jadi minta pandangan Yang Berhormat bagi Bera. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sebenarnya saya kira pihak kementerian boleh memberikan syarat-syarat tertentu. Walaupun pendaftaran secara *online*, secara komputer, secara internet dan sebagainya, tetapi dari segi *details*, *director* dan sebagainya juga boleh dimasukkan melalui internet dan sebagainya. Saya kira saya pun bersetuju bahawa ini adalah satu tugas yang berat kepada pihak kementerian untuk memastikan bahawa kita bukan sahaja mementingkan kuantiti tetapi juga mementingkan kualiti dari segi pelayar-pelayar ataupun pemilik-pemilik kapal layar.

Memang benar secara umumnya, secara *surfaceny*, bahawa pemilik-pemilik kapal layar tentu sahaja merupakan pelancong-pelancong ataupun mereka yang berkualiti.

Sebab itulah mereka mempunyai kapal layar yang nilainya mungkin puluhan juta ringgit, tetapi dalam masa yang sama kita juga mesti melihat secara *detail*. Kita tidak mahu terjadi masalah seperti yang berlaku sekarang apabila lebih dua juta misalnya pelancong-pelancong yang datang ke negara kita tidak pulang ke negara masing-masing. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa ramai daripada pelancong-pelancong yang datang ke negara ini akhirnya lesap tidak pulang ke negara masing-masing.

Masalah ini timbul kerana mungkin terlalu ghairah kita ingin menerima pelancong, mungkin kerana kita terlalu ghairah ingin melihat kuantiti yang begitu ramai, yang cuba kita hendak buktikan bahawa negara kita sekarang sudah menjadi sebuah negara pelancongan yang terkenal. Dalam masa yang sama kita lupa bahawa kualiti juga penting, pelancong yang tidak berkualiti itulah yang akhirnya mengambil kesempatan untuk tinggal terus, bekerja di negara kita dan sebagainya, tetapi kalau kita mempunyai pelancong yang berkualiti saya kira negara akan mendapat untung yang banyak. Sebab itulah saya bersetuju dengan pandangan rakan-rakan bahawa dalam kita ghairah untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kapal layar,.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:pusat pelayar-pelayar dan sebagainya. Di dalam menerima pendaftaran mereka daripada luar negara, kita juga mesti mempunyai satu mekanisme untuk melihat dengan teliti siapakah individu-individu tertentu di dalam syarikat tersebut supaya kita menerima mereka yang berkualiti sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Petra Jaya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Silakan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bera. Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat dan juga rakan kita yang lain dan pada sebelah pagi tadi ada mengatakan kita sentuh berkaitan dengan kuasa Menteri, untuk meningkatkan kuasa kepada Menteri, jadi kalau kita rujuk pada rang undang-undang ini ada beberapa perkara yang kalau dapat Yang Berhormat Bera memberi komen.

Berkaitan dengan kuasa Menteri di bawah Seksyen 12(1) ialah untuk membubarkan pembubaran kepada satu perkara berkaitan dengan pendaftaran kapal-kapal dan juga berkaitan dengan menyediakan peraturan-peraturan berkaitan dengan kuasa. Tetapi dalam proses pendaftaran kalau kita hendak mengimbangi apa yang di katakan oleh Yang Berhormat Bera tadi satu keperluan untuk kita mencari yang berkualiti bukan sahaja kuantiti. Kalau pendaftaran dilakukan oleh pendaftar, jadi adakah apa-apa proses bagaimana perkara ini dapat dirujuk pada Menteri dengan adanya Menteri sekurang-kurangnya dengan *connection* beliau selalu pergi luar negara, dan *connection* dengan kementerian-kementerian lain akan dapat menapis tentang kualiti pedagang-pedagang asing atau yang akan datang ke Langkawi tadi,

supaya kita dapat mengimbangi pelaburan yang datang dan juga pada masa yang sama keselamatan terutamanya, sebab kapal layar ini mungkin ada kaitan juga dengan anasir-anasir subversif dari segi pengimportan barang misal kata dan sebagainya, dan percanggahan yang boleh membawa kepada imej kita di luar negara akan terjejas, jadi mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Seperti yang saya telah sebutkan tadi bahawa kuasa yang luas perlu diberi kepada Yang Berhormat Menteri kerana penilaian daripada pihak Menteri mungkin berbeza daripada penilaian daripada pihak jabatan dan sebagainya. Dalam soal kuasa Menteri saya lihat kuasa Menteri amat terhad sahaja

iaitu kuasa Menteri yang ada hanyalah di peringkat rayuan dan jika pihak Menteri merasakan syarikat itu kurang sesuai pihak Menteri boleh membatalkan.

Jadi kuasa yang ada hanyalah membatalkan dan menerima rayuan, tetapi tidak ada kuasa yang menerima pendaftaran dan saya rasa pandangan kita dari segi soal ini adalah jelas. Dari segi pertimbangan politik saya kira Yang Berhormat Menteri lebih arif tentang pertimbangan politik, dari segi keselamatan negara dan sebagainya. Sebab itulah saya katakan tadi bahawa kuasa Menteri sepatutnya diperluaskan dari segi soal pendaftaran, misalnya pihak Menteri diberi kuasa untuk menapis dan apabila pihak Menteri memberi *endorsement*, kelulusan barulah pendaftaran itu boleh dilakukan sebab pihak Menteri saya kira akan memerhatikan perkara-perkara yang lain lebih daripada semata-mata pendaftaran.

Kalau kita lihat banyak perkara di dalam negara kita yang berlaku kadangkadangkang pandangan pegawai dan pandangan Menteri adalah berbeza, kita tidak katakan pegawai itu salah tapi pertimbangannya agak berbeza. Misalnya dari soal pemberian, pemberian kontrak misalnya, pandangan orang politik berbeza daripada jabatan kerajaan. Jabatan kerajaan mungkin melihat daripada segi kelayakan, ada pendaftaran, syarikat dia didaftarkan, berdaftar dengan PKK, harga dia baik itu sahaja pertimbangan dia tetapi tidak mengira selain daripada itu, dan inilah yang saya katakan bahawa perlu ada kuasa di pihak Menteri selain daripada rayuan dan pembatalan tetapi diperluaskan kepada meluluskan supaya pertimbangan yang kita bincangkan hari ini boleh dilihat dengan teliti oleh pihak Menteri.

Saya juga menyarankan supaya diperjelaskan tentang kuasa yang ada pada pihak kementerian ini, kita tidak mahu akhirnya terjadi pertindihan yang terlalu banyak dari segi kuasa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sekejap, kalau kita lihat banyak perkara yang berlaku kerana terlalu banyak pertindihan di antara kementerian. Tadi ada sahabat menyebutkan bahawa contoh di Kementerian Penerangan, Kementerian Penerangan apabila TV swasta - tadi Yang Berhormat Pontian sebut penerangan, apabila menyebut penerangan sepatutnya kita gambarkan penerangan adalah apa sahaja yang melibatkan penerangan mesti di bawah Kementerian Penerangan, tapi apa yang berlaku

Kementerian Komunikasi mempunyai tugasnya yang lain, Kementerian Penerangan ada tugasnya yang lain sedangkan benda yang sama yang perlu difokuskan.

Begitu juga dengan masalah imigresen dan sebagainya, pengambilan tenaga luar yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Jasin begitu lama. Pihak imigresen mempunyai bidang kuasa dia dalam masa yang sama pihak Kementerian Sumber Manusia mempunyai peranan yang sama, jadi akhirnya timbul pertindihan yang begitu banyak yang akhirnya bukan membawa kebaikan tetapi membawa keburukan. Dalam soal ini Kementerian Hal Ehwal Pengguna mesti diberi peranan yang jelas supaya tidak berlaku pertindihan dari segi kuasa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Bera. Yang Berhormat saya mintalah cadangan Yang Berhormat bagaimana hendak mengatasi masalah ini? Kadang-kadang Menteri keluarkan arahan tetapi pelaksanaan ini tidak dapat dijalankan kerana kita tengok banyaklah Menteri kita pun *policy maker*, dengan izin yang kita bincang di sini, kita lulus di sini untuk dilaksanakan bagi kepentingan semua. Kadang-kadang ada Menteri diberi kuasa pun tidak boleh hendak menggunakan kuasa yang ada, ada pula CEO yang lebih mengatasi masalah ini daripada Menteri ini, pemikiran ahli lembaga pengarah sebagai contoh ini.

Jadi apakah pandangan, cadangan Yang Berhormat supaya ini dapat dilihat dengan lebih positif supaya tidak timbul *dispute*, dengan izin dalam melaksanakan sesuatu dasar kerana *policy maker* dengan pelaksana mesti seiring jalan barulah kita dapat melancarkan dasar yang telah kita putuskan di sini untuk kepentingan semua. Kalau tidak, tidak ada makna kita meluluskan sesuatu akta, undang-undang yang hari ini kita bercakap banyak undang-undang yang tidak lagi relevan dengan izin yang perlu kita perbaiki macam Yang Berhormat Jerai yang sentiasa *hands on*, dia masuk dia terus tahu apa yang kita hendak bincangkan. Tapi kita mintalah apa pandangan Yang Berhormat Bera tentang masalah ini, pandangan-pandangan sebab kita tidak mahu berlaku pertikaian tentang dasar-dasar yang telah kita lulus dan kita laksanakan untuk kepentingan rakyat, minta sedikit pandangan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Soal kuasa, apabila kita mempunyai kuasa kita menjalankan kuasa. Di dalam soal ini seperti

yang disebut oleh Yang Berhormat Larut tadi kuasa telah pun diberi oleh akta. Soal menteri tidak gunakan kuasa saya kira itu satu isu yang lain. Ada sahabat saya, arwah sudah, dia kata when you are, bila you ada kuasa, you are powerful, kalau you ada power tidak gunakan power, you are dia kata, bloody fool.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Tetapi dalam soal ini jelas bahawa kuasa telah diberi, akta telah pun menetapkan, perundangan telah memberikan kuasa, soal, tiba-tiba soal menteri kata saya tidak ada kuasa, CEO saya ada kuasa, KSU saya kuasa lebih daripada saya, itu bukan soal undang-undang yang salah tetapi soal pelaksanaan dan pihak menteri tidak mahu menggunakan kuasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang mana satu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan menteri tidak gunakan kuasa, ya, menteri telah gunakan kedudukan dia.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jerai minta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang lain itu duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Menteri telah menggunakan keistimewaan yang ada pada menteri tetapi pelaksanaan di peringkat bawah. Ini yang memeningkan kepada kita. Kita bukan berada di sini semata-mata hendak mencari *loophole* sesiapa tidak, bagaimana, saya minta pandangan Yang Berhormat, jalan yang terbaik supaya segala disputed yang ada ini kita dapat selesaikan, pertikaian, kalau tidak sampai bila pun apa juga rang undang-undang yang telah lulus, yang kita bahas di sini tidak dilaksanakan dengan sempurna, itu yang saya minta, apa cadangan Yang Berhormat. Kalau kita tidak jaga peringkat pegawai, kita jaga, kita memperjuangkan peringkat CEO dan sebagainya. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang masalah ini. Saya minta cadangan Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak boleh bagi tidak mengapa kita sampaikan kepada menteri. Menteri yang sempurna, Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Seperti saya sebut tadi bahawa saya rasa dari segi prosedur jabatan daripada kementerian, jelas, di dalam setiap kementerian semuanya diberi tugas untuk menjalankan dan melaksanakan apa yang perlu dilaksanakan. Pihak kementerian saya tahu mempunyai post kabinet dan sebagainya. Yang menetapkan bahawa perkara ini perlu dijalankan tetapi memang saya setuju ada yang diputuskan di dalam post kabinet pun kadang-kadang tidak berjalan, saya tahu, dan ini adalah menteri mesti memainkan peranan dari segi pemantauan dan sebagainya, itu pandangan saya, bermakna menteri memainkan peranan. Tidak ada sebab sesuatu yang telah diputuskan tidak akan berjalan, tidak ada sebab, jikalau pemantauan tidak, kecuali pemantauan tidak dilakukan, kecuali tentang pelaksanaan tidak dilakukan, pihak menteri boleh check apa yang telah dijalankan apa yang belum dijalankan. Cuma kadang-kadang selepas satu keputusan dibuat, keputusan tidak dijalankan, lupa keputusan yang lama buat keputusan yang baru. Yang lama akhirnya hilang begitu sahaja. Itu sahaja yang sebenarnya, ini soal pengurusan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya pandang, siapa?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Mmmm..minta maaf Tuan Yang di-Pertua apa ini Ayer Hitam dahulu

Tuan Yang di-Pertua: Ayer Hitam.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Selepas ini Datuk Jerai. Datuk Jerai hendak bercakap pasal.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah meneliti ucapan Yang Berhormat Bera tadi, walaupun memang Bera cuma ada tasik tetapi pun merupakan pakar dalam kapal layar dan saya amat tertarik dengan apa yang diutarakan tadi tentang pelaksanaan ataupun documentation memang selalunya apabila satu akta diluluskan sampai ke bawah mungkin ianya menjadi lain pula rupanya. Tetapi untuk secara khusus kita melihat akta pendaftaran kapal layar ini kita dapati sebab kenapa kementerian itu dilibatkan di dalam sebab semata-mata kerana pendaftaran

syarikat itu adalah di bawah tanggungjawab kementerian ini sedangkan kapal layar ini merupakan salah satu bidang yang tergolong dalam pengangkutan.

Jadi saya hendak minta Yang Berhormat sebagai seorang peguam, apakah pertindihan kuasa ataupun dari segi pelaksanaan apakah masalah yang akan berlaku sebab menteri itu diberi kuasa untuk mendaftarkan kapal layar sedangkan regulate ini ataupun melakukan pemantauan saya rasa adalah terlebih terus menerus dengan bidang pengangkutan, pengangkutan laut. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat secara khusus tentang kes ini. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Memang kita ketahui bahawa peranan Kementerian Hal Ehwal Pengguna amat terhad kerana dia berdasarkan kepada pendaftaran semata-mata. Tetapi akhirnya apabila timbul masalah menteri untuk menggunakan kuasa dari segi pembatalan dan rayuan. Pandangan daripada kementerian lain mesti diambil kira apabila ada timbul pelanggaran dari segi undang-undang, pelanggaran dari segi akta dan sebagainya, Kementerian Pengangkutan mesti memainkan peranan, Kementerian Pelancongan mesti memainkan peranan sebab menteri akan batalkan berdasarkan daripada pandangan daripada kementerian lain akhirnya apabila timbul terlalu banyak kementerian inilah yang akan memberikan satu keadaan yang sukar kepada pihak menteri untuk menjalankan sesuatu perkara .

Saya lihat banyak perkara yang macam ini sebenarnya yang berlaku di dalam negara kita kerana timbul masalah terlalu banyak kementerian yang terlibat dalam satu perkara. Saya pernah bercakap soal pelancongan misalnya daripada Siam, Thailand datang ke Malaysia melalui jalan darat, jalan darat Rantau Panjang, contoh. Kementerian Pelancongan mempunyai pandangan bahawa kita mesti buka negara kita dan menunjukkan Malaysia sebagai negara yang very friendly atau negara yang baik yang terbuka dan bebas dilewati. Tetapi kementerian lain mungkin tidak mempunyai pandangan yang sama kerana dia mempunyai tugas yang berbeza, jadi timbullah apabila pelancong masuk ke Rantau Panjang akhirnya pelancong terpaksa melalui beberapa sekatan yang merumitkan. Imigresen, penyeludupan, pasukan anti penyeludupan melalui polis, melalui askar, dan sebagainya jadi ini yang akhirnya menyebabkan timbul masalah kerana terlalu banyak isu, perkara yang sama dijaga oleh jabatan atau kementerian yang berbeza, sebab itu saya kata tadi bahawa di dalam soal

ini akhirnya nanti kementerian daripada Yang Berhormat Menteri Semporna ini akan memberi masalah apabila timbulnya pandangan memerlukan empangan dan sebagainya daripada kementerian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, siapa? Jerai.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Jerai selepas ini Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bni Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Bera. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua memang saya bersetuju kita pun kena faham dari sudut pihak kementerian dan kerajaan kadang-kadang kita luluskan segala rang undang-undang untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat tetapi man power pula masalah. Contoh kita ambil di kementerian Yang Berhormat sendirilah, berapa ramai *enforcement officer* yang ada? Jadi tidak sempat dia orang hendak kerja ini. Kita ambil macam pasukan polis kita, satu polis kena jaga berapa rakyat, kalau kita hitung dari segi itu. Jadi bermakna undang-undang ada, akta diluluskan tetapi hendak mengimplementasikan undang-undang itu memerlukan enforcement, penguatkuasaan, jadi disebabkan oleh kekurangan pegawai penguatkuasaan maka undang-undang itu tidak boleh diimplementasikan dengan sempurna.

Dan ia menjadi masalah kepada rakyat. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat supaya pihak JPA mengkaji kehendak-kehendak ini kerana tidaknya kita lulus undang-undang, macam Jabatan Imigresen Tuan Yang di-Pertua, di Kedah enforcement dia sembilan orang, hendak jaga seluruh negeri Kedah, pergi penjuru nu penjuru ni masuk, masuk penjuru ni penjuru kanan pulak masuk, manalah hendak cukup, jadi kita ada undang-undang. Pada pandangan rakyat, rakyat kata undang-undang ada fasal apa tidak bertindak. Kadang-kadang macam kementerian Yang Berhormat sendiri, rakyat marah barang dok naik dok naik dok naik sampai depa kata BN - barang naik, mana boleh kata macam tu. BN adalah Barisan Nasional, kan?. Tetapi dia kata sedemikian rupa kerana apa, tidak cukup pegawai penguatkuasaan nak pi kepong pasar-pasar, market dan tempat-tempat tertentu. Jadi saya hendak minta melalui Yang Berhormat Bera supaya mencadangkan kepada kerajaan supaya adakan cukup

pegawai-pegawai penguatkuasaan supaya undang-undang kita ini yang kita lulus ini diterima baik oleh rakyat dan akan menyenangkan pentadbiran negara.

Dan saya bersetuju Rang Undang-undang Kapal Layar ini lulus kerana lambang kapal layar inilah yang kita mula-mula bertanding dalam pilihan raya iaitu lambang Perikatan. Jadi lambang kapal layar ini adalah lambang perpaduan di antara MCA, MIC dan juga UMNO, DAP dengan PAS; masa itu PAS adalah serpihan daripada UMNO. Pemimpin PAS...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Berbalik kepada tajuk!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* Tajuk sama juga Tuan Yang di-Pertua, dalam kapal layar, kapal layar warna biru. PAS wujud daripada kekecewaan sesetengah pemimpin UMNO pada ketika itu telah wujud parti PAS hinggalah hari ini. Kot lah Pasir Mas lupa, saya hendak ingatkan sejarah ini. Ha, ini Yang Berhormat bagi Pasir Mas tidak apa, Assalamualaikum ustaz! Jadi rang undang-undang ini, bila saya lihat tadi, saya dengar tadi, inilah satu nostalgia bagi kita, kena diluluskan rang undang-undang ini, kena disokong sebulat suara kerana pertamanya ia melambangkan parti yang menuntut kemerdekaan dan selepas itu jadi Barisan Nasional. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Bera?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya setuju, semua saya setuju. Tentang kapal layar tadi pun saya setuju, tentang penguatkuasaan pun saya setuju. Sekarang ini, masalah yang mungkin dihadapi oleh pelayar-pelayar daripada luar adalah dari segi keselamatan. Dari surat khabar yang kita baca, dari segi publisiti-publisiti yang diberi seolah-olah Selat Melaka kurang selamat untuk kapal-kapal. Jadi orang-orang luar, pelancong-pelancong luar yang berkualiti saya kata tadi, yang datang daripada negara-negara luar dengan kapal dan sebagainya, soal utama yang mereka pentingkan adalah keselamatan. Adakah kita mencukupi bot-bot peronda dan sebagainya untuk meronda, untuk memastikan keselamatan pelayar-pelayar tadi.

Saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Jerai bahawa tenaga kerja (*manpower*) kita merupakan satu masalah yang amat besar di dalam

negara kita. Kita tengok, apa yang terjadi kepada makanan halal, cop halal tidak dapat dipantau kerana tidak cukup penguat kuasa. Yang ada berapa orang Yang Berhormat Menteri? Tujuh orang, saya difahamkan, untuk menjaga seluruh negara untuk memantau cop barangan halal, tentu sahaja tidak akan berjaya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sekejap Datuk, sekejap, saya hendak habiskan. Di tempat saya sendiri saya hendak sebutkan. Dadah merupakan masalah yang amat meruncing di seluruh negara. Di tempat saya, Bera luasnya lebih besar daripada negeri Melaka. Kita hanya mempunyai dua pegawai ADK yang menjaga Bera dan Temerloh, bukan Bera sahaja. Bera campur Temerloh sama besar dengan Negeri Sembilan, tetapi pegawai penguat kuasa ADK kita hanya mempunyai dua orang.

Saya dapat tahu dalam Mesyuarat Pembangunan Daerah yang lepas, hospital di tempat saya tidak dapat dibina. Alasannya, kita kena bekukan sementara waktu atas alasan kerana kalau bina hospital, doktor tidak ada, jururawat tidak ada – *manpower*. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jerai, *manpower* merupakan satu masalah yang besar di dalam negara kita dan pihak JPA mesti melihat ini dengan cara yang serius. Saya sudah sebut tadi bahawa walaupun undang-undang ini baik, walaupun pendaftaran boleh disegerakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri, walaupun kelulusan diberi tetapi kalau pelancong-pelancong kapal layar berasa tidak selamat datang ke negara kita kerana kurangnya kawalan keselamatan seperti bot ronda dan sebagainya, saya yakin dan saya takut akhirnya hasrat kita untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pusat belayar tidak akan berjaya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, Sri Gading dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat petang Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera, handal Bera ini Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tahu kawasan dia itu hutan, ada pun agaknya perahu tetapi dia boleh bercakap tentang kapal layar. Kapal layar ini di laut. Tetapi

itulah istimewanya Bera ini, dia serba tahu. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Barisan Nasional, hebat-hebat, tidak macam PAS dan DAP – balik-balik lagu lama yang diputarnya. Tuan Yang di-Pertua, itu handalnya Barisan Nasional.

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak sangat untungnya yang kita mati-matian berbahas dekat Parlimen ini hendak luluskan pelesenan kapal layar di Langkawi ini, tidak berapa nampak untungnya Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya Tuan Yang di-Pertua. Mungkin keuntungan material itu tidak seberapa tetapi kerugian dari segi moral agaknya, dari segi yang lebih berharga mungkin kita rugi Tuan Yang di-Pertua. Kita ini, itu sebab hendak marah dengan anak-anak muda kita ini, Yang Berhormat bagi Bera, kita pun tidak boleh hendak marah. Kita yang tua-tua bangka ini pun, terikut-ikut termasuk kerajaan – terikut-ikut apa yang dibuat oleh Barat, mesti kita hendak buat. Jadi kalau budak-budak kita gila rap, gila apa lagi? Gila rock, gila pakai anting-anting dekat pusat, apa lagi? Gila seluar *jeans* yang koyak di lutut, gila pakai sapu tangan di kepala, tidak dapat hendak marah Tuan Yang di-Pertua. Mereka mengikut acuan di Barat kerana kerajaan pun ikut, kita mengikut seolah-olah apa sahaja yang berlaku di Barat mesti kita contohi, kita ikuti tanpa kita hendak mengkaji, hendak menganalisis, hendak memperincikan untung dan rugi. Saya tidak tahu, berapa untungnya ini? Yang Berhormat bagi Langkawi tahu untung berapa Langkawi?

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Kita buka pelancongan ini di Pahang, sama negeri dengan Bera, buka pelancongan kepada pelancong luar. Tuan Yang di-Pertua, dia telanjang di tepi pantai, telanjang. Jadi pak haji dekat Pulau Tioman sorokkan songkok haji dia, menghendap Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi apabila ditanya pak haji ini apa sebabnya suka sangat menghendap orang telanjang ini? Dia kata bukan apa, suka bulu roma dia merah, tidak tahu Bera pernah tengok bulu roma merah ini? *[Ketawa]* Telanjang di Pulau Tioman Tuan Yang di-Pertua, bulu roma dia merah, bulu roma Yang Berhormat bagi Bera ini hitam agaknya *[Ketawa]* Tidak, ini cerita orang – bulu roma dia merah, syok fasal hendak tengok bulu roma merah. Yang bulu merah ini, perempuan punya Tuan Yang di-Pertua, dia hendak bersidai fasal dia hendak warna kulit hendak, apa hendak cakap ya? Dia cemburu dengan kulit orang Melayu ini, orang Malaysia ini – halus begitu, ya, dia hendak kehitam-hitaman sedikit. Rupanya dia pun suka yang hitam jugalah.

Jadi, budaya ini di Pulau Tioman Tuan Yang di-Pertua, sudah jadi masalah kepada masyarakat kita. Tuan Yang di-Pertua, kapal layar ini orang kaya-kaya. Dalam kapal layar ada arak, tidak ada 7UP, *fresh orange* ke, tidak ada, tidak mainlah mereka. Budaya telanjang ini biasalah sebab mereka ini rimas agaknya di negara kita ini – panas, buang semua seluar pendek. Jadi, keruntuhan moral akan berlaku daripada unsur yang dibawa masuk daripada luar yang kita benarkan. Berbahas kita di Dewan ini untuk hendak bawa masuk unsur-unsur negatif. Saya tidak tahulah, Yang Berhormat Menteri mungkin ada alasan, saya tidak ada masalah dengan Menteri. Menteri mungkin ada di sudut dia menguntungkan negara tetapi masalah-masalah rugi dari segi moral, dari segi beberapa perkara yang berkaitan dengan budaya bangsa di Timur, Melayu dan budaya Timur ini termasuk Cina dan India, sama lebih kurang. Cuma agama dia berbeza tetapi yang tidak baik, mereka pun kata tidak baik.

Jadi apa untungnya Yang Berhormat bagi Bera? Dari segi material dengan moral ini? Macam mana sudut Yang Berhormat bagi Bera punya pandangan dan pendapat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ismail Sabri Yaakob [Bera]: Terima kasih. Sebenarnya itulah harga yang terpaksa kita bayar tetapi kita boleh mengadakan perundangan untuk menyekat. Kalau kita lihat pada zaman moden ini, kita tidak boleh menyekat pembangunan. Kita mempunyai internet misalnya, contoh. Kalau kita takut internet boleh membawa budaya yang buruk sehingga merosakkan, kita terpaksa haramkan internet tetapi kita halalkan internet dan terpulang kepada kita, terpulang kepada perundangan kita untuk memilih yang mana baik dan yang mana buruk.

Negara kita mempunyai pelancongan yang begitu ramai pada hari ini. Tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa undang-undang yang ada sedikit sebanyak mampu menyekat kerosakan moral yang ditunjukkan oleh pelancong-pelancong kerana syarat-syarat kita boleh berikan. Pihak kementerian yang di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di dalam hendak meluluskan pendaftaran mesti menetapkan syarat-syarat *do's and don't*.

Apa yang boleh, apa yang tidak boleh di dalam negara kita. Tidak boleh berbogel di dalam kapal layar misalnya, boleh ditetapkan. Tidak boleh ada minuman

keras semasa berlabuh di dalam perairan negara kita, boleh kita fikirkan. Saya tidak tahu apa yang akan dibuat oleh pihak kementerian tetapi kalau itu menjadi kebimbangan kita boleh tetapi kita tidak sekat, terus sekat oleh kerana kita tidak mahu menjadi macam setengah-setengah parti pembangkang, takut kepada rosak moral, TV kena campak dalam sungai. Itu tidak boleh kerana takut rosak melalui internet suruh kerajaan haramkan internet. Contoh, saya diberi contoh Pasir Mas

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Tunggu dahulu, saya tidak habis lagi, contoh. Maknanya, walaupun memang benar melalui pelancongan akan timbul kerosakan, memang benar. Akan timbullah seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sri Gading tadi, ada yang berbogel di pantai dan sebagainya tetapi undang-undang kita jelas. Jelas menyekat bahawa mereka tidak boleh berbogel di tepi pantai, ada. Saya harap pihak kementerian mempunyai garis panduan yang jelas kepada pelancong-pelancong ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Pasir Mas selepas Jasin. Jadi, saya tidak habis lagi ini. Sebelum, selepas Pasir Mas, okey. *[Ketawa]* Ada perundangan, syarat boleh diberikan semua perkara yang berlaku dalam negara kita sebelum lesen diluluskan ada perundangan sebab saya sebut macam itu kerana hasil pendapatan daripada kapal layar ini jelas akan boleh memberikan satu pendapatan kepada negara.

Pada masa ini negara kita memperoleh pendapatan daripada pelancongan sebanyak RM29.6 bilion. Berapa banyak untungnya kepada orang kampung. Mungkin kita tidak nampak, mungkin yang dapat hasil daripada kapal layar nanti adalah orang Langkawi. Orang Langkawi boleh bekerja menjaga kapal layar, orang Langkawi boleh kerja di *workshop-workshop* yang *repair* kapal layar, orang Langkawi boleh menjual pakaian kepada pelayar-pelayar. Langkawi boleh nampak secara *direct* tetapi orang lain pun boleh dapat.

RM29.6 bilion ini banyak jalan-jalan kampung boleh dibuat melalui pendapatan ini, pendapatan secara langsung dan tidak langsung. Jadi besar keuntungannya kepada negara sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua dan yang rosak tadi kita mempunyai undang-

undang. Kita harap inilah yang patut dilakukan oleh pihak kementerian, pihak Jabatan Agama Islam Negeri dan sebagainya untuk memastikan perkara ini tidak berlaku. Jasin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Bera, saya minta *reverse* sedikit ke belakang berkenaan dengan *manpower* tadi untuk melaksanakan kerja ini kerana saya difahamkan apabila rang undang-undang ini diluluskan kelak oleh Dewan yang mulia ini bahawa Menteri Perdagangan Dalam Negeri akan menurunkan kuasa kepada salah satu jabatan di Kementerian Pengangkutan iaitu Jabatan Laut untuk melaksanakan kerja-kerja pendaftaran.

Soalnya sekarang, cukupkah Jabatan Laut ini mempunyai kakitangan? Kerana apa yang saya lalui sekarang ini berurusan dengan Jabatan Laut di pelabuhan-pelabuhan Melaka, sehinggakan kita hendak minta *port clearance* di Pelabuhan Kuala Linggi, oleh kerana tidak cukup kakitangan dekat Jabatan Laut Melaka, kami terpaksa ke Port Dickson dan hari ini kita hendak minta supaya kapal-kapal layar seluruh dunia datang ke Langkawi.

Kalau Jabatan Laut tidak mempunyai pegawai yang cukup, *boarding officers*, bagaimana mereka hendak buat kerja ini? Kerana kita hendak menarik orang-orang luar datang ke tempat kita, Jabatan Laut mesti efisien. Kalau tidak cukup kakitangan kita minta JPA luluskan. Kita cakap RM29 bilion yang akan kita sama-sama negara kita untung tetapi oleh kerana kita tidak mempunyai *manpower* yang cukup, saya kira apa yang kita perbincangkan pada petang ini, hasil yang akan diperolehi oleh negara melalui pendaftaran syarikat kapal layar di Langkawi ini akan habis begitu sahaja. Apa pandangan sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera?

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Terima kasih kepada sahabat saya Jasin. Seperti yang saya sebut tadi bahawa saya bersetuju bahawa kekangan yang boleh membantutkan usaha kita untuk memajukan industri ini adalah *manpower*. Tidak kiralah *manpower* dari segi kawalan, *manpower* dari segi pendaftaran, apa sahaja yang melibatkan *manpower* kerana ini merupakan satu masalah yang terbesar di dalam negara kita.

Satu masalah yang paling serius yang sehingga ini masih belum dapat diselesaikan. Saya kira di Parlimen ini daripada mulalah saya menjadi Ahli Parlimen semenjak hari ini soal kekurangan kakitangan di jabatan-jabatan kerajaan masih menjadi topik perbincangan yang masih tidak mampu diselesaikan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Saya janji dengan.....

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Kuala Terengganu.

Datuk Ismail Sabri Yaakob: Kuala Terengganu selepas Temerloh, bolehlah. Oh! Daripada tadi ya, daripada sebelum *lunch* lagi.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: Oh! Bagi, bagi. Bagi sana dahulu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih banyak, dengan laluan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Bera tadi. Saya cukup tertarik tadi bila dikatakan bahawa kita hendak menjadi pemain yang utama. Malah kita hendak setanding kalau menurut apa namanya itu rang undang-undang ini, kita hendak menjadi satu pasukan ataupun satu pemain yang setanding dengan pusat-pusat aktiviti kapal layar yang lain, yang terkenal di dunia termasuklah di Mediterranean, di Kepulauan Caribbean, di Florida dan yang serata terdapat di dunia ini.

Ertinya, kita hendak menjadi, dengan izin, *major player*, kita hendak menjadi dan berada dalam kumpulan *globalize* ini tetapi dalam masa yang sama tadi Sri Gading mengingatkan kepada kita tentang elemen-elemen *moralize* tetapi dalam masa yang sama juga kita hendak berada dalam kelompok yang moden juga, yang *modernize*. Jadi di sini kita nampak beberapa perkara yang harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan sendiri yang akan menggubal rang undang-undang ini agar kita tidak tersesat dalam menjadikan diri kita ini sebagai satu kabilah *globalize* sebab kita hendak menjadi *major player* di sini.

Saya juga ingin tarik perhatian dan cukup tertarik tadi bila Sri Gading menyentuh tentang elemen-elemen adab tatasusila, lebih-lebih lagi budaya main kapal layar ini adalah budaya elit dan kita hendak cuba hendak menjadi *fashionable* dan *trendy*, dengan izin, kononnya. Kadang-kadang kita akan menyebabkan elemen-elemen

budaya tempatan kita akan kehilangan begitu sahaja. Jadi ini harus diambil fikir dengan sesungguhnya.

Selain daripada itu juga tadi dia telah sebutkan tentang perkara-perkara dan tentang kita hendak mencapai satu standard yang *world class*, sama ada kita dapat *sustain* dengan persaingan daripada tempat-tempat lain dan ini adalah merupakan satu perkara yang cukup penting. Malah tadi juga Tuan Yang di-Pertua telah memberitahu kepada kita tentang IMD 2005 iaitu mengenai status daya saing kita. Yang kita hendak capai sekarang ini Yang Berhormat ialah supaya kita menjadi dan ada keunggulan kita itu. *What do they call it, the main player, the major player*, setakat manakah kita boleh *sustain*, setakat manakah kita boleh *maintain* dalam keadaan menjadikan kita ini sebagai pemain nombor satu dalam syarikat kapal layar peringkat antarabangsa ini, kalau boleh beri sedikit ulasan tentang itu Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu. Saya sudah ulas tentang *fear*, ketakutan kita dari segi moral dan ingin menjadi *player* tadi, okey. Seperti saya beritahu bahawa kita mempunyai institusi-institusi tertentu yang boleh memastikan soal moral diberikan pertimbangan yang tinggi. Saya pernah banyak kali beritahu, kita tidak mahu menerima pemodenan, menerima pembaharuan seperti ini tetapi dalam masa yang sama kita akan gadaikan dan musnahkan dari segi kita punya etika, moral dan sebagainya. Dari segi menjadi *global player* kita boleh jikalau kita bersedia, jikalau kita benar-benar serius dalam perkara ini, seperti yang saya beritahu tadi dari segi sejarah bangsa kita, kita pernah menjadi *global player* di dalam bidang perkapalan. Pelayar-pelayar Terengganu berselerak di merata-rata tempat di dalam negara kerana mereka belayar begitu awal. Belayar daripada Melaka, belayar jauh sampai ke Benua Afrika dan sebagainya.

Kita pernah menjadi *global player*, tetapi soalnya selepas itu kita hilang dan sekarang kita ingin bangkit kembali. Tetapi persediaan-persediaan yang saya sebutkan tadi bahawa pihak kementerian mesti memainkan peranan bukan satu kementerian tetapi semua kementerian mesti memainkan peranan. Mesti ada infra-infra yang telah saya sebutkan tadi, barulah kalau semua memainkan peranan, kalau semua pihak memainkan peranan kalau infra-infra yang diwujudkan ada, saya rasa tidak ada masalah, kalau tidak kita tentu akan ketinggalan sebab jangan kita lupa dan jangan kita

ingat bahawa kita sahaja mempunyai pelaut. Jangan kita ingat bahawa Langkawi sahaja yang terbaik, jangan kita lupa kalau bercakap soal *action regatta* jangan ingat Langkawi sahaja ada *regatta*. Di Andaman, *Sea Rally, popular, Singapore streets regatta, very popular, Philipine hobby challenge* juga popular, Singapore to Brunei *challenge race* juga popular, di Thailand, di Vietnam, semuanya mempunyai laut, mereka mempunyai laut dan mereka juga mempunyai sejarah yang besar di dalam bidang perkapalan dan kita mesti mampu menghadapi saingan ini.

Jikalau kita seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi daripada Kinabatangan dan sebagainya kalau hanya mengikut orang luar, orang buat kapal layar, kita buat kapal layar, tetapi persediaan kurang. Tidak boleh *sustain*, akhirnya kita juga akan mempunyai satu produk yang saya sebutkan tadi banyak produk yang telah kita try dan cuba hendak *commercializekan*, cuba hendak promote, tetapi kerana kurang persediaan akhirnya kita ketinggalan, orang tidak datang lagi dan orang akan pergi ke tempat-tempat lain yang saya sebutkan tadi.

Sebab itulah pihak kementerian mesti mempunyai persiapan yang jelas. Hanya kerana bila kita pergi melawat ke New Zealand tengok banyak kapal layar, kita kata *this is a good business for the country*. Tidak cukup dari segi itu semua kementerian bersatu-padu, seperti saya sebut tadi. Saya akan sebut dalam ucapan saya pada masa akan datang. Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pengangkutan mesti bekerjasama tetapi kadang-kadang apa yang berlaku adalah di antara kementerian dengan kementerian tidak boleh bekerjasama sehinggalah terpaksa diwujudkan Jawatankuasa Kabinet dan sebagainya untuk menggabungkan kementerian-kementerian itu dan terpaksa Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya menjadi Pengerusi. Ini menunjukkan bahawa di antara kementerian-kementerian tidak mampu untuk bekerjasama sehingga terpaksa diwujudkan Jawatankuasa Kabinet dan sebagainya.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi saya rasa kalau kita *ready*, kalau kita serius kita boleh buat, Pasir Mas sudah lama sudah. Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pasir Mas, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya setuju dengan pandangan-pandangan Yang Berhormat tadi tetapi apabila dikaitkan dengan parti pembangkang buang televisyen tidak betul. *[Ketawa]* Mana ada televisyen dibuang dalam sungai dalam laut kementerian boleh *sue* mahkamah kalau ada pihak-pihak tertentu daripada parti pembangkang buat kerja macam itu. Kita mahu membina negara kita, kita mahu beri pandangan kepada pembangunan negara kita.

Adanya parti pembangkang di sini sedikit sebanyak memberi keuntungan kepada parti pemerintah. Apa yang saya hendak tekankan di sini iaitu negara kita yang sebenarnya mempunyai kedudukan yang begitu baik sebagaimana yang telah diolah oleh Yang Berhormat sebentar tadi dari segi strateginya, dari segi kedudukannya yang boleh kita manfaatkan. Tinggal lagi kita rakyat di Malaysia ini barangkali saya tengok kementerian-kementerian tidak mengambil kesempatan daripada strategi dan dari kedudukan Malaysia yang begitu cantik dan begitu indah dari segi kedudukan geografinya sendiri. Kalau kita bandingkan dengan Eropah, jauh lebih baik negara kita tetapi mengapa negara kita ini kementerian-kementeriannya tidak mengambil kesempatan misalnya saya dengar sepanjang ucapan yang disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi.

Kita hanya menekankan di Langkawi sedangkan di Kelantan Pantai Bachok misalnya, Tumpat misalnya, Kuala Terengganu misalnya, Kuantan misalnya, Teluk Baniang misalnya dan lain-lain negeri mempunyai potensi yang begitu hebat untuk menarik pelancong melalui kapal layar ataupun setidak-tidaknya mewujudkan agensi ini dengan sebaik-baiknya yang dikendalikan oleh kementerian dengan sebaik-baiknya bukan sekadar melepas batuk di tangga. Kalau kita hendak melihat bahawa negara kita ini benar-benar dikunjungi ataupun setidak-tidaknya kerja-kerja sedemikian dapat ditangani dengan baik, tetapi apa yang kita lihat bahawa masing-masing hanya buat kerja lebih kurang sahaja. Kata orang Kelantan kerja lebih kurang, maknanya kalau dapat untung ya, kalau tidak ada untung pun tidak ada apa-apa, tetapi kita melihat kepada catatan di mana kita mendapat 29.6 bilion hasil daripada kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita begitu hebat. Saya sendiri telah memberi pandangan dan

cadangan supaya Kementerian Pelancongan dengan KLIA yang telah dibuat begitu hebat dan berbagai-bagai lagi, kita kena mengambil kesempatan.

Kadang-kadang kita dengar dari segi taklimat ataupun siaran di KLIA. Kadang-kadang ada bahasa Arab, kadang-kadang tidak ada bahasa Arab. Jadi kalau kita hendak bahasa Arab, kita teruskan dengan adanya bahasa Arab, jangan pula sebagaimana yang disebut oleh Perdana Menteri, kerja ini kita kena teruskan. Walaupun kita baru mula dan kita mulakan dengan berpanjangan dan *continue* dan jangan hanya panas-panas. Keadaan ini berlaku kepada kapal layar kita, kapal layar ini mesti diteruskan dan kawasan-kawasan yang dimiliki oleh negara kita mesti dikenal pasti, mesti diteroka dan mesti diberi keutamaan. Saya tengok Tumpat, mengapa Tumpat ini tidak diambil perhatian. Apakah nanti Kelantan jatuh kepada tangan Barisan Nasional baru kita hendak buat apa-apa perubahan, itu cara tidak betul. Dalam Al-Quran ada menyebut Yang Berhormat. *[Sambil menyebut sepotong ayat Al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit lagi, Allah SWT menyebut sebagai pandangan jangan sekali-kali disebabkan oleh kamu benci kepada satu kaum itu maka kamu tidak berlaku keadilan. *[Sambil menyebut sepotong ayat Al-Quran]* Jangan disebabkan kamu benci, kamu marah kepada satu kumpulan maka kamu tidak bertindak melakukan keadilan, maka berlaku keadilan kepada mereka kerana keadilan itu membawa kepada taqwa.

Jadi kalau kerajaan benar-benar menghayati apa yang saya bacakan tadi jangan kira parti dan jangan kira kerana Kelantan di perintah oleh PAS, maka kita anak tirikan Kelantan dalam semua halnya, saya rasa tidak betul. Ada perkara-perkara yang kita bersepakat dan ada perkara yang kita khilaf, yang kita sepakat kita binakan, yang kita khilaf, yang kita berbeza pandangan dari segi politik, dari segi tindakan ini, di situ kita khilaf tidak ada masalah, tetapi dari segi permuafakatan untuk membina rakyat Kelantan. Saya tengok tidak munasabah pelabuhan Tumpat itu elok dan air ada kerana cetek sedikit sahaja barangkali Pusat boleh bantu kita. Pusat boleh lebarkan, Pusat boleh gali lagi dan boleh elokkan pelabuhan Tumpat ini tetapi oleh kerana Kelantan ini diperintah oleh PAS. Jadi malasnya, orang Melayu, orang Islam yang 98 peratus orang Melayu Kelantan, orang Islam tetapi rupa-rupanya dianaktirikan ataupun dalam bahasa moden didiskriminasikan oleh kerajaan.

Memang kerajaan akan menjawab bahawa tidak ada diskriminasi tetapi saya sebagai orang Kelantan saya melihat bahawa di sana memang ada di antaranya benda yang saya sebutkan tadi. Kalau kita hendak memperelokkan saya minta Yang Berhormat sebut dan cadangkan perkara ini kepada kerajaan dan sama-sama kita bina supaya kita dapat melihat bahawa rakyat di Malaysia, kalau tidak baik rakyat Kelantan tidak baik juga rakyat Malaysia kerana Kelantan ini anak kita juga.

Saya pernah membaca ayat al-Quran ini di mana Nabi s.a.w. sendiri pun di waktu sembahyang pernah membaca satu ayat sahaja dalam sembahyang daripada isyak' sampai ke subuh, makna ayat Quran itu ialah [*Membaca sepotong ayat daripada Al Quran*] "Ya, Allah, kalau Kamu mengazabkan manusia ini, manusia ini adalah yang Kamu cipta dia sendiri, yang Kamu buat dia sendiri. Dia adalah hamba kamu ya Allah tetapi kalau Kamu memaafkannya tidak kurang juga bahawa Kamu maha pemaaf dan maha pemurah".

Jadi dapat kita mengambil kesempatan di sini bahawa kalaulah apa yang berlaku di negeri Kelantan rakyat Malaysia juga orang tidak kata orang Filipina. Kalau Yang Berhormat kata rakyat Filipina rakyat Kelantan ini, orang tidak kata Kelantan ini rakyat Singapura, orang kata rakyat Malaysia juga. Orang tidak kata Kelantan ini rakyat Filipina dan sebagainya orang kata rakyat Malaysia. Miskin rakyat Kelantan orang kata rakyat Malaysia juga, apa keadaan rakyat Malaysia juga. Jadi berpandu kepada asas yang dibaca oleh Nabi s.a.w. tadi sebagai Nabi kita, *prophet* kita penghulu bagi kita, orang PAS dan orang UMNO pun ini juga. Tidak ada Nabi dua tiga, ada ke? Jadi kita mengambil semangat itu supaya kita melakukan keadilan kepada semua pihak sehingga terserlah masyarakat Kelantan dan bukan Kelantan sama-sama membangun.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil kalau kita tidak memberi kebebasan dan di waktu yang sama kita tidak membantu mereka kemudian mereka susah kemudian kita kata mereka tidak pandai. Saya rasa kita perlu bantu mereka, kita perlu bantu semuanya. Hendak tengok sebenarnya rakyat Kelantan ini betulkah tidak mampu. Kalau perkapalan ini diberi juga sama seperti orang lain kita boleh melihat bahawa destinasi yang berada di Kelantan lebih hebat dan lebih menonjol sama juga dengan tempat-tempat yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat telah pun menjawab soalan itu semalam. Soalan Yang Berhormat kemukakan sekarang ini, Yang Berhormat telah pun menjawab semalam. Apabila Yang Berhormat - saya masih ingat, memuji Menteri Kemajuan Luar Bandar semalam, mengatakan Menteri ini baik kerana membawa projek-projek luar bandar ke negeri Kelantan. Semalam juga Yang Berhormat memuji Menteri Kerja Raya - semalam kalau Yang Berhormat ingat, mengatakan bahawa Menteri Kerja Raya ini baik walaupun Kelantan itu di bawah PAS tetapi masih membawa pembangunan jalan dan sebagainya di Kelantan. Yang Berhormat telah jawab soalan itu semalam bahawa dalam soal pembangunan di dalam soal membela rakyat kerajaan tidak pernah membeza-bezakan antara kerajaan PAS dengan kerajaan negeri-negeri lain. Pembangunan ada di Kelantan. Kalau tidak kita tutup universiti untuk rakyat Kelantan di Kuala Lumpur. Kita kata universiti ini oleh kerana kerajaan bina untuk anak-anak orang UMNO sahaja tetapi tidak. Sebahagian besar di dalam universiti di negara kita daripada Kelantan yang kita tidak pernah *check* sama ada mereka itu anak PAS atau anak UMNO.

Di Pahang sendiri, Yayasan Pahang dan sebagainya, biasiswa diberi kepada semua. Tidak pernah kata anak PAS tidak dapat anak UMNO dapat. Saya rasa dari soal keadilan jelas bahawa kerajaan berlaku adil walaupun sepatutnya kalau kita sebagai bapak negeri sebagai anak yang degil, melawan dan sebagainya, sebagai manusia kalau kita kurangkan keadilan pun orang tidak marah. Tetapi kerana kerajaan kita kerajaan yang adil dan sebagainya maka tidak ada masalah Kelantan terus maju.

Saya pernah duduk di dalam Kementerian Pelancongan selama 4 tahun. Di dalam Kementerian Pelancongan promosi yang dibuat tidak pernah kita kata jangan pergi ke Kelantan walaupun Kelantan kata dikir barat, mak yong dan sebagainya tidak boleh tetapi kita masukkan kebudayaan Kelantan seperti dikir barat dan sebagainya di dalam *calender of event* kita. Di panggung budaya di Kelantan dia ada bulan berapa tu, saya tidak ingat bulan berapa, kita masukkan ke dalam *calender of event* pelancongan Malaysia dan kita jual negeri Kelantan sebagai sebuah negeri pengeluar batik, sebuah negeri yang mempunyai permainan gasing, sebuah negeri yang main layang-layang wau dan sebagainya. Kita tidak pernah kata pelancong datang ke Malaysia hanya setakat negeri Barisan Nasional, tidak. Kita majukan Kelantan sebagai mana Rantau Panjang

kita tengok maju dan sebagainya. Ini hasil daripada kerajaan kita tetapi kalau hendak dikatakan bahawa Langkawi diutamakan dalam soal kapal layar mungkin kerana ada sebab-sebabnya. Saya sudah sebut tadi bahawa pendaftaran hanyalah pendaftaran tetapi kapal layar boleh berada di mana-mana, hendak pergi ke Tumpat pun boleh. Satu lagi ialah

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]: *[bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:Dato' sekejap ya?, Yang Berhormat bagi Temerloh, sekejap. Di negeri-negeri di pantai timur misalnya dari segi infranya mungkin memerlukan perbelanjaan yang besar, ini kalau jawapan secara personel saya. Mungkin Menteri mempunyai jawapan yang berbeza tetapi kerana saya menjawab. Dari segi infranya berbeza sebagai sebuah negeri yang berdepan dengan laut terbuka jadi tentulah membina tempat menahan ombak dan sebagainya perlu dibuat dengan lebih banyak sedangkan di Selat Melaka kerana kedudukan geografinya dilindungi oleh pulau Sumatera dan sebagainya angin tidaklah terlalu kuat gelombangnya.

Saya sendiri telah pergi ke Pangkalan Chepa semasa saya *Exco* Pemuda, sampai rumah pun habis roboh kerana kuatnya ombak dan sebagainya, betul atau tidak Yang Berhormat bagi Pasir Mas? Kerana kuatnya ombak kita kena buat benteng ombak yang begitu banyak untuk memastikan kapal layar yang dilabuhkan di situ tidak pecah, rosak dan sebagainya. Tetapi jangan bimbang kerana saya rasa Langkawi adalah permulaan *it is the begining*. Selepas ini akan pergi ke Pahang, akan pergi ke Tumpat, akan pergi ke Pasir Mas dan sebagainya. Saya menjangkakan perkara ini akan terus. Kalau kita memulakan ini sebagai tapak pertama mungkin tapak ke 10 sampai ke Pasir Mas dan sebagainya.

[Beberapa Ahli Parlimen bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Temerloh dahulu sebab Temerloh ada laut besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Temerloh sila.

Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya ucap syabaslah adinda saya daripada Bera ini memberi hujah yang begitu bernas walaupun Bera tidak dekat dengan laut. Saya

beritahu dia pagi tadi seolah-olah beliau mempunyai sebuah kapal layar. Saya mempunyai pandangan yang berbeza sedikit. Kalau Tuan Yang di-Pertua ingat masa kita buat F1 bermacam-macam tohmahan dilemparkan, adakah Malaysia mampu setanding dengan negara-negara antarabangsa untuk menganjurkan F1. Tetapi hari ini kita lihat F1 ini sudah menjadi termasuk dalam jadual agenda dunia di mana Kuala Lumpur merupakan venue yang terkenal dari segi perlumbaan kereta F1 dan mendatangkan banyak hasil kepada negara.

Begitu juga bila kita buka KLIA dahulu, macam-macam tohmahan juga dilemparkan sama ada kita mampu untuk bertanding dengan Singapura. Kita jangkakan KLIA hanya boleh menampung lebih kurang 30 juta *passengers* untuk satu tahun tetapi hari ini sahaja kita telah menampung hampir 21 juta. Barangkali 5 tahun lagi KLIA perlu diperbesarkan sekali ganda dari apa yang ada sekarang.

Saya lihat Tuan Yang di-Pertua, menjadikan Langkawi ini sebagai pusat pendaftaran syarikat kapal layar satu usaha yang strategik kerana Langkawi sebagai mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi begitu sesuai dari segi keadaan sekelilingnya, tidak ada angin yang kuat dan mempunyai kawasan yang begitu sesuai untuk kapal-kapal berlabuh. Tetapi yang menjadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah kita mampu untuk melakukannya. Saya yakin kalau ambil daripada pengalaman dari F1 dan KLIA, kita boleh. Ertinya orang Malaysia ini boleh untuk bertanding, boleh untuk menjadikan sesuatu yang mungkin mustahil dan boleh berjaya.

Saya yakin sungguh industri kapal layar ini boleh menjadi satu industri yang besar dan kalau kita ambil contoh di negara-negara luar sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi di Seychelles ataupun di tempat-tempat lain, ia menjadikan ini sebagai satu industri, salah satu daripada industri utama negara.

Saya yakin Pulau Langkawi boleh menjadi salah satu daripada industri utama negara melalui kegiatan syarikat kapal layar ini. Tetapi kita kena tanya diri kita, adakah kita telah bersedia? Adakah kemudahan-kemudahan telah kita adakan? Adakah kita mampu untuk bertanding, misalnya dengan Phuket sahaja dari segi penyediaan *maintenance* dengan izin, dari segi penyediaan *manpower* yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi.

Kita tidak hendaklah kapal ini daftar di Langkawi tetapi *crew* dia, semuanya orang luar belaka. Bukan susah sangat untuk menjadi kelasi-kelasi, kapal-kapal layar yang kecil-kecil ini. Ini bukanlah kapal layar *merchant*, bukannya *merchant ship* atau dengan izin, bukannya kapal layar saudagar. Ini kapal layar yang kecil-kecil, yang memerlukan lebih kurang lima ataupun enam orang *crew* sahaja. Ini memberikan peluang pekerjaan yang baik. Bayangkan kalau beratus ataupun beribu kapal didaftarkan? Berapa ramai anak-anak Malaysia, anak-anak tempatan yang boleh mendapat pengalaman, menjadi kelasi-kelasi kapal yang kecil ini, daripada tukang masak, daripada kapten, daripada penjaga meter dan sebagainya. Tetapi, adakah kita telah bersedia?

Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Bera. Barangkali kerajaan perlu bukan sahaja mempergiatkan, tetapi betul-betul melihat ini sebagai satu industri utama. Barangkali kita perlu ada akademi laut. Kalau saya lihat hari ini, persediaan di Langkawi kita masih belum mampu untuk bertanding dengan Phuket pun kita tidak mampu. Terus-terang saya nyatakan, dengan Phuket pun kita tidak mampu. Kalau hendak ikut perbandingan, Port Klang lebih baik daripada Langkawi, lebih strategik daripada Langkawi dari segi kemudahan infrastruktur untuk menjadi sebagai destinasi pendaftaran syarikat kapal layar ini. Tetapi Langkawi strategik *location*nya. Saya yakin kita boleh jadikan ini sebagai satu industri besar kalau kita punyai kesungguhan.

Ertinya, kita kena bersedia, kita kena lihat perancangan kita, apa yang kurang, kita kena ada tarikan-tarikan tertentu kerana orang-orang yang mempunyai kapal-kapal seperti ini, dia kadang-kadang dia punyai lima tahun dia jual, dia beli yang lain. Kalau nilai dia naik, harganya naik, dia jual. Dia menjadikan ini sebagai satu *business*, sebagai satu industri. Adakah kita boleh menyediakan kemudahan-kemudahan seperti itu dari segi cukainya, struktur cukai macam mana, dari segi dia hendak daftar, *ownership* dia macam mana? Kalau dia jual, berapa dia kena bayar cukai kepada kita? Bolehkah tidak dia bawa keluar keuntungan dia, macam-macam ini. Ini semua harus diteliti dengan mendalam. Saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Bera dan saya yakin ini boleh menjadi satu industri yang strategik untuk negara kalau kita mempunyai keyakinan dan kesungguhan untuk menjayakannya. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat bagi Temerloh, kekanda saya. Sebagai bekas Timbalan Ketua Bahagian kepada Yang Berhormat bagi Temerloh ini, tidak bolehlah saya tidak bersetuju dengan beliau ini. Memang saya bersetuju. Ini merupakan satu yang boleh dijadikan sebagai industri yang besar jikalau kita bersedia dengan segala-gala kelengkapan. Tadi saya sudah sebut apa yang patut ada. Saya sudah sebutkan tentang kepakaran dari segi servis dan sebagainya. Saya sudah sebut tadi. Saya bersetuju kalau perlu ada banyak pusat latihan dan sebagainya.

Sekarang di Kedah atau di Langkawi, hanya ada satu sekolah latihan kapal layar iaitu Zita Marine dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah, ada satu sahaja. Kalau kita ingin jadikan ini sebagai satu industri, maka perlu diperbanyakkan. Sebab itu, saya kata semua kementerian mesti terlibat termasuk Kementerian Pelajaran. Kalau di sini ada Zita Marine dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah, maka tidak ada sebab di tempat-tempat lain Kementerian Pendidikan boleh memulakan sebagai latihan atau pelajaran untuk latihan dan sebagainya. Mata pelajaran marin dan sebagainya boleh dijadikan sebagai mata pelajaran.

Kalau kita lihat banyak nama-nama besar daripada negara kita yang mungkin kita tidak kenal. Kementerian Belia misalnya, perlu memainkan peranan untuk mewujudkan pusat-pusat latihan belia untuk membantu belia-belia yang berminat di dalam bidang marin ini, di dalam bidang perkapalan. Sukan, pertandingan regata ini sebenarnya sukan. Kita mendapat pelbagai hadiah dan kita mempunyai nama besar. Cuma kita mungkin tidak ketengahkan. Saya hendak sebut, mungkin kita tidak tahu kalau saya sebutkan nama seperti Kelvin Lim, tidak ada siapa tahu. Brian Tan, Abdul Rahim Mat Zain ataupun adik-beradik daripada Khairul Nizam, Khairul Neesa, Khairul Nita. Ini merupakan nama-nama yang telah kita wujudkan, yang telah kita lahirkan di dalam sukan regata dan sebagainya .

Mereka ini adalah anak-anak muda yang berminat untuk menjadi pelayar-pelayar tetapi soalnya sejauh mana? Sejauh mana kita hendak *promote* mereka. Sejauh mana kita hendak melatih mereka? Seperti juga sukan-sukan lain, kalau Kementerian Belia dan Sukan melihat lapan teras untuk kemajuan sukan, dalam masa yang sama, kita tidak boleh lupa tentang sukan-sukan seperti ini sebab kalau tidak ada minat di kalangan rakyat tempatan, di dalam bidang-bidang pelayaran dan sebagainya, industri itu tentu

sahaja tidak akan berjaya. Kalau tidak ada minat daripada kumpulan rakyat tempatan di dalam bidang perkapalan, siapa yang berminat untuk menjadi kelasi-kelasi di dalam kapal layar yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Temerloh tadi? Tidak ada siapa yang berminat untuk bekerja di dalam kapal layar. Tidak ada siapa yang berminat untuk bekerja di dalam pusat servis kapal layar. Tidak ada siapa yang berminat untuk menjadi tukang masak dalam kapal layar, tidak ada sesiapa.

Tetapi, kalau kita buka kepada golongan belia, Pejabat Pelajaran memainkan peranan, Pejabat Belia memainkan peranan, akhirnya berjaya. Kalau kita lihat kadang-kadang tumpuan kita tidak beri. Banyak kalau kita tengok pelari-pelari daripada kampung dan sebagainya, daripada sekolah rendah menjadi *champion* dan sebagainya tetapi kerana tidak ada penekanan, akhirnya pelari-pelari daripada golongan pelajar itu hilang begitu sahaja. Bila masuk sekolah menengah hilang. Daripada pelajar sekolah menengah, masuk universiti hilang kerana kita tidak serius. Akhirnya kita tidak berapa serius dari segi hendak mengetengahkan mereka yang mempunyai potensi.

Saya rasa kumpulan-kumpulan yang nama saya sebut tadi, hanya bergantung kepada diri sendiri, keupayaan sendiri. Takkan kita tidak pernah terfikir di dalam negara adanya pelayar seperti Datuk Azhar Mansor misalnya, tidak pernah terfikir. Selama ini orang tidak tahu. Tetapi sebenarnya ada. Cuma penglibatan daripada kementerian-kementerian yang berkaitan. Jadi.....

Tuan Salahuddin bin Ayub: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kubang Kerian.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Kubang Kerian, sahabat saya.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera. Saya dengar di atas tadi Tuan Yang di-Pertua tentang sejarah kapal layar ini, yang menyentuh juga tentang maruah dan juga *dignity* negara kita dalam cuba untuk menjadikan Langkawi ini sebagai suatu destinasi dan industri pelancongan yang bertaraf dunia. Saya juga mendengar tentang sejarah kapal layar ini yang juga dibahaskan tentang lambang asal Perikatan yang menggunakan kapal layar.

Tetapi saya berdiri pada petang ini Tuan Yang di-Pertua untuk saya menyingkap sedikit dengan izin daripada sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bera tentang sejarah kapal layar ini di mana kalau kita menelaah sebentar tentang peranan kapal layar ini dalam abad yang ke 16, 17 dan abad yang ke 18, kita melihat peranan kapal layar ini sangat signifikan dengan perkembangan sejarah dunia pada waktu itu. Sebagai contoh kalau penguasaan Lautan Atlantik dan Selat Inggeris, ia amat signifikan dengan nama Viking iaitu satu kumpulan lanun yang pada waktu itu yang menggunakan kuasa kapal layar ini untuk mereka menjalankan operasi mereka.

Demikian juga tentang nama-nama yang tersohor dalam bidang pelayaran yang kita baca dan kita belajar waktu di sekolah dahulu tentang nama-nama seperti Vasco da Gama, orang yang bertanggungjawab untuk menerokai jalan ke Tanjung Pengharapan ataupun disebut *Cape of Good Hope* pada waktu itu dan nama-nama seperti Lopez De Sequeira dan juga Ferdinand Magellan yang merupakan manusia pertama yang mengelilingi dunia dengan menggunakan kapal layar pada waktu itu.

Demikian juga nama-nama seperti Christopher Columbus yang dianggap sebagai peneroka jalan yang menjumpai dunia baru iaitu Amerika pada hari ini. Kemudian kalau kita lihat di sebelah Asia Tenggara ataupun Asia Timur jauh, nama-nama seperti Laksamana Cheng Ho amat signifikan dalam menjalinkan perhubungan diplomatik waktu itu di antara Kerajaan Melayu Melaka dengan Kerajaan China.

Dalam sejarah Islam sendiri, Tuan Yang di-Pertua, memperlihatkan tentang bagaimana seorang pejuang Islam yang bernama Tariq bin Ziad, sebagai contoh, yang berjaya merentasi Laut Mediterranean dalam ekspedisi tentera Islam pada waktu untuk sampai ke Cordova. Yang ini juga kita melihat dengan adanya kemudahan kapal layar pada waktu itu, maka ekspedisi ini dapat diperluaskan dan kita melihat bagaimana pentingnya kapal layar ini dalam membentuk ketamadunan dan juga dalam membentuk kerajaan-kerajaan yang wujud pada waktu itu.

Begitu juga kalau kita membaca dengan teliti tentang bagaimana, sebagai contoh, Inggeris boleh memartabatkan keupayaan mereka sebagai sebuah negara yang memiliki angkatan ataupun armada laut yang terkuat pada abad itu sehingga pada hari ini nama-nama seperti Lord Nelson yang berjaya mengalahkan Napoleon Bonaparte

dalam peperangan Trafalgar. Demikian juga Duke of Wellington yang akhirnya menewaskan Napoleon dalam peperangan Waterloo.

Ini semua adalah insiden-insiden yang sangat penting, pada saya kalau kita mahu melihat bagaimana peranan kapal layar ini, laut pada waktu itu dan destinasi yang mereka tuju sama ada dalam misi peperangan, dalam misi perdagangan dan juga dalam misi diplomatik yang wujud pada waktu itu.

Demikian juga kalau kita melihat dan mengkaji tentang keagungan Kerajaan Melayu Melaka, di mana destinasi Melaka pada waktu itu adalah sebagai antara pelabuhan yang tersibuk di dunia dan ini ditulis oleh seorang ahli sejarah yang menggelar Melaka pada waktu itu yang juga signifikan dengan Semenanjung Tanah Melayu, dengan memberikan gelaran *Golden Peninsular Malaysia* pada waktu itu sebagai Semenanjung Emas yang merupakan destinasi terbaik untuk menjadi perantara laluan perdagangan dari Timur ke Barat, dan Barat ke Timur dalam industri yang dikatakan industri mencari rempah ratus pada waktu itu.

Oleh kerana itu, moral daripada apa yang hendak saya ceritakan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah bagaimana negara-negara yang saya sebutkan tadi, mereka bukan sahaja bermaruah, berdigniti pada abad itu, tetapi isu yang penting ialah *sustainable* itu, ketahanan mereka dan keupayaan mereka untuk mengekalkan bangsa itu sehingga pada hari ini. Tidak macam kita. Kita dahulu berbangga kalau anak-anak kita di sekolah pada hari ini boleh berbangga dengan Kerajaan Melayu Melaka yang merupakan di antara pelabuhan yang bertaraf dunia pada hari itu tetapi hari ini tidak lagi. Yang ada hanyalah replika kapal Florese D'lama pada hari ini, iaitu kapal yang digunakan oleh Alfonso de Albuquerque semasa menyerang Melaka pada waktu itu.

Apakah Langkawi akan boleh meninggikan kembali martabat kita dan saya juga bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Temerloh tadi, bahawa kita mungkin boleh menjadi *organizer* yang baik, kita menganjurkan Sukan Komanwel, kita boleh menganjurkan pra perlawanan Piala Dunia, Kuala Lumpur menjadi destinasi tetapi kita memang boleh menjadi *organizer* yang baik tetapi akhirnya kita tidak mampu untuk menjadi pemain yang baik. Jangankan hendak sampai ke peringkat *global player*, *regional player* pun kita tidak mampu.

Kita boleh mengadakan, kita boleh menganjurkan dan kita boleh memberikan prasarana yang terbaik untuk *Formula One*, tetapi adakah hari ini kita boleh *sustain* ataupun kita boleh *fast forward* ke hadapan untuk kita melahirkan pelumba-pelumba yang bertaraf dunia. Kita boleh menganjurkan Sukan Olimpik, sebagai contoh, kita memang berupaya tetapi adakah atlet kita sekarang ini sampai kepada tahap ataupun kelas dunia. Ini satu perkara yang saya rasa kita kena berfikir kembali, bukan sekadar akta ini kita bentang dalam Parlimen ini untuk membolehkan undang-undang ini dikemukakan ataupun menjalankan Langkawi sebagai pusat destinasi, tetapi yang lebih penting daripada itu, adakah kita berupaya dan untuk kita menjadikan negara kita ini dan Langkawi benar-benar sebagai suatu destinasi yang terpenting untuk industri kapal layar ini. Apa pandangan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bera? Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk berjaya, kita perlu usaha dan perancangan yang jitu. Semata-mata kerana kita mempunyai sejarah tidak akan menjamin kejayaan. Yang Berhormat sebut tentang negara Portugal yang mempunyai pelayar-pelayar, negara Sepanyol yang mempunyai pelayar-pelayar yang terkenal, Oman, kalau saya tidak silap, inilah bermulanya Sinbad, kalau betul ya. Sinbad, seorang pelayar yang terkenal satu ketika dahulu. Melaka, yang disebut tadi mempunyai pelayar yang terkemuka. Macam-macam kita dengar nama sama ada nama betul atau tidak, Panglima Hitam dan sebagainya.

Mereka merupakan pelayar-pelayar yang terkemuka tetapi sejarah semata-mata tidak boleh menjamin kejayaan kita. Dahulu banyak negara besar yang mencipta sejarah tetapi sekarang menjadi negara miskin dan sebagainya. Kerana semata-mata sejarah, sejarah adalah sebagai sandaran untuk kita menjadikan pengajaran, tetapi kalau tidak ada usaha di dalam dunia yang mencabar seperti ini, usaha dan perancangan perlu dibuat.

Sebab itulah saya kira sekarang, kerajaan sedang berusaha kembali. Kita tidak mahu hanya bercakap soal sejarah kegemilangan bangsa Melayu sebagai pelaut, kita tidak mahu. Tidak cukup setakat itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat, hendak bagi yang mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi Sri Gading.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya hendak habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawab sekali.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya jawab sekali, okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey. Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bera. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian punya hujah itu boleh kita pakai juga. Umpamanya, kita takut kita mempunyai infrastruktur yang baik tetapi sebagai pemain, peserta, *no, nil*, kosong. Contohnya stadium kita, *first class* punya. *[Disampuk]* *First class* punya stadium, tetapi bola sepak kita, minta maaf, saya bukan menyindir Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Larut tidak ada kena-mengena dengan bola sepak ini.

Saya tengok Piala FAM ini, meluat kadang-kadang saya. *[Ketawa]* Minta maaf, Yang Berhormat bagi Bera, minta maaf. *[Disampuk]* Semua naik, cuma mutu boleh sepak menurun. Diesel naik, barang naik, semua naik, yang menurun mutu permainan bola sepak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kalau hendak berbual, pergi kantin. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak berbual. *[Ketawa]* Apa faedah pertandingan bola sepak kita? Kita panggil pemain import ini apa faedahnya, Tuan Yang di-Pertua? Apa faedah kita import pemain luar datang, wah banggallah Perlis menang. Pemain import menang kepada dia. Banggallah Selangor menang, pemain import dia yang masukkan gol. Banggallah Pahang, pemain import dia yang masukkan gol. Kita jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia orang tidak main bola atas kapal layar. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak, tak...ini dia ada kaitan dengan kapal layar.... *[Ketawa]*...ada kaitan, ada kaitan. Jadi apa untungnya, kita bagi orang beribu-

ribu, gol, kita pun sorak, “Menang Perlis”, “menanglah Pahang”, “Kalahlah Sabah”, “menanglah Johor” – semua pemain import, tapi yang bermain, yang ambil bahagian jadi bodoh apa kita rakyat Malaysia ini. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf – bodoh apa kita, kita tepuk negeri kita menang tetapi hasil usaha orang dapat faedah, kita apa dapat? Pemain bola sepak kita bukannya dapat kepakaran daripada pemain-pemain luar itu, pemain luar ini pulak pemain nombor 18 yang kita ambil ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jauh sangat, dari kapal layar pergi main bola, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Iyalah ini saya ambil contoh, saya bimbang kita.....

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa ini? Hendak bercakap tentang bola Sabah, ya? *[Ketawa]* Jemput, jemputlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada, Yang Berhormat, Yang Berhormat! Yang bercakap ini Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, cakap Yang Berhormat Bera tapi Yang Berhormat Bera boleh bagi dia, kemudian Yang Berhormat Bera jawab sekalilah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bera, hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Timbalan Menteri, okey.

Datuk Anifah bin Haji Aman [Kimanis]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa terpanggil apabila Yang Berhormat tadi bercakap tentang apa gunanya, apa kebaikannya kalau kita memainkan pemain import? Yang Berhormat, sebenarnya saya juga serupa, sependapat dengan Yang Berhormat, tetapi sebelum kita pandai berlari kita hendak berjalan dahulu, merangkak dahulu. Jadi, sama juga pada suatu ketika dahulu kita memerlukan kepakaran-kepakaran bangsa asing untuk menunjuk ajar kita sampailah kita fasih, sampailah kita faham, sampailah kita mampu barulah kita laksanakan.

Jadi oleh itu, saya ingat naib presiden FAM ada sebelah juga duduk, jadi buat ketika ini Yang Berhormat, tidak apalah kalau kapal layarkah kita import daripada luar

kita *register* dalam Langkawikah, asalkan pada suatu hari kelak melalui bimbingan, melalui perancangan kita, kita dapat meningkatkan prestasi dan *standard* bola sepak kita dan juga kapal layar itu sama jugalah. Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kapten ataupun pemandu nakhoda kapal layar import dahululah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya sambung tadi. Jadi, yang penting adalah persediaan kita sebab itulah kalau ada persediaan yang baik, ada usaha yang dibuat oleh kerajaan saya yakin apa yang kita jalankan akan berjaya. Tadi, Yang Berhormat bagi Temerloh sudah sebut tidak ada siapa yang yakin dengan Litar Sepang,

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Tetapi akhirnya sekarang kita telah letakkan di dalam peta perlumbaan F1 Litar Sepang tadi. Sekejap ya, sekejap Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan.

Kita boleh berjaya tetapi dengan usaha, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sri Gading tadi pasal bola dan sebagainya. Tetapi bila disentuh stadium tadi saya hendak *declare interest*lah, isytihar kepentingan, saya pengerusi stadium. Stadium memang lengkap, cukup, bagus, besar tetapi masalah pemain dan sebagainya itu saya serah kepada Yang Berhormat bagi Larutlah hendak memikirkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Sedikit lagi. Jadi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kinabatangan, hendak bagi jalan Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Ya, okey, okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kita memang mengharapkan bahawa prasarana untuk persediaan kapal layar ini harus diambil perhatian oleh kerajaan sebab kita harus mengambil iktibar. Kita memang ada Litar *Formula One* Sepang, yang berjaya pengurusan kita pengunjuran kita memang berjaya tetapi akhirnya pelumba kita langsung tidak berjaya. Demikian juga

dengan prasarana sukan kita memang kita cukup dengan Stadium Bukit Jalilnya tetapi kita gagal dalam permainan yang kita buka yang kita rancang ini.

Demikian juga dengan kapal layar ini saya bukan mengecil-mengecilkan tetapi mungkin kita juga akan gagal, yang pemain yang berjaya iaitu pemain-pemain dari luar yang menguasai dunia ini dan seterusnya mengaut keuntungan. Jadi itulah kebimbangan kita dan meminta Yang Berhormat supaya memberi penekanan dalam soal-soal ini, bukan sahaja kita membuka gelanggang tetapi kita juga harus meneliti dan menempatkan pemain-pemain yang bertaraf *world class*. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Bera. Hendak bagi jalan Yang Berhormat Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat Bera. Berasaskan apa yang disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat kalau semua menang orang tidak hendak datang negeri kita pula. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini Tuan Yang di-Pertua, saya pun kadang-kadang iri hati pasal mengapa Langkawi dipilih walhal disebut Melaka tadi kita negeri maritim tahun 500, 600 tahun dahulu. Hari ini di Melaka hanya satu sahaja Akademi Laut Malaysia terletak dekat Melaka pun kita mengajar ataupun melatih mereka yang hendak jadi pelaut. Yang saya hendak timbulkan hari ini, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Akademi Laut Melaka, *the only one* yang mengajar untuk orang pergi jadi pelaut, kapal latihan dia sudah tenggelam sampai sekarang pun tidak ganti, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sampai sekarang tidak ganti. Jadi kita tidak hendak apa yang berlaku ini dengan *[Ketawa]* Jadi kita tidak hendaklah supaya apa yang kita buat tentang kapal layar di Langkawi ini hanya kita *rhetoric* sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak itulah. Jadi saya minta Yang Berhormat Bera supaya

menegaskan apa yang kita luluskan ini esok akan menjadi kenyataan demi untuk kebaikan negara kita pada masa akan datang. Terima kasih, Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Biar saya jawab dua-dua sekali.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Lepas inilah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dahulu Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Tidak boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sekali, sekali sahaja.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Duduk dahulu, duduk dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Lupa nanti, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak tanya sedikitlah, mungkin Yang Berhormat setuju tentang masalah yang kita bincangkan, kepakaran rakyat asing yang kita bincang soal pendaftaran kapal layar. Yang Berhormat kata tadi tempat Yang Berhormat ada perahu ya? *[Ketawa]* Tidak ada kapal cuma ada perahu, tidak apalah mungkin satu hari nanti Bera boleh ada satu tempat untuk kapal layar masuk ke sana. Masalahnya kalau kita bincang dari sudut ini kita ambil sukan tadilah. Kita tahu Langkawi termasyhur dengan perlumbaan basikal, Langkawi *De Tour* ya, walaupun ada sikap kurang ajar peserta dari negara asing yang telah kita bagi amaran, kita bagi nasihat supaya jangan mengulangi budaya yang tidak sihat dengan budaya kita di negara ini.

Tetapi masalahnya kita mesti lihat dari sudut positif, kepakaran asing ini yang disebut oleh sahabat saya dari Sabah tadi walaupun Yang Berhormat Sri Gading terlalu *emotional*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sepak takraw, Yang Berhormat Sri Gading pengerusi sepak takraw Johor, sudah 20 tahun lebih saya rasa.

Seorang Ahli: Tidak maju-maju juga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak ada kepakaran asing, kita kalah dengan Myanmar,

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Negara yang tidak tahu langsung main sepak takraw.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullah halazim.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kira Yang Berhormat Sri Gading tidak tahu bila mereka kalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullah halazim.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita cuba lihat di Thailand kerana sepak takraw ini.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini 36.6.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, tidak kita cuba mengupas....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut tidak payah berucap panjang-panjanglah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan, penjelasan bukan berucap, minta penjelasan supaya Yang Berhormat Sri Gading faham kalau tidak nanti dia mimpi di siang hari.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullah halazim.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Thailand, permainan sepak takraw ini permainan tradisi sejak turun-temurun daripada zaman Tun Perak lagi, yang kita tahu inilah kebanggaan orang Melayu yang sepatutnya sudah pergi sampai ke sukan Olimpik tetapi sehingga ke hari ini masih belum mendapat menembusi sukan Olimpik. Kerana apa? Saya percaya negara-negara asing melihat bahawa mereka masih lagi menidakkan kepakaran mereka dalam permainan ini. Sedangkan hoki dahulu, India, Pakistan, Malaysia, *top four*, kita boleh mengalahkan negara-negara asing tetapi mereka tukar taktik bagaimana mereka boleh menembusi permainan hoki,

sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga saya rasa kapal layar di Langkawi ini kita mesti lebih global kerana industri pelancongan....

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Ini berucapkah minta penjelasan ini?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan, saya tahu Yang Berhormat Labuan cemburu kerana Yang Berhormat Labuan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendekkan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya pendekkan tetapi mereka ganggu, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidaklah hendak menggunakan Peraturan Mesyuarat. Jadi inilah kita mesti melihat secara global, secara sejagat, jangan hanya pemikiran yang sempit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullah halazim. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kerana Langkawi ini bila membangun kita juga boleh mendapat hasil daripada industri pelancongan ke negara kita ini. Jadi, apa yang Yang Berhormat Bera setuju dengan apa yang telah kami semua cadangkan, terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Saya sudah sebutkan tadi bahawa kegemilangan sejarah semata-mata tidak menjamin apa-apa. Kegemilangan Melaka dahulu sebagai pusat dagangan yang terbesar di rantau ini dan mempunyai pelaut-pelaut terkenal, pelayar-pelayar terkenal tidak menjamin Melaka akan menjadi pusat yang terkenal jika tidak ada persediaan dari segi infra, dari segi melatih pelaut dan sebagainya. Begitu juga dengan sepak takraw. Saya hendak sebutkan sepak takraw; sepak takraw permainan kita. Daripada kecil kita bermain, daripada dekat kampung semua orang main takraw tetapi kerana tidak ada persediaan, tidak ada perancangan yang baik akhirnya kita kalah kepada Myanmar dan sebagainya, walaupun dari segi sejarah, sejarah kegemilangan kita adalah takraw.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh buat penjelasan. *[Ketawa]* Malaysia tidak pernah kalah dengan Myanmar. Ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Bera belum beri jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oh, oh. *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:dengan Thailand dan sebagainya. Yang penting adalah perancangan, bagaimana seriusnya perancangan dibuat, hendak *sustained*, bagaimana seriusnya infra-infra yang kita buat, latihan-latihan yang kita buat, baru kita boleh berjaya. Hanya semata-mata sejarah tidak menjamin apa-apa.

Saya hendak sentuh sedikit tentang keraguan dari segi pelayar-pelayar kita sama ada kalau ada pertandingan kita boleh berjaya atau tidak. Tadi saya sudah sebutkan beberapa nama. Cuma saya hendak balik kepada perbincangan kita tentang kapal layar bahawa tujuan kapal layar ini bukan hanya untuk pertandingan semata-mata. Kita tidak boleh lihat dari sudut pertandingan semata-mata yang mengatakan apa akan jadi kepada negara kita kalau pelayar-pelayar kita kalah, pelayar-pelayar daripada luar negeri berjaya. Kita tidak lihat daripada satu sudut semata-mata tetapi kita lihat daripada sudut industri yang akan wujud jikalau kapal layar ini menjadi sebagai satu permainan yang diminati oleh negara.

Sebagai sebuah negara yang mungkin mempunyai cukup bahan mentah dan sebagainya, cukup kepakaran untuk membina kapal layar dan kalau kita boleh menghasilkan kapal layar yang bermutu tinggi, kemungkinan besar kita akan menjadi pengeluar kapal layar dan kita akan berjaya di dalam bidang industri perkapalan kapal layar. Kita patut melihat ke arah itu dan satu lagi ialah selain daripada kita lihat daripada segi pertandingan, seperti saya sebut bahawa banyak pelancong-pelancong yang pergi ke negara-negara yang mempunyai pantai, melancong untuk - melancong di atas kapal layar bermakna kapal layar kita jadikan sebagai produk pelancongan. Orang datang seperti saya sebutkan tadi *honeymoon* di atas kapal layar, *dinner* di atas kapal layar. Jadi, kita boleh dapat hasil daripada produk pelancongan.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pontian sudah bangun Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi kita kena tengok dalam situasi yang luas, bukan sahaja pertandingan regatta dan sebagainya tetapi industri dan juga industri pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalankah, Yang Berhormat?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya beri kepada Pontian dahulu.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bera, saya bukan hendak menambah - orang kata hendak taruh ajinomoto lagi pada apa yang dibangkitkan oleh Sri Gading, Larut atau apa, hakikatnya ialah tadi sudah disebutkan contoh sikap kurang sopan peserta-peserta Le Tour di Langkawi sebagai contoh. Yang Berhormat Larut ada bercerita dengan saya ini cerita pelancong datang ke Kuala Lumpur. Datang daripada Timur Tengah, negara Arab, orang Islam pakai purdah yang tutup muka. Empat orang gadis itu pergi ke bilik air hendak makan bufet di restoran. Dia pakai, punyalah susah pekerja restoran itu hendak menentukan yang datang makan ini orang yang sama ke tidak sebab dia tidak boleh hendak buka atau hendak tengok.

Jadi ada juga penipuan walaupun datang daripada negara Islam Yang Berhormat Sri Gading. Yang seorang masuk bilik air, orang kedua keluar dia makan. Lepas dia sudah kenyang dia masuk bilik air orang ketiga keluar. Dia pakai purdah tutup tidak kenal. Kerugian berlaku di hotel. Ada juga ceritanya orang negara Arab ini dia suka dengan *carpet* dia potongnya *carpet* di bawah tilamnya itu. Jadi yang nampak yang tidak bertutup dengan tilam. *Carpet* yang bawah tilam itu dia angkat bawa balik.

Ini masalah. Maksud saya Yang Berhormat Bera ialah nampaknya akta ini akan memberi pendapatan kepada kerajaan dalam beberapa bentuk antaranya fi yang dikenakan di syarikat yang mendaftar. Selain daripada itu kita menjangka pertukaran asing apabila ramai masyarakat ataupun peserta kapal layar ataupun pemilik kapal layar berada di negara kita di Langkawi sebagai contoh. Kita sebenarnya, akta ini juga patut memberi penekanan, membendung masyarakat tempatan juga supaya mereka juga bersedia untuk bergaul, untuk melayani. Al-maklum sahajalah orang yang memiliki kapal layar ini selalunya terdiri daripada masyarakat atasan. Yang bekerja di kapal layar

juga mungkin dia juga satu jenis manusia yang berbeza. Jadi pergaulan dia itu Yang Berhormat, masyarakat di Langkawi itu bersediakah dia?

Pemandu teksi hari ini bila nampak pelancong sahaja daripada biasa kalau kita RM10.00 daripada Parlimen hendak pergi ke Pan Pasifik kalau masyarakat asing mungkin dikenakan RM20.00. Itu juga menghalang usaha-usaha kerajaan melalui akta ini.

Jadi persediaan kerajaan kita dalam hendak menentukan masyarakat di Langkawi itu - Yang Berhormat Langkawi pun tidak ada, kalau dia ada dia boleh pastikan anak buah dia itu. Dia boleh menerimakah? Boleh bergaulkah dengan masyarakat di luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Ir. Hasni bin Haji Mohamad: Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang akta yang ada ini sama ada boleh atau tidak menghalang syarikat-syarikat pemilik kapal layar daripada berjaya dalam usaha mereka di dalam negara kita ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera boleh gulung terus?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Gulung dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, jadi saya ingin menjawab soalan tadi yang sebenarnya sudah pun ditimbulkan di peringkat awal mengenai budaya, yang ada dibawa oleh orang luar. Tetapi tidak bermakna kita kena sekat hanya kerana ada budaya yang tidak baik. Saya ambil contoh pelancong Arab. Mungkin ada satu kes yang berlaku pelancong Arab yang berpurdah yang dikatakan menipu dan sebagainya. Tetapi itu adalah satu kes yang kecil berbanding dengan keuntungan yang dibawa oleh pelancong Arab kepada negara. Pelancong Arab terkenal sebagai mereka yang suka berbelanja. Pelancong Arab terkenal sebagai pelancong yang tinggal lama. Dua minggu sekali tinggal. Mereka bukan tinggal di hotel yang kita panggil *back-packers hotel*, hotel 'chong chong' yang di Chow Kit dan sebagainya tetapi mereka tinggal di hotel lima bintang, enam bintang, mereka membawa family yang ramai, mereka *shopping*. Orang kata *shopping* sampai jatuh. Itulah orang Arab. Hanya kerana

masalah penipuan sedikit tidak bermakna kita keluarkan satu keputusan untuk sekat pelancong Arab daripada masuk ke negara kita.

Begitu juga dengan soal budaya yang mungkin dibawa oleh pelancong-pelancong melalui kapal layar. Hanya kerana kita bimbang adanya budaya yang merosakkan, maka kita akan sekat kapal layar daripada masuk ke negara kita tidak boleh lagi kita lakukan pendaftaran dan sebagainya kerana *fear* kita kepada moral yang merosakkan ini.

Saya sudah sebut tadi bahawa banyak perkara, banyak undang-undang yang boleh menyekat perkara tersebut. Jabatan Agama, Kementerian Pelancongan, syarat-syarat kelulusan lesen dan sebagainya saya sudah sebutkan tadi. Banyak syarat boleh diberi *do's and don't* untuk mendaftar kapal layar dan sebagainya. Jadi, jangan kerana kita takut sesuatu perkara yang kecil, maka perkara besar yang menguntungkan akan kita tolak.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Dungun bangun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya... Berapa jam lagi boleh beri saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau boleh sekarang berhenti.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Berhenti, ya? Kalau begitu - ada Dungun, ada Hulu Langat. Boleh atau tidak saya beri dua, saya jawab. Petrajaya tiga selepas itu saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Yang Berhormat. Kapal layar-kapal layar ini dahulu adalah simbol parti yang sekarang berubah menjadi dacing. Dahulu kapal layar jadi kita berterima kasih kepada kerajaan kerana menghidupkan kembali pendekatan kapal layar tetapi dalam bentuk antarabangsa. Cuma saya hendak tanya pandangan dan penjelasan Yang Berhormat, pada awalnya memang kita melihat bahawa dari segi prasarana dan persediaan awal kerajaan dengan membentangkan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa di Langkawi dan lautan yang ada di sebelah Langkawi dan beberapa negeri di sebelah sana lautannya tidak luas

Tetapi apakah Yang Berhormat boleh mencadangkan dan bersetuju supaya selepas pada ini ada pendekatan-pendekatan baru kerana kapal layar ini akan menjadi satu industri yang besar sekiranya kita dapat mengeksploitasi *resources* dengan memberi sedikit sebanyak tambahan prasarana dengan membina marina-marina yang sesuai di kawasan Laut Cina Selatan untuk sukan laut dengan menggunakan kapal layar dalam industri pendidikan, dalam industri kajian tentang maritim dan sebagainya kerana kita tahu Laut China Selatan luas tetapi gelombang yang datang setahun sekali pun akan menghadapi masalah besar. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, apakah kita hanya hendak mengantarabangsakan di satu tempat yang sudah kita popularkan dengan selepas ini supaya kita memperhebatkan pembangunan industri kapal layar dan juga dari bentuk maritim ini di kawasan persisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan mengadakan *bay* dan juga marina yang sesuai yang diantarabangsakan bermula daripada Kelantan di Pengkalan Chepa sampailah ke Selatan di Johor kerana kita berhadapan dengan lautan yang luas, dengan kaedah-kaedah baru. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, kalau boleh tanya Menteri sama ada dia bersetuju atau tidak bersetuju dan ini bagus untuk perhubungan selepas ini dengan Sabah, Sarawak dan sebagainya dalam kita membentuk integrasi nasional di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Jadi, kita memberi fokus kepada pembangunan Langkawi secara antarabangsa ini dan kita bersetuju pada dasarnya tetapi apakah selepas ini kita juga harus memikirkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan industri kapal layar ini ke kawasan *[Disampuk]* apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat, pendekkanlah Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Saya tidak berapa dengar. Bukan, ini pandangan - kerana kita fokus kepada undang-undang syarikat kapal layar antarabangsa tetapi kita tidak melebarkan. Jadi saya hendak tanya pendirian Yang Berhormat bagi Bera dan saya hendak perbetulkan sedikit, Hotel Chong Chong tadi, di Chow Kit tidak ada nama Chong Chong, Sima ada, King Hotel ada, saya memang menginap di Hotel Chong Chong sekali-sekala, Dato' JJ hendak belanja makan, dia bawalah ke hotel besar. Tetapi hotel itu tidak ada nama Hotel Chong Chong, jadi tolong perbetulkan balik.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera, selepas pada ini, sebagai satu permulaan yang baik, apakah kita ingin melihat pembangunan marin dan juga perusahaan kapal-kapal layar kita ini secara domestik dan antarabangsa, kita peluas dan perlebarkan di kawasan persisiran Pantai Timur sesuai dengan gagasan kerajaan untuk membangunkan kawasan koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya sebutkan tadi bahawa pendaftaran di Langkawi ini adalah hanya pusat pendaftaran. Kapal-kapal daripada United Kingdom misalnya ingin mendaftar di Langkawi, boleh mendaftar di Langkawi. Kapal-kapal dari Terengganu boleh mendaftar di Langkawi. Cuma yang saya sebut tadi bahawa Langkawi merupakan tempat pertama, permulaan kepada industri kapal yang mungkin akan melebar ke tempat lain. Saya sudah sebutkan tadi bahawa di Pantai Timur, saya sendiri mahu supaya Pahang menjadi sebagai pusat sebab kita juga mempunyai regata di negeri kita sendiri tetapi seperti Yang Berhormat tahu, keadaan laut terbuka, yang memerlukan infra yang berbeza dari segi penahan ombak dan sebagainya, mungkin merupakan satu perkara yang menyebabkan perkara ini belum dilakukan sekarang.

Saya sudah sebut tadi bahawa di Langkawi, mereka sudah pun mempunyai infra-infra, cuma perlu diperbanyakkan, dan saya sebut tadi. Mereka sudah mempunyai 500 bay untuk kapal, mereka sudah mempunyai 12 radar untuk mengesan dari segi keselamatan, mereka sudah ada bot-bot peronda untuk mengawal keselamatan....

Tuan Markiman bin Kobiran: *[Bangun]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Yang saya sebut di Langkawi cuma perlu ditambah dan saya percaya Yang Berhormat Menteri pun senyum pada saya sedang memikirkan mungkin selepas ini pusat ataupun pelabuhan-pelabuhan dan pusat-pusat kapal layar akan diluaskan ke tempat-tempat lain, mungkin bukan hari ini, mungkin bukan besok tetapi satu ketika nanti sebab saya kira, fokus kita bukan sahaja untuk

mempunyai kapal layar daripada luar tetapi akhirnya akan menjadikan industri kapal layar sebagai salah satu daripada industri di dalam negara kita.

Saya janji tadi berapa...Saya terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya hendak suruh pendekkan. Yang Berhormat janji tadi....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Saya janji Hulu Langat dan Petrajaya, dua sahaja.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Last, Pasir Puteh satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak beri yang mana? Hulu Langat ya?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Hulu Langat dahulu, tadi saya sudah janji Hulu Langat, Petrajaya sebab Tuan Yang di-Pertua suruh saya berhenti, saya bagi dua, tetapi kalau Yang Berhormat hendak bagi lagi, saya tidak ada halangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bera. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pemakaian Undang-Undang Pendaftaran Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi apabila diluluskan nanti ia akan menyebabkan beberapa kaedah undang-undang di negara ini kelihatannya berubah atas beberapa perkara. Saya ingin mencungkil sedikit kebijaksanaan Yang Berhormat bagi Bera sebagai seorang peguam yang berpengalaman sebelum menceburkan diri dalam bidang politik. Saya juga telah membaca sepintas lalu berkenaan dengan peruntukan-peruntukan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, setiap kali rang undang-undang baru, saya melihat Pendaftaran Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi ini sebagai satu undang-undang baru, akta baru yang akan diguna pakai di negara ini dan perniagaan ataupun isu kapal layar di negara ini juga baru. Jadi soalan saya, penjelasan saya ialah berkenaan dengan setiap kali undang-undang baru ini digubal, biasanya penggubal-penggubal di negara ini akan merujuk kepada undang-undang yang telah diguna pakai di negara-negara lain. Perkara-perkara ini telah menjadi sejarah

yang tidak boleh dinafikan. Misalnya Akta Kontrak – kita merujuk kepada peruntukan undang-undang bertulis di India; Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah, Akta Keterangan – kita merujuk kepada Undang-undang Bertulis India dan Sri Lanka; Kanun Tanah Negara – kita merujuk kepada Undang-undang Bertulis Australia.

Saya ingin tahu sama ada Undang-undang Pendaftaran Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi ini merujuk kepada mana-mana pemakaian undang-undang bertulis di negara-negara lain yang sudah terlebih dahulu mengamalkan undang-undang ini, mungkin misalnya di Hawaii, di Macau atau mungkin di Monaco yang banyak mengamalkan sistem atau peraturan pendaftaran kapal layar. Saya dapat melihat kebimbangan ini melalui beberapa contoh ataupun bacaan yang dibuat misalnya Fasal 2 berkenaan dengan definisi yang mengaitkan sedikit kapal layar dengan pemunyaan pesawat negara, dan saya berasa hairan bahawa selepas daripada definisi itu, tidak ada langsung perkataan berkenaan dengan pesawat udara terutamanya helikopter dirujuk di mana-mana peruntukan selepas daripada itu. Adakah kapal layar yang akan digunakan di negara kita ini atau didaftarkan di negara kita ini nanti yang berkaitan dengan kapal udara terutamanya helikopter?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat tanya Menteri nanti ya?

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua, soalan itu layak dijawab oleh Menteri. Daripada mana undang-undang dan rujukan serta sebagainya.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Petra Jaya dan selepas itu Yang Berhormat boleh gulung dan habiskanlah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Last!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bera. Soalan saya ini berkaitan dengan apa yang mungkin diulaskan juga oleh Yang Berhormat Menteri nanti. Kalau kita lihat kepada keterangan rang undang-undang ini berkaitan dengan implikasi kewangan. Jadi di sini

kita tidak dapat anggarkan apakah implikasi kewangan yang akan ditanggung oleh kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan apabila undang-undang ini diperkenalkan dan diluluskan? Jadi kalau dapat Yang Berhormat Bera menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri dari segi konteks perolehan, berapa anggaran, pengurusan dan pembangunan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dan pada masa yang sama dengan...kita adanya undang-undang ini nanti, apakah perolehan secara langsung dan juga secara tidak langsung yang akan diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan yang dapat dimanfaatkan oleh Kerajaan Persekutuan nanti. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, saya mencadangkan supaya pertanyaan daripada Yang Berhormat Hulu Langat dan Petra Jaya tadi menjadi sebahagian daripada ucapan saya untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi untuk menggulungnya, beberapa perkara perlu dibuat oleh rakyat kita sendiri untuk memastikan industri kapal layar ini dapat dinikmati juga oleh rakyat kita. Dari statistik yang diterima, oleh kerana sebelum ini tidak ada pendaftaran boleh dibuat di dalam negara kita. Jadi ramai daripada pemilik-pemilik kapal layar kita sekarang ini mendaftarkan kapal layar mereka ke United Kingdom dan di pulau-pulau Caribbean. Dengan itu, saya meminta supaya pihak kementerian cuba dapat memastikan supaya pemilik-pemilik kapal layar yang sekarang ini mendaftarkan kapal layar mereka di luar negara supaya pulang untuk mendaftarkan kapal-kapal layar mereka di dalam negara kita, kerana adalah lebih bermakna jikalau kapal yang dimiliki oleh rakyat negara kita mempunyai jenama Malaysia, Langkawi Malaysia dan juga dalam masa yang sama seperti cadangan awal tadi mengibarkan bendera jalur gemilang di kapal yang dimiliki oleh rakyat Malaysia tersebut.

Saya juga mencadangkan supaya pihak bank dan institusi kewangan mewujudkan bantuan kewangan dan juga mewujudkan tabung-tabung tertentu untuk memberikan pinjaman kepada pengusaha-pengusaha kapal layar sama ada untuk membeli kapal layar ataupun menjadi pengusaha membina kapal layar. Dan juga kepada pengusaha-pengusaha pelancongan yang menjadikan kapal layar sebagai satu produk untuk memperkenalkan negara kita sebagai industri pelancongan. Seperti saya sebut tadi bahawa sehingga ini tidak ada bank yang berani untuk memberikan pinjaman kepada pemilik-pemilik ataupun pembeli-pembeli kapal layar.

Saya juga mencadangkan supaya Kementerian Belia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak gulung berapa lama?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sedikit sahaja, sudah hendak habis sudah. Saya baca satu, dua dan tiga sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Belia dan Sukan juga perlu mewujudkan program-program khusus untuk melatih belia yang berminat untuk menyertai sukan kapal layar.

Saya sudah sebutkan beberapa nama besar telah pun kita hasilkan daripada perlumbaan kapal layar dan sebagainya. Begitu juga dengan Kementerian Pelajaran perlu mewujudkan satu program khas di dalam sistem mata pelajaran kita. Mungkin boleh diadakan mata pelajaran *maritime* bagi memastikan anak-anak kita dan pelajar-pelajar kita mula mengenali dan meminati hal-hal yang melibatkan *maritime* dan kapal layar ini.

Saya juga mencadangkan supaya agensi-agensi pelancongan memainkan peranan untuk memperkenalkan pakej-pakej pelancongan yang berkaitan dengan kapal layar. Pihak kita juga perlu mewujudkan pusat-pusat latihan untuk melatih anak-anak muda kita dalam mengendalikan untuk service kapal layar dan sebagainya. Dengan itu saya kira jika perkara-perkara ini dilakukan, latihan dilakukan, infrastruktur yang saya cadangkan daripada mula tadi diwujudkan, saya yakin Langkawi akan menjadi pusat kapal layar yang ternama di dunia dan bukan sahaja Langkawi malah Malaysia juga akan dikenali sebagai destinasi yang penting untuk pelayar-pelayar, dan juga industri-industri kapal layar begitu juga dengan pelancong-pelancong yang melibatkan kapal layar. Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila beri jawapan.

4.35 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil peluang membahaskan rang undang-undang ini.

Saya dapati hampir 25 orang Ahli-ahli Parlimen ini yang telah menunjukkan minat dan saya lihat *dynamism* dari segi pemikiran dan juga pandangan mereka begitu *lively* dengan izin dan dengan pandangan yang agak, saya tidak jangka lahir daripada Ahli-ahli Yang Berhormat pada satu ketika kerana ini adalah merupakan satu perkara yang teknikal, tetapi saya dapati bahawa lahir beberapa idea, pandangan dan teguran yang cukup baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya rasa kerajaan akan ambil perhatian yang serius tentang pandangan-pandangan, keraguan dan kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam kita menjalankan dan membangunkan industri Langkawi antarabangsa ini, iaitu Langkawi *International Yachting Company Registration*, dengan izin dengan tujuan untuk kita membangunkan bukan hanya dari segi pemerbadanan sektor perkapalan ini, bahkan juga dari segi *down stream* dia dengan izin kita akan dapat perluaskan untuk dimanfaatkan oleh negara, oleh rakyat dan kita tahu bahawa dari segi sejarahnya. Walaupun ada yang mengatakan sejarah tidak mencukupi sebagai dilaungkan semata-mata, tetapi kita harus sedar bahawa dengan sejarah itu juga kita tahu bahawa sebenarnya orang Melayu ini sememangnya pelayar yang terkenal.

Pelayar yang terkenal yang telah menjelajah banyak benua dan malangnya kita melihat bahawa kita tidak dapat menguasai kelangsungan dari segi keupayaan kita menjadi pelayar, menjadi orang yang mempunyai ketahanan, daya saing kita, kepakaran kita dalam pembinaan kapal ini dan kita melihat bangsa lain di dunia ini, contohnya orang Barat apabila datang ke negara-negara seperti Asia ataupun negara lain, mereka datang dia takluk kita. Dia datang kita belajar dengan dia, contohnya macam tadi, sepak takraw, raga berbagai-bagai ya. Kita sebagai satu bangsa apabila orang lain datang dia takluk. Walhal sebenarnya perkara ini bukanlah satu yang asing kepada orang Melayu, Sri Gading katakan, kulit apa yang dia cakap yang itu, kulit yang berjemur *sunburn*, bukan *sunburn* sebenarnya dia *tinted*, kulit yang *tinted* orangnya. [Ketawa]

Sebenarnya orang kita sudah begitu lama dalam penglibatan mereka bukan hanya dari segi pembikinan, pembuatan kapal layar di negara ini, tetapi penting bagi kita bukan ini satu sektor yang hanya eksklusif untuk orang-orang yang elit, orang-orang yang berupaya sahaja bahkan juga orang-orang yang sebenarnya daripada dahulu. Contoh saya orang laut, keturunan daripada orang laut dan layar ini perkara

permainan biasa bagi kita, dahulu kita tahu tidak ada diesel. Hendak sampai ke Sulawesi jual kopra, orang tua saya daripada Semporna ke Sulawesi ke Kalimantan, kita jual kopra dan macam-macam berdagang. Kita gunakan, bukan kapal menggunakan enjin, tetapi layar dan layar itu tidaklah begitu sofistikated cuma dari segi pembangunan., jika kita tidak majukan dan tidak kita matangkan walhal kita ada mulakan perkara ini, maka dengan itu perlu bagi kita untuk melihat bahawa sektor ini perlu kita pertingkatkan. Bukan kita mengikut orang Barat, kita tidak berkata kita ikut orang Barat. *This is not exclusive* untuk mana-mana bangsa atau mana-mana negara dengan izin. Ia sebenarnya sudah pun lama dilaksanakan di negara kita.

Sebagai satu contoh di Terengganu Yang Berhormat dari Besut pun tahu, contoh hendak buat kapal, orang Perancis sekarang ini hendak tempah harganya 2 juta, kapal layar yang orang Perancis hendak gunakan, orang Perancis punya jauh minta orang Terengganu buat kapal layar. Maknanya mereka mengakui ada kepakaran bangsa kita rakyat di negara ini untuk membangunkan industri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Langkawi, daripada awal beliau telah menyatakan tentang sokongan, Larut, Kuala Terengganu, Kota Melaka, Hulu Langat, Jerai, banyak lagi, Ahli-ahli Yang Berhormat seperti yang saya sebutkan 26, banyak yang telah diperkatakan. Ahli daripada Larut, Kuala Terengganu, Kota Melaka, Hulu Langat, Jerai membangkitkan, mengapa pendaftaran kapal layar hanya dilaksanakan di Langkawi sahaja dan bukan di tempat-tempat lain di Malaysia seperti di Johor, di Sabah, di Semporna, di Negeri Sembilan, yang juga mempunyai marina yang menari untuk aktiviti kapal layar. Dasar kerajaan kini adalah untuk memajukan Langkawi.

Sebagai satu pusat kapal layar antarabangsa yang terkenal, tujuannya adalah untuk menarik pemilik-pemilik kapal layar merata dunia, untuk mendaftar kapal layar mereka di Langkawi atau memperbadankan syarikat kapal layar di Langkawi yang memberi faedah sampingan kepada pembangunan Langkawi dan negara kita dalam bentuk perkhidmatan *down stream* seperti membaiki dan menyelenggarakan kapal layar, mengambil pengambilan anak-anak kapal dan sebagainya. Dengan kedatangan kapal-kapal layar ke rantau ini industri pelancongan negara pun akan berkembang.

Tempat-tempat perangan lain daripada Langkawi seperti Lumut, seperti juga tempat-tempat lain, saya yakin Melaka, Larut dan Jerai akan juga turut menerima manfaat sekiranya perkara ini kita perluasan dan mulakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Memang kita tertanya-tanya apakah justifikasi, cuma Langkawi sedangkan Langkawi ada basikal Le Tour di Langkawi ada Euro Space, ada Formula One Boat dan bagaimana pula pembangunan seimbang itu, seolah-olah Langkawi yang boleh dimajukan sedangkan yang mempunyai lautan kepulauan yang lain ditinggalkan, apa salahnya diselaraskan, Terengganu, Melaka dan lain-lain, Semporna dan sebagainya. Jadi di mana-mana sahaja mereka mahu berdaftar maka terlibat tempas-tempas keuntungannya itu, kenapa Langkawi sahaja, apakah ini seolah-olah kita mendiskriminasi permohonan-permohonan secara seimbang kepada tempat-tempat yang lain.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya akan menyusul kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang kesangsian beliau bahawa kita akan mengetepikan tempat-tempat lain. Memang kita akui bahawa di tempat-tempat lain ada juga kecantikannya. Saya tidak nafikan ini Semporna sendiri pun kita mempunyai pulau yang begitu cantik, air yang begitu jernih, 300 kaki boleh nampak lagi, 200 kaki ke bawah ikan lalu, kita nampak dia punya kejernihannya tetapi kita tahu bahawa Langkawi sudah pun mencatat satu identiti di peta dunia seperti LIMA, seperti Tour De Langkawi.

Kita dalam mengambil langkah-langkah yang agak seperti Kuala Terengganu katakan, *if you want to become a major player*, dengan izin, kita hendakkan supaya landasan yang kita gunakan itu. Baik landasan itu mantap dan kuat dan ianya terkenal sudah pun. Saya tidak kata Lumut dan Semporna tidak kena, Sipadan itu orang tahu, di mana penculikan dan berbagai-bagai tetapi kita tahu bahawa Langkawi adalah merupakan satu tempat yang bukan lagi asing kepada mana-mana masyarakat di dunia ini. Jadi kita kena, orang bilang eksloit *with the potential and the benefit*, dengan izin, Langkawi has.

Ini yang kita hendakkan supaya apabila kita dapat memanfaatkan, Insya-Allah, kita akan lonjakkan negara kita sekali gus termasuk tempat-tempat lain. Adalah tidak *cost effective*, dengan izin, untuk mewujudkan banyak pusat aktiviti kapal layar di sesebuah negara, ini akan melibatkan banyak sumber kewangan dan sumber-sumber yang berkaitan. Adalah lebih bijak bagi negara kita untuk mewujudkan satu pusat kapal layar di negara ini, dalam hal ini kerajaan telah memilih Langkawi buat ketika ini dan mempromosikannya ke arena antarabangsa.

Kapal-kapal layar ini, boleh berlayar ke seluruh Malaysia dan akan mendapat keuntungan negara dan negara juga akan mendapat keuntungan dari aktiviti-aktiviti pelancongan ini, maknanya *spill over*, sampingan akan dapat diperolehi dengan adanya satu pusat yang mana lebih ramai kemungkinan berkesan, lebih efektif kalau sekiranya kita mempromosikan Langkawi di peringkat awal ini sebagai satu pusat pendaftaran perbadanan syarikat-syarikat kapal layar di seluruh dunia. Selepas itu mereka datang bukan hanya melabur tetapi juga membawa kapal mereka dengan itu sekali gus saya rasa mereka tidak akan berhenti di Langkawi, sudah pasti mereka akan menjelajah ke tempat-tempat yang cukup indah di negara kita. Banyak tempat, Tioman, di Pulau Dayang Bunting, banyak tempat, di Terengganu, di Sabah, di Sarawak dan ini akan memberi manfaat kepada negara kita.

Yang Berhormat bagi Hulu Langat pula bertanya, tidakkah bimbang keindahan semula jadi Langkawi terjejas apabila terlalu banyak kapal layar menjalankan aktivitinya di Langkawi seperti pencemaran laut, batu karang dan kegiatan nelayan akan terjejas. Ini adalah satu cabaran yang perlu kita tangani tetapi perlu nyatakan di sini kemungkinan kerosakan alam semula jadi adalah minimum memandangkan kapal layar tidak menggunakan enjin yang besar dan ia bergerak menggunakan angin dan mereka yang menceburi aktiviti kapal layar ini adalah selalunya mereka yang ingin menikmati alam semula jadi dan bukannya untuk merosakkan keindahannya.

Saya dapati di banyak tempat seperti di Florida, di Caribbean Island, di mana ada pusat-pusat pelayaran kapal ini dari segi kehakisan alam semula jadi tidaklah begitu teruk. Masih kita tidak dapat lihat bahawa mereka boleh memelihara alam semula jadi walaupun ada kegiatan seumpama ini dan saya yakin, Insya-Allah, kalau semuanya kita lakukan dan kita ambil iktibar daripada pengajaran apa yang telah dilakukan oleh lain

masyarakat ataupun negara lain, kita akan dapat memperbaiki tanpa menghakis pencemaran laut, batu karang seperti yang saya sebutkan tadi, malahan ia akan dapat memberi manfaat yang cukup banyak kepada negara kita.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan membangkitkan tentang isu keselamatan perlu diambil kira kemungkinan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan kapal layar untuk kegiatan haram. Klausula 121 (1) iaitu ang undang-undang ini, "Menteri mempunyai kuasa mengarahkan mana-mana syarikat Langkawi supaya diberhentikan dari menjalankan perniagaannya sama ada dengan serta-merta atau dalam masa sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan Menteri itu. Kalau kita dapati bahawa mana-mana berkenaan dengan isu yang terlibat dengan pihak-pihak tertentu dalam kegiatan-kegiatan sama ada menggunakan kegiatan ini sebahagian daripada landasan, contoh macam *money laundry* ataupun contoh untuk pengedar-pengedar barangan haram, kita akan ambil tindakan dan kita tidak akan teragak-agak dari segi perundangan, ini diberikan kepada Menteri untuk mengambil tindakan yang tegas dan Insya-Allah kita akan ambil tindakan tegas sekiranya berlaku sesuatu.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Petra Jaya, bangun.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Mengenai dengan isu keselamatan kapal layar, perkara ini ditadbir di bawah Akta Pendaftaran Kapal Layar (LIRA) 2003 yang kita telah luluskan beberapa minggu yang sudah di bawah Kementerian Pengangkutan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri....

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Dari segi keselamatan ini saya ingat oleh kerana, sekejap ya, nanti saya beri peluang. Saya yakin bahawa agensi-agensi yang turut terbabit bukan hanya dari segi kementerian kita menguatkuasakan menerusi SSM tetapi juga dari segi jabatan-jabatan laut marin dan tentera laut negara kita juga kita akan koordinasikan supaya memastikan laluan kapal-kapal layar yang kita sudah *designate*, yang mana boleh dilalui ataupun kemungkinan yang mereka hendak lalui. Kalau dipermaklumkan dengan kita, kita akan memastikan supaya keselamatan pelayar-pelayar ini akan sentiasa ada, Insya-Allah, okey. Ya, Petra Jaya sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya memahami konteks seksyen 121 yang akan digunakan di mana menteri mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran tetapi risiko yang akan kita ambil ialah bila sesebuah kapal layar telah didaftar di Langkawi. Jadi, bila menjalankan kegiatan maknanya tangkapan boleh berlaku di luar Langkawi misal kata kapal ini boleh bergerak di seluruh dunia, jadi bila menjalankan kegiatan dan kapal ini yang berdaftar di Langkawi ditangkap di negeri lain. Inilah implikasinya kepada negara kita di mana imej negara kita akan terjejas. Jadi bagaimana kita hendak menangani risiko ini? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita sebenarnya berhubung rapat dengan badan-badan antarabangsa, itu yang kita katakan *International Yachting Langkawi Companies 2005*. Maknanya sebelum itu kita pun berhasrat untuk mewujudkan landasan undang-undang ini, kita telah pun berhubung rapat dengan badan-badan antarabangsa yang lain dan memperakukan bahawa sekiranya didapati syarikat-syarikat yang contohnya bertempat, berfungsi ia berada di tempat lain dan berdaftar di Langkawi kalau didapati membuat perbuatan-perbuatan yang haram, tindakan undang-undang *immediate* kalau sekiranya kita tahu, kita haramkan pendaftarannya. Maknanya kita adakan hubungan yang rapat dengan pihak-pihak lain di negara-negara lain. Macam contohnya kapal yang didaftarkan di negara ini kita tahu alamatnya, pemiliknya dan badan yang mengurus dan mentadbir perbadanan ini, mereka sudah terdedah di peringkat antarabangsa. Saya yakin bahawa kita mempunyai landasan yang baik untuk memastikan supaya keadaan-keadaan kemungkinan ini kita akan dapat atasi.

Sehubungan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Kinabatangan tadi, contoh kejadian haram seperti yang saya sebutkan tadi di bawah rang undang-undang ini diperuntukkan kuasa pendaftar untuk memperolehi maklumat menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan. Selain dari itu Menteri diberi kuasa untuk mengarahkan mana-mana syarikat Langkawi berhenti menjalankan perniagaannya, manakala pendaftar pula mempunyai kuasa untuk menggulung syarikat Langkawi sebagaimana peruntukan Seksyen 217 (h) 218 (m) (n). Seterusnya jika aktiviti tersebut dilakukan di Langkawi, maka peruntukan Akta Pencegahan Wang Haram atau *Anti-Money Laundering Act 201 (Akta 613)* akan berkuat kuasa dengan serta-merta.

Ahli Yang Berhormat daripada Jasin juga mempersoalkan mengapa tidak ditambah perkataan “Malaysia” selepas perkataan “Langkawi” dan bendera jalur gemilang dikibarkan. Adalah menjadi dengan izin *current practice* di kalangan pihak antarabangsa ataupun *International Convention Among Yachting Players*, bahawa kapal layar akan menggunakan pelabuhan pendaftaran dengan izin. Dia ada pelabuhan pendaftaran contohnya kalau Langkawi dia kena gunakan Langkawi. Pelabuhan pendaftar dengan *Port of Registry*, tetapi kapar layar ini juga akan mengibarkan bendera atau dengan ‘*Malaysian in sign*’ untuk menunjukkan kerakyatan kapal tersebut. Biasanya dia akan mengibarkan bendera Malaysia.

Yang Berhormat daripada Bera telah membangkitkan banyak perkara bukan hanya dari segi perundangan, moral, *tourism* atau pelancongan. Banyak sektor yang beliau telah sentuh. Berapakah lama tempoh yang beliau tanya, masa untuk mendaftar sebuah syarikat atau untuk kapal layar ini. Pendaftaran syarikat kapal layar tidak akan mengambil masa yang lama. Pendaftaran dijangka boleh dibuat dalam masa satu hingga tiga hari bergantung kepada kualiti dokumen yang disediakan. Jentera sebuah syarikat kapal layar adalah untuk membolehkan pemilik dan memiliki kapal layar atau menjalankan aktiviti-aktiviti kapal layar. Pendaftaran syarikat kapal layar tidak melibatkan pendaftaran kapal layar. Ini di bawah *regim LIYRA - Langkawi International Yachting Registration Act 2004*, dengan izin di bawah Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat Bera juga membangkitkan tentang bagaimana hendak mempopularkan *dinner on the boat, dinner on the cruise*. Aktiviti-aktiviti ini di bawah rang undang-undang ini, aktiviti berkaitan kapal layar telah didefinisikan di bawah klausa 2 yang ertinya antara lain “pemunya kapal layar, pengurusan kapal layar, pencarteran kapal layar, penyewaan ataupun pembrokeran ataupun pemasaran kapal layar, keselamatan kapal layar, aktiviti kemudahan atau rekreasi atau percutian yang berhubung dengan kapal layar”.

Oleh yang demikian saya kira aktiviti *dinner on the cruise* ini juga termasuk dalam aktiviti berkaitan dengan kapal layar. Ini kita boleh masukkan sebahagian daripada tarikan untuk memajukan industri kapal layar di negara kita.

Yang Berhormat daripada Bera dan Yang Berhormat daripada Parit turut membangkitkan kementerian perlu memantau, meneliti siapa yang menubuhkan syarikat kapal layar, pendaftaran perlu cepat dan cekap jangan menimbulkan banyak masalah nanti. Pendaftaran syarikat kapal layar hanya boleh dilaksanakan melalui *entity* pengurusan yang diuruskan oleh Menteri di bawah rang undang-undang ini. *Entity* pengurusan adalah bertanggungjawab memastikan Langkawi tidak disalah guna oleh mereka yang ingin mendaftarkan *entity* mereka di Langkawi ini. Kita akan lebih teliti dan mereka yang hendak memastikan pendaftaran perbadanan mereka dilakukan di Langkawi mesti ada *due diligence* yang sewajarnya dijalankan sebelum membuka dokumen-dokumen kepada pihak pendaftar. Kita akan teliti latar belakang dan kedudukan pihak-pihak ini sebelum ianya didaftarkan. Yang Berhormat juga telah membangkitkan tentang menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan dan saya sudah sebut tadi.

Yang Berhormat daripada Pontian dan juga Larut iaitu menyebut tentang kuasa. Kuasa Menteri diperluaskan untuk melaksanakan Akta ini, misalnya adanya kementerian di mana KSU lebih berkuasa daripada Menteri dan saya nyatakan di sini bahawa Menteri lebih berkuasa daripada KSU. *I can assure you that I am more powerful than my KSU. [Ketawa] Make sure that* dengan izin.

Akta memberikan kuasa yang cukup, saya ingat dalam Akta ini kalau kita lihat dari segi bila saya baca secara menyeluruh banyak *provision* daripada Akta ini yang cukup memberi kuasa yang kuat kepada Menteri walaupun ada sedikit kelonggaran kepada syarikat-syarikat kerana dia mesti setanding dengan negara-negara lain di dunia yang melahirkan prasarana yang sama, tetapi ada klausa-klausa yang telah kita perincikan untuk memastikan agar Menteri juga mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu bukan hanya untuk mengambil tindakan bahkan juga dari segi sektor untuk membangunkan industri ini dari segi *down streamnya*. Dan ini insya-Allah kita akan pastikan ia akan berjalan dan berlangsung secara baik.

Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam, sebenarnya Ahli-ahli Yang Berhormat ini bangkit di samping Yang Berhormat Bera orang bilang dengan izin *interject* masa Bera membahaskan rang undang-undang. Yang Berhormat Ayer Hitam membangkitkan tentang pertindihan kuasa di antara kementerian-kementerian, sama ada dalam perkara

ini Kementerian Pengangkutan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Akta 630 adalah sebuah Akta yang didaftarkan, mendaftarkan kapal layar di Langkawi. Ia menyerupai sebuah pendaftar perkapalan komersial ataupun *Commercial Shipping Registry*. Perkara-perkara yang dikawal di bawah Rang Undang-undang LIYRA ialah menentukan takrifan kapal layar, menubuhkan pejabat pendaftar kapal layar antarabangsa Langkawi, kaedah-kaedah pendaftaran kapal layar termasuk pendaftaran *entity* kapal layar, urusan anak kapal, kelayakan anak kapal dan perjanjian anak kapal, penyiasatan kemalangan dan perlindungan insurans. Itu di bawah LIYRA, di mana LIYRA di bawah Kementerian Pengangkutan.

Manakala Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 pula diwujudkan, ini di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Sebuah pusat pendaftaran bagi memperbadankan syarikat di Langkawi khusus menjalankan aktiviti perniagaan berkaitan kapal layar. Perwujudan kedua-dua perundangan ini adalah perlu bagi menyediakan satu persekitaran yang boleh menjadikan Langkawi sebagai dengan izin sebuah *one stop centre* bagi aktiviti kapal layar antarabangsa (*International Yachting Centre*) yang setanding dengan pusat-pusat aktiviti kapal layar antarabangsa yang lain.

Tidak wujud pertindihan kuasa di antara Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri membenarkan Kementerian Pengangkutan mentadbir Akta LIYRA, manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri mentadbir Rang Undang-undang LICA iaitu memperbadankan syarikat-syarikat kapal layar di Langkawi ini.

Yang Berhormat daripada Larut juga membangkitkan tentang *spillover*, manfaat daripada rang undang-undang ini daripada adanya prasarana perundangan ini. Selain bertujuan mewujudkan satu rejim pendaftaran kapal layar LIYRA yang menarik dan eksklusif dengan mewujudkan pendaftaran syarikat kapal layar di mana rang undang-undang yang dicadangkan ini, aktiviti kapal layar ini akan turut menghasilkan *spillover* yang dijangka termasuk syarikat pembinaan dan pembaikan kapal layar, syarikat pembekalan enjin kapal layar seperti alat-alat komunikasi dan alat ganti industri pelancongan sewaan *chartering* kapal layar.

Untuk aktiviti perniagaan, sewaan kapal layar, contohnya kos sewa *charter* adalah di antara USD8,000 hingga USD10,000 seminggu. Kos ini akan meningkat sehingga USD250,000 bagi kapal layar mewah. Sebuah kapal layar biasanya disewa selama 20 minggu dalam setahun. Jadi bagi kapal layar yang di *charter* pada kadar USD10,000 seminggu, pendapatan tahunan ialah USD200,000. Jika terdapat 10 kapal layar yang didaftarkan di Langkawi, maka pendapatan hampir kita anggarkan lebih kurang, USD20 juta setahun. Ini kalau hanya dalam 100 kapal layar.

Kalau beribu kapal layar dan kita boleh anggarkan USD200 juta. Kita dapat itu sampingan, akan dapat diperolehi daripada industri ini. Ini tidak termasuk dari segi peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak bangsa kita dari segi untuk memantapkan kebolehan, kemahiran mereka, *to develop the skill* orang-orang yang terlibat, generasi-generasi yang ada minat dia dalam industri ini, sudah pasti juga akan mendapat sampingan daripada pembangunan industri ini.

Sumbangan kewangan kepada kerajaan adalah pendaftaran fi, pendaftaran kapal layar seperti yang ditentukan di bawah Rang Undang-undang LYRA dan fi perbadanan dan fi tahunan syarikat kapal layar yang akan didaftar di bawah rang undang-undang ini. Kita dapat melihat bagaimana negara-negara yang lain di dunia ini dapat manfaat dari segi peluang pekerjaan, perniagaan menerusi pembangunan perkapalan nelayan yang mereka telah laksanakan.

Yang Berhormat bagi Bera juga yang menyatakan tentang dan juga ahli-ahli yang lain membangkitkan tentang kebimbangan mereka. Adakah cukup infrastruktur untuk menyimpan kapal layar di Langkawi dan keselamatan kapal layar yang disimpan di Langkawi. Di bawah Program Pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah merancang dan membangunkan beberapa marina awam sebagai satu kemudahan kapal layar untuk persinggahan di Malaysia dan menambah kapasiti kemudahan kapal layar yang sedia ada dan kita akan menambah. Pada ketika ini, terdapat tiga marina di Langkawi iaitu *Langkawi Yacht Club*, kemudahan untuk 200 buah kapal layar. Yang kedua di Telaga, Harbour Park. Yang Berhormat bagi Langkawi mengangguk, dia setuju.

Dato' Abu Bakar bin Taib: [*Mengangguk-anggukkan kepala*]

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kemudahan untuk 120 buah kapal di Rebak Marina, kemudahan untuk 70 buah kapal. Bagi menampung pertambahan yang mendadak, kemudahan tambahan boleh disediakan di kawasan Pelabuhan Kuah, Langkawi. Selain daripada marina di Langkawi, kerajaan telah membina marina-marina awam dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Marina-marina awam yang telah dibina di lokasi-lokasi yang strategik ialah:

- Kuala Kedah,
- Batu Uban, Pulau Pinang
- Church Street Pier, Pulau Pinang
- Pulau Pangkor,
- Muar, Johor
- Tanjong Gemok, Rompin
- Pulau Tioman
- Pelabuhan Klang
- Melaka
- Tanjong Pengeleh, Johor
- Wilayah Persekutuan Labuan

Marina-marina ini akan memberi satu kemudahan yang selamat dan selesa untuk kapal layar singgah di Malaysia.

Pada kebiasaannya, marina-marina dengan pemecahan ombak supaya kapal layar selamat berlabuh dan tempat-tempat ini sebenarnya diwujudkan untuk memberi keselamatan kepada pihak-pihak yang terlibat ini untuk belayar. Selain daripada penyediaan kemudahan-kemudahan yang selamat, kemudahan utiliti seperti bekalan air tawar, bekalan elektrik, pembangunan, pembuangan sampah dan sisa minyak terpakai juga disediakan di tempat-tempat marina-marina yang seperti saya sebutkan tadi.

Berhubung kait dengan keselamatan kapal layar di marina Langkawi, saya pun sudah sebut dan insya-Allah, selama ini pun kita sudah tahu keadaan dia, tidaklah 100% selamat tetapi kita tahu bahawa dari segi keselamatan, *it is aware above* 90% dan kita tahu di tempat Langkawi, banyak pusat keselamatan yang akan diwujudkan. Bukan hanya itu, bersampingan dengan itu, di Lumut pun dekat, tidak jauh satu pangkalan tentera laut yang begitu besar, di Pulau Pinang pun ada tempat-tempat yang boleh

mencegah kegiatan-kegiatan lanun ataupun pencerobohan sekiranya ianya berlaku. Tetapi, kegiatan-kegiatan pelayaran ini satu kegiatan yang agak *designated root* dia dengan izin. Mungkin laluan yang selalu mereka akan lalui, kita akan pastikan akan mendapat perlindungan daripada pihak agensi kerajaan yang berkaitan.

Yang Berhormat bagi Bera juga bertanya adakah Langkawi mempunyai cukup kemudahan penyelenggaraan kapal layar? Pusat penyelenggaraan kapal layar di Langkawi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Bera, di Langkawi terdapat sebuah limbungan yang khusus untuk penyelenggaraan dan pembaikan kapal layar iaitu Syarikat 'Wave Master'. Terdapat limbungan-limbungan kapal yang sedia ada di sepanjang pantai Malaysia untuk memberi perkhidmatan penyelenggaraan. Bilangan limbungan yang mampu untuk memberi perkhidmatan kepada kapal layar ialah Kuala Kedah mempunyai satu limbungan, Pulau Pinang tiga limbungan, Perak tiga limbungan, Selangor dua, Johor empat, Terengganu empat, Kelantan dua dan di Labuan dua, mencukupi. Selain daripada perkhidmatan penyelenggaraan sebahagian daripada limbungan-limbungan ini mampu untuk membina kapal layar kerana limbungan-limbungan tersebut telah membina kapal dan mereka mempunyai pengalaman.

Yang Berhormat bagi Bera juga bertanya bolehkah atau tidak boleh kapal layar yang dibeli dari negara asing didaftarkan di Langkawi? Maknanya kapal layar itu berada di tempat lain tetapi didaftarkan di sini, ini dibolehkan ya. Dalam Akta LYRA 2003 ini membolehkan supaya didaftarkan di bawah seksyen 8. Beliau juga bertanya, bolehkah kapal layar didaftarkan di Langkawi walaupun kapal layar tidak dibawa ke Langkawi? Ya, boleh dari segi perundangan akta yang sedia ada.

Yang Berhormat bagi Bera juga menyatakan berapa lama jangka masa untuk mendaftar? Yang itu saya sudah jawab tadi dan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga bertanya tentang bagaimana Langkawi boleh menjadi *major players* setanding dengan *registry* lain-lain di dunia dan dalam masa yang sama masih menitikberatkan isu-isu moral kerana budaya dan kapal layar adalah budaya elit yang mungkin akan mengikis elemen-elemen budaya tempatan. Ini termasuk daripada beberapa Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading yang bimbang dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tentang permasalahan budaya ini.

Saya kira kita dapat melihat di negara kita sudah banyak pelabur datang. Bukan hanya melabur di dalam sektor ini sektor industri pun kita dapat melihat. Contoh macam Nokia, Motorola yang melabur sama ada daripada barat, daripada Jepun. Kita tahu mereka bukan hanya melabur membawa kewangan, mereka juga membawa dari segi budaya-budaya mereka sendiri dan kita tahu bahawa mereka menghormati keadaan dalam negara kita dari segi konteks keagamaan yang kita selalu tekankan.

Mereka tidaklah sewenang-wenangnya walaupun saya tahu di tempat saya sendiri pun, banyak *divers* yang datang. Kadang-kadang maklumlah, kapal layar ini *more descript* dengan izin. Kalau *divers* ini, dia pakai baju biasa sahaja. Tetapi dalam pada itu pun, mereka masih tahu dan faham. Bila saya berbincang dengan banyak pihak yang terlibat dalam pelancongan ini, mereka nyatakan *we respect the culture and the people in this country. But what is important* dengan izin ialah, mereka hendak melihat keindahan alam semula jadi yang ada.

Jadi saya rasa, itu bukanlah jadi satu masalah yang sehingga tidak membolehkan kita untuk membangunkan industri ini. Saya yakin bahawa budaya-budaya ini tidak akan menjadi satu penghindaran kepada kita untuk membangunkan industri kapal layar di negara kita. Kita yakin seperti yang saya sebutkan tadi, dengan langkah-langkah yang diambil, kita akan berupaya untuk bersaing dengan negara-negara yang lain kerana kita mempunyai tempat. *We have to reserve product* dengan izin yang lebih cantik, lebih indah daripada tempat-tempat lain untuk menarik banyak pelayar dan juga pelabur datang ke negara kita.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong minat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Segala usaha untuk meningkatkan pelancongan, untuk menggalakkan industri termasuk kapal layar dan sebagainya memang dialu-alukan. Adakah matlamat iaitu sasaran yang dirancangkan oleh pihak kementerian.

Misalnya saya pernah sebutkan *America Cup*, Piala Amerika iaitu perlumbaan kapal layar yang terkemuka di dunia dan tahun lepas dimenangi oleh orang dari

Switzerland yang tidak pun mempunyai laut langsung, kerana dia ada wang, dia dapat membeli kapal dan juga ...

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah tanya soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau soalan sudah keluar, boleh duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau soalan sudah keluar, boleh duduk.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi itulah hendak menjelaskan dan menerangkan kepada Yang Berhormat Menteri, hendak tolong dia kerana mungkin dia tidak begitu meneliti hal ini. Saya hendak tanya dia sama ada dia tahu dengan terperinci mengenai *America Cup*, bila kita sebutkan kapal layar, kita memang sebutkan *America Cup*. Adakah itu matlamat kita untuk pada satu hari kelak kita adakan perlumbaan *America Cup* di Langkawi itu. Saya pun seronok juga.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat bagi Kepong ini dia ingat kita ini, yalah, saya pun orang kampung, saya tahu tetapi tidaklah kita kampung yang terkepung pemikiran macam Yang Berhormat bagi Kepong. *[Ketawa] [Tepuk] America Cup pun kita tidak tahu. As I mentioned just now, dengan izin, I am a descendant of the sea fearers, I can tell you, I know about his stuff and my interest is there too,* dengan izin, bukanlah kita tidak faham tentang ini, kita tahu minat kita terhadap ini cukup mendalam dan itu memang kita hendak...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya? Memang kita pun berhasrat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak apa?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: ...di Langkawi banyak pertandingan BMW dan bermacam-macam di peringkat antarabangsa dan kita galakkan supaya pertandingan-pertandingan seumpama ini dapat kita bangunkan. Kita pun sudah memperlihatkan di merata dunia bahawa, dengan izin, *Malaysian is capable to sail around the world like Azhar* yang telah belayar ke seluruh dunia yang orang tidak jangka, kulit yang *tinted*, bukan sawo matang, boleh belayar satu dunia. Jadi maknanya

kita punyai keupayaan menganjur pertandingan di peringkat antarabangsa, tetapi apa yang penting seperti juga rakan-rakan yang lain, jangan nanti kita penganjur kita tidak menang. Ya, itu penting bagi kita. Tetapi di peringkat awal kita perlu perkukuhkan landasan yang sedia ada untuk menarik banyak minat. Pelayar memang ada di negara kita. Banyak anak muda kita mempunyai minat dalam pelayaran ini dan sudah pun kita tahu.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hei duduklah, sakit punggung ke?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ingat sama sahaja, Yang Berhormat bagi Kepong ini, saya sudah lama, empat penggal di sini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia terkepong-kepong.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Cepat sedikit ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun seronok juga dia keturunan orang pelayar dan sebagainya, sekurang-kurangnya lebih baik bila dia menjawab sebagai Timbalan Menteri Pertahanan, dia langsung tidak menyertai askar, mana dia tahu. Sekarang dia tahu sedikitlah. Tetapi walau bagaimanapun, Yang Berhormat, yang pentingnya kalau kita banding dengan Phuket, di mana kita berada, itu penting. Kerana bila di peringkat antarabangsa, orang sebutkan Phuket...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: ...dan Langkawi, dia pilih Phuket.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah dasar kerajaan untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak cakap banyak nanti Menteri tidak sempat jawab. Besok tidak datang, Yang Berhormat jangan marah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak bagi dia peluang. Saya bagi dia peluanglah. Adakah dasar kerajaan untuk mempertingkatkan taraf Langkawi supaya kita boleh

menang kalau berbanding dengan Phuket, walaupun Menteri di dalam Parlimen tidak berminat, itu dia lain kiralah. *[Ketawa]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini Yang Berhormat bagi Kepong tidak faham-faham apa pasal. Akta ini kita bawa khusus untuk Langkawi, itu yang kita hendakkan supaya kita lonjakkan keupayaan tempat ini bukan hanya dari segi pendaftaran dia, dari segi *downstream* dia, dari segi keupayaan masyarakat dimanfaatkan oleh mereka. Ini sebahagian daripada langkah-langkah yang menjurus ke arah itu, Yang Berhormat bagi Kepong. Bukan oleh kerana semasa kita dalam Kementerian Pertahanan lain, masa sekarang lain. Ia sudah berhubung kait dengan kapal layar, saya cakaplah. Umpama orang bilang kalau waktu Asar, waktu Asarlah. Jangan waktu Asar, Maghrib pula, salah ya, Yang Berhormat bagi Kepong ini nanti berkecamuk.

Yang Berhormat bagi Bera, Parit dan Petra Jaya mempersoalkan tentang bagaimana memantau pengarah-pengarah, dan juga apakah proses penapisan pengarah-pengarah ini sebelum mendaftar syarikat-syarikat ini di Langkawi. Terdapat beberapa peruntukan di bawah rang undang-undang ini yang memperuntukkan kewajipan menyerahkan kepada pendaftar berbagai-bagai maklumat dan butiran-butiran barangan berkaitan dengan pengarah-pengarah yang dicadangkan. Jika gagal berbuat demikian, adalah menjadi kesalahan di bawah klausa 65. Di samping itu klausa 62 dan 63 memperuntukkan...

Tuan Markiman bin Kobiran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya ingat saya habiskan sekejap yang ini. Nanti saya bagi peluang. Di samping itu klausa 62 dan 63, peruntukan tugas-tugas dan tanggungjawab pengarah untuk menjalankan tugas dengan amanah dan menghendakkan atau menzahirkan kepentingan mereka. Klausa 61 rang undang-undang ini juga menyatakan kuasa pendaftar untuk menapis pengarah-pengarah sebelum mereka didaftar, iaitu kalau mereka disabitkan kesalahan berkaitan dengan pengurusan sesuatu syarikat. Maka kalau itu kita dapati, kita akan ambil tindakan. Ya, cepat sedikit.

Tuan Markiman bin Kobiran: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu, Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan apakah jenis syarikat yang akan ditubuhkan melalui undang-undang ini. Adakah syarikat ini akan menggunakan perkataan "Sendirian Berhad" atau "Berhad" atau dia akan kekal sebagai sebuah syarikat perkongsian, *sole proprietorship* atau *enterprise* kerana kalau kita lihat klausa 5 undang-undang ini menyentuh tentang ketidakpakaian Akta Syarikat dalam beberapa perkara yang dinyatakan dengan jelas dalam akta ini, dan saya melihat undang-undang yang baru ini lebih menggambarkan bahawa satu kelahiran *association* baru daripada dua jenis *association* yang ada sekarang.

Yang pertama, Undang-undang Syarikat yang memperuntukkan tentang pentadbiran syarikat atas dasar syarikat Berhad atau Sendirian Berhad dan yang kedua yang telah dikenali oleh undang-undang sekarang iaitu Undang-undang Perkongsian atau Akta Perkongsian (Partnership Act) yang menyentuh tentang perkongsian *enterprise*, *sole proprietorship* dan sebagainya. Jadi saya melihat pemakaian undang-undang ini berada di antara dua jenis *association* yang ada sekarang, dan adakah pemakaian undang-undang baru ini nanti tidak akan menimbulkan banyak kesulitan dari segi interpretasi dan dari segi salah guna kuasa, dari segi perlindungan orang-orang yang boleh menyalahgunakan pemakaian undang-undang untuk menyembunyikan diri daripada salah guna peraturan dan sebagainya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, kita ada lagi 12 minit sebelum saya tangguhkan Mesyuarat ini untuk ucapan penangguhan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ya sekejap, saya akan menghabiskan ini, pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Hulu Langat membangkitkan tentang perkara ini sebenarnya seperti yang tertera dalam rang undang-undang ini, Rang Undang-undang Pemerbadanan, *Incorporation of Companies* di Langkawi. Ini yang kita nyatakan ada *exclusivity* dia. Maknanya kita perturunkan kuasa yang sedia ada menerusi agensi yang mendaftar syarikat, *Registry of Companies Act* in Malaysia di bawah Rang Undang-undang Syarikat 1965 di bawah SSM. Maknanya ada pengecualian.

Sebahagian daripada bukan *cost method* yang kita guna pakai untuk menarik pelabur datang ke negara kita ini bukanlah berbentuk *enterprise* atau bukan berbentuk yang lain kerana dia akan tidak begitu menarik pelabur-pelabur lain di negara-negara luar yang menggunakan satu pendekatan yang eksklusif untuk menarik banyak pelabur datang mendaftar di negara kita ini. Maknanya walaupun dalam konteks kita memberi kelebihan atau kelonggaran kepada bentuk syarikat perbadanan ini didaftarkan di negara ini, tetapi ia juga di bawah kawalan pihak pendaftar SSM di bawah kawalan pihak yang berkuasa, Menteri, seperti yang saya sebutkan walaupun ada *exclusivity*nya tetapi ada kuasa-kuasa, klausa-klausa tertentu yang telah diperuntukkan untuk Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan-tindakan tertentu kalau didapati bahawa syarikat-syarikat ini melanggar undang-undang tertentu. Tetapi *exclusivity* dia cuma menjurus ke arah yang berhubung kait dengan perkapalan, kapal layar sahaja. Dia tidak terbabit dengan perniagaan yang langsung tidak ada entiti dengan kapal layar – *enterprise* ataupun sendirian berhad yang lain yang mana agak lebih luas mungkin peranan mereka yang boleh dilakukan.

Yang Berhormat bagi Jerai juga menyatakan, mempersoalkan tentang penguatkuasaan akta ini selepas ianya dilaksanakan, adakah cukup pegawai penguatkuasaan bagi melaksanakan akta ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Jerai dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya baru setakat ini akta ini selepas ianya akan diluluskan akan dijalankan oleh Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pada keadaan yang ada pada hari ini memadai kita pun sudah mendaftar hampir 2 juta, lebih daripada 2 juta entiti syarikat di seluruh negara dalam konteks yang ada pada hari ini dan saya yakin bahawa *as I say* mempunyai keupayaan untuk melaksanakan perkara ini.

Yang Berhormat bagi Ulu Langat juga membangkitkan tentang rang undang-undang adakah akta baru ini, apakah model perundangan-perundangan yang dicontohi dalam penggubalan rang undang-undang ini, dan undang-undang yang dicontohi terutamanya berdasarkan Akta Syarikat Luar Pesisir (*Offshore Companies Act 1990*) dan kita mengambil contoh daripada itu yang mana ada hubung kait sedikit dengan *offshore* seperti yang saya sebutkan tadi ada sedikit kelainannya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Oleh kerana masa tidak mengizinkan Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat juga menyebut tentang perkataan helikopter disebut, dilaksanakan, dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Apa yang saya katakan helikopter yang diguna pakai ada hubung kaitnya dengan kapal layar, bukan helikopter yang lain daripada yang tidak diguna, tidak dimiliki oleh kapal layar itu adalah menjadi satu tanggungjawab yang akan dikawal menerusi perundangan ini.

Tuan Yang di-Pertua saya ingat setakat itu sahaja yang saya sempat menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan rang undang-undang ini dan sekali saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas penglibatan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan rang undang-undang ini dan saya akan mengambil perhatian tentang beberapa perkara yang telah dibangkitkan termasuk dari segi masalah moral, masalah pelancongan walaupun tidak ada hubung kait langsung dengan kementerian. Kementerian saya, insya-Allah, saya akan ambil perhatian dan saya akan membincang dengan rakan-rakan lain untuk memastikan ianya akan berjalan dengan lancar. Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 127 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005**

Bacaan Bagi Kali Kedua dan Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri.

5.26 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu untuk meminda Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk menyeragamkan undang-undang Islam seluruh Malaysia, justeru itu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM dan Jabatan Peguam Negara, JPN telah menyediakan suatu model Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang seragam untuk diterima pakai di seluruh Malaysia.

Pada 9 Februari 2000 Majlis Jemaah Menteri telah bersetuju supaya model undang-undang keterangan Mahkamah Syariah di seragam dan dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu pada 22 Mac 2001. Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu kali yang ke 188 telah memperkenankan penyeragaman Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Bagi merealisasikan penyeragaman undang-undang tersebut di Wilayah-wilayah Persekutuan, Jabatan Peguam Negara telah membuat semakan dan perbandingan antara Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997, Akta 561 dengan model Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang telah disediakan.

Jabatan Peguam Negara mendapati tiada banyak perbezaan antara model undang-undang seragam dengan Akta 561 tersebut. Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan supaya Akta 561 diselaraskan dengan model undang-undang seragam dengan cara membuat pindaan. Adalah wajar pindaan dibuat terhadap Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 bagi menyelaraskan dengan model undang-undang seragam kerana ia tiada banyak perbezaan di antara kedua undang-undang tersebut. Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut:

- (a) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pindaan) 2005.
- (b) Fasal 2 ialah Pindaan Am untuk menggantikan perkataan dalam Akta Ibu teks bahasa Inggeris di mana-mana terdapat di dalamnya kecuali dalam takrif *Administration Act* dalam *subsection 3(1)* perkataan *Islamic Law* dengan perkataan 'hukum syarak'. Manakala dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan 'prosedur' di mana-mana jua terdapat dengan perkataan 'tatacara'. Pindaan ini adalah untuk menyeragamkan penggunaan istilah.
- (c) Fasal 3 untuk menggantikan takrif 'hukum syarak' dalam subseksyen.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa sudah sampai 5.30, ingin saya cadangkan huraian Yang Berhormat terhadap Rang Undang-undang ini disambung semula pada hari esok.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri kemukakan usul.

USUL**MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kepong dengar ini saya hendak beri usul. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Datuk Peter Chin Fah Kui: Saya sokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**MATLAMAT LEMBAGA TABUNG HAJI DITUBUHKAN****5.33 petang**

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Matlamat Lembaga Tabung Haji ditubuhkan bagi menguruskan pemergian jemaah haji menunaikan rukun Islam kelima. Tetapi apabila dana membesar dirasakan bahawa umat Islam di Malaysia melalui simpanan mereka patut menceburi bidang pelaburan dan perniagaan negara yang diuruskan oleh Tabung Haji. Tabung Haji menyertai dalam bidang pelaburan disifatkan berpotensi dan meyakinkan merangkumi pelaburan saham jangka pendek dan jangka panjang dalam sektor-sektor ekonomi seperti perindustrian, perkhidmatan, perladangan, serta harta tanah. Sehingga ke hari ini pelaburan itu tidak diketahui potensi keuntungannya tetapi berdasarkan kepada kadar bayaran bonusnya sejak tiga tahun kebelakangan ini dikira rendah berbanding dengan tahun-tahun yang terdahulu memberikan implikasi bahawa keuntungannya rendah. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa pertanyaan:-

- (i) Apakah pendekatan baru pelaburan oleh Tabung Haji agar keuntungan terjamin seperti pelaburan dalam Bank Rakyat yang memberikan dividen sebanyak 15%. Tabung Haji perlu mencari

mekanisme baru supaya institusi ini dilihat sebagai sesuatu yang benar-benar membantu orang Islam khususnya mereka yang ingin menunaikan haji.

- (ii) Sektor-sektor yang berisiko tinggi seperti saham dan berkaitan dengannya jika boleh dielakkan adalah baik kerana bidang ini sering menimbulkan kontroversi bukan sahaja kerana ianya turun naik tetapi masih dalam halal haram.
- (iii) Apakah jaminan simpanan dan selama mana kerajaan akan menanggung jaminannya. Apakah tidak mungkin nanti ada cadangan supaya ditubuhkan satu institusi untuk bersaing dengan Tabung Haji bagi menjadikan perkhidmatan haji lebih cekap.

Berasaskan kedudukan ini saya ingin mencadangkan:

- (i) Sebahagian keuntungan daripada perniagaan ditukarkan kepada bentuk subsidi kepada mereka yang menjalankan ibadah haji sebagai duit poket mereka bagi yang sudah menabung pada kadar yang cukup menunaikan haji. Ini akan membantu mereka meringankan beban menyediakan keperluan tunai ketika berada di tanah suci.
- (ii) Pelaburan yang diceburi biarlah benar-benar terjamin keuntungan dan tidak berisiko tinggi selain bukan keuntungan mudah seperti melabur dalam saham atau perniagaan yang sepeertinya.
- (iii) Lantikan Penasihat atau anggota majlis termasuk Jawatankuasa Pelaburan mestilah daripada kalangan yang benar-benar profesional.
- (iv) Tabung Haji menjalankan kempen menabung sejak bangku sekolah lagi agar penabung muda bukan sahaja pandai menabung tetapi juga menyedari mengenai rukun Islam. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat menteri, sila.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua. Dalam bidang pelaburan Tabung Haji komited untuk memberi pulangan yang kompetitif kepada pendeposit-pendeposit Tabung Haji. Setiap pelaburan baru yang akan disertai oleh Tabung Haji perlu melalui proses kajian yang terperinci dan penilaian daya maju oleh pengurusan dalaman Tabung Haji, penasihat pengurusan risiko, penilaian oleh panel pelaburan dan persetujuan Lembaga Pengarah setelah cadangan pelaburan baru tersebut melalui proses-proses berkenaan dan mendapat persetujuan barulah cadangan pelaburan tersebut dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar dividen yang dibayar oleh Tabung Haji setiap tahun adalah bergantung kepada pencapaian kewangan Tabung Haji yang mana ianya adalah berkait rapat dengan potensi pelaburan, keadaan ekonomi negara dan serantau serta faktor-faktor luaran yang pelbagai. Pada setiap awal tahun Tabung Haji akan mengumumkan bayaran bonus kepada semua pendeposit dan bonus ini akan dikreditkan terus ke akaun pendeposit. Bayaran bonus ini ialah hasil daripada keuntungan semasa yang dicapai oleh Tabung Haji pada setiap tahun. Tujuan bayaran bonus ini juga adalah selaras dengan objektif Tabung Haji dalam memberi pulangan yang kompetitif dan juga dalam membantu umat Islam Malaysia mampu menunaikan ibadah haji. Untuk makluman Yang Berhormat dari Larut, Tabung Haji masih lagi memberi sumbangan subsidi ya, kepada jemaah haji muassasah tidak jemaah haji swasta dalam memenuhi tanggungjawab sosialnya dan sebahagian besarnya ialah daripada muassasah lah bukan daripada swasta.

Dari segi prestasi Tabung Haji, Tabung Haji telah dapat mempertahankan pendapatannya pada paras yang stabil berikutan sokongan prestasi ekonomi negara yang memberangsangkan sejak kebelakangan ini. Secara keseluruhan prestasi kewangan Tabung Haji pada tahun 2004 menunjukkan pencapaian yang lebih baik. Keuntungan selepas zakat Tabung Haji telah meningkat kepada RM499.6 juta berbanding dengan RM416.6 juta pada tahun 2003 iaitu peningkatan sebanyak 19.9%, lanjutan itu Tabung Haji telah mengisytiharkan bonus sebanyak 4.3% pada tahun terakhir 31 Disember 2004 berbanding 4% sahaja pada tahun sebelumnya.

Menyedari kesan penurunan prestasi Tabung Haji semasa tempoh kegawatan ekonomi yang lalu pihak pengurusan telah giat berusaha untuk meningkatkan kembali pencapaian Tabung Haji dengan membuat beberapa penambahbaikan terutama dari segi pelaburan. Kini Tabung Haji telah mempunyai Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan juga panel pelaburan yang profesional yang telah dilantik daripada tokoh-tokoh korporat dan juga ahli-ahli profesional yang memberi nasihat dan pandangan yang bernas terhadap setiap aktiviti pelaburan Tabung Haji.

Hasil daripada pandangan yang diberikan oleh consultant yang profesional bagi alokasi aset Tabung Haji telah memperuntukkan sebanyak RM3.8 bilion atau 30% daripada jumlah nilai aset di dalam pelaburan ekuiti saham di bursa Malaysia. Pelaburan di dalam ekuiti saham ini telah memberikan sumbangan yang besar kepada keseluruhan keuntungan tahunan Tabung Haji. Pelaburan Tabung Haji di dalam ekuiti saham dibuat berdasarkan kepada senarai security dan juga garis panduan yang telah diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti ini adalah bertujuan untuk mengelakkan Tabung Haji daripada terlibat dalam ekuiti saham yang kontroversi.

Tuan Yang di-Pertua, simpanan pendeposit di Tabung Haji adalah selamat dan dijamin oleh kerajaan 'dolar for dolar', ini termaktub dalam peruntukan seksyen 24(1) dan (2) Akta Tabung Haji 1995, Akta 535. Jaminan ini merupakan di antara faktor utama dalam meningkatkan keyakinan umat Islam menabung di Tabung Haji. Jaminan tersebut juga telah mengukuhkan lagi kedudukan Tabung Haji sebagai institusi kewangan Islam yang unggul dan stabil di Malaysia.

Mengenai perkhidmatan haji, Tabung Haji sering kali mendapat pengiktirafan antarabangsa termasuk Anugerah Terbaik dalam perkhidmatan haji oleh kerajaan Arab Saudi, walau bagaimanapun, Tabung Haji terus menerus menjalankan usaha meningkatkan mutu perkhidmatan haji seperti membuka luas saluran maklum balas jemaah haji dan mengadakan *post mortem* pada setiap tahun sebaik sahaja tamat operasi haji. Rumusan-rumusan yang telah dibuat akan terus dilaksanakan jika di bawah bidang kuasa pengurusan sementara yang berkait dengan dasar akan diangkat untuk kelulusan jawatankuasa dan Lembaga Pengarah sebelum dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan kempen menabung sejak di bangku sekolah, Lembaga Tabung Haji bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia sememangnya telah menjalankan kempen menabung di kalangan murid-murid sekolah. Kempen Skim Hadiah Galakan sekolah-sekolah Malaysia telah dilancarkan sejak tahun 1988 lagi yang dirasmikan pelancarannya oleh Menteri Pendidikan sendiri ketika itu, iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri sekarang ini. Skim ini dipertandingkan dalam dua kategori iaitu murid dan sekolah mengikut kriteria yang telah ditetapkan di peringkat sekolah menengah dan rendah. Hadiah pemenang bagi kategori murid sekolah adalah berupa wang tunai dan kategori sekolah merupakan koleksi buku yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran.

Jumlah kutipan simpanan terkumpul sehingga tahun 2004 yang berjaya dikutip melalui skim ini adalah sebanyak RM1.44 bilion. Sekian, terima kasih.

PENJELASAN TENTANG KELULUSAN PERMIT (AP) KENDERAAN IMPORT

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.
5.41 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih. Penjelasan tentang misteri kelulusan permit AP dan skandal berkenaan. Apabila bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyeru kepada kerajaan pada 30 Mei yang lepas agar nama orang-orang yang telah diberikan kelulusan permit, approved permits (APs) iaitu bagi kenderaan yang diimport didedahkan kepada umum hanya beliau sendiri sahaja yang mengetahui sebab mengapa baru sekarang seruan itu dibuat. Mengapakah tidak pendedahan dibuat semasa tempoh beliau memegang jawatan Perdana Menteri selama 22 tahun, dari tahun 1981 hingga 2003, mengapa? Adakah seruan ini dibuat kerana beliau merasai bahawa kroni ataupun orang-orang beliau telah didiskriminasikan dari memperoleh kelulusan permit tersebut oleh kerajaan masa kini. Kelulusan permit tersebut seharusnya telus dan diberikan tanpa manipulasi dan kepentingan politik yang sempit.

Sekali lagi peristiwa semasa menunjukkan perangai Perdana Menteri yang “bikin tidak serupa cakap”. Perdana Menteri sering bercakap tentang ketelusan dan peperangan habis-habis ke atas rasuah walaupun tidak nampak langsung yang dilakukan oleh beliau. Apakah perlunya institut integriti sekiranya Perdana Menteri tidak menekankan integriti dalam kehidupan seharian dalam isu pemberian kelulusan permit tersebut. Kita tahu Tun Dr. Mahathir adalah seruan yang tidak tulen.

Dengan keputusan tidak mendedahkan nama-nama orang yang terlibat itu kerajaan sebenarnya memperkukuhkan lagi misteri dalam perkara ini. Sekiranya polisi ini dikekalkan dari sehari ke sehari misteri itu akan berkembang menjadi skandal yang besar. Apa yang ditanya-tanya ialah mengapakah nama-nama orang-orang itu tidak didedahkan sekiranya tidak dan apakah hendak disembunyikan oleh kerajaan? Apakah yang perlu dirahsiakan oleh kerajaan? Apakah orang-orang tertentu telah menerima lebih banyak kelulusan permit dari yang seharusnya walaupun permit-permit itu pada asalnya adalah bagi menolong kaum bumiputera? Ataupun adakah orang-orang bumiputera yang tertentu yang mendapat layanan istimewa memperolehi lebih banyak kelulusan bagi permit-permit itu? Nampaknya tahun lepas sekurang-kurangnya 66,000 kelulusan permit telah diberikan. Adalah amat menarik sekali untuk mengetahui berapa banyak kelulusan permit telah diberikan sejak permulaan skim ini dan kepada siapa ianya diberikan? Adakah terdapat penerima berulang kali? Siapakah mereka itu?

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menyatakan bahawa adalah tidak sesuai nama-nama penerima diumumkan kepada awam. Ini adalah percakapan yang aneh dari seorang Menteri kanan. Tidak sesuai untuk siapa dan mengapa? Adakah berlakunya urusan yang tidak jujur? Adakah telah berlaku ketidakadilan dalam sistem pemberian kelulusan permit itu? Kami selanjutnya mengatakan bahawa dengan pendedahan kepada umum tentang hal pemberian kelulusan itu dan juga hal-hal lain, seperti pemberian projek-projek dan pelantikan ke jawatan-jawatan yang berpengaruh akan dapat memberhentikan semua jenis cakap-cakap yang negatif. Malah butir-butir tentang penerima permit kontrak dan tender adalah informasi komersial yang tidak memudaratkan sesiapa. Isu pemberian kelulusan permit bukan sahaja merupakan isu tentang pendirian menteri tetapi isu yang menyentuh integriti kerajaan keseluruhannya. Rakyat Malaysia memerlukan kebebasan

informasi sepenuh dalam perkara ini. Tidak ada apa yang kurang dari itu yang dapat meyakinkan mereka? Setuju atau tidak Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, selesaikanlah ucapan. Timbalan Menteri, sila.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab ucapan penangguhan oleh Ahli Parlimen Ipoh Barat tentang apa yang dikatakan kononnya misteri kelulusan permit AP dan skandal berkenaan. Sebenarnya tidak ada apa-apa misteri dalam dasar AP dan tidak ada apa-apa skandal dan tidak ada apa-apa yang kena disembunyikan.

Lesen AP diperkenalkan pada tahun 1970 untuk menggalakkan usahawan bumiputera bergiat dalam sektor automotif. Pada tahun 1987, satu kajian semula telah dibuat ke atas kesemua 269 pemegang AP, dan dari hasil kajian tersebut peruntukan AP kepada 153 syarikat telah dibatalkan kerana beberapa sebab, antaranya syarikat tidak beroperasi, tidak ada kemudahan ruang pameran, salah guna AP seperti menjual AP dan pengurusan akaun tidak teratur. Mulai 1988 pemberian AP terbuka tidak lagi dipertimbangkan kepada syarikat-syarikat baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1997 MITI telah memperkenalkan dasar pemberian AP kepada syarikat-syarikat pemegang francais untuk memenuhi komitmen pembukaan pasaran automotif. Pemberian AP francais hanya dipertimbangkan kepada syarikat yang mempunyai perjanjian francais dengan syarikat *principal* di luar negara untuk mengimport kenderaan baru dan jenama tertentu sahaja. Syarat-syarat pertimbangan peruntukan AP francais adalah seperti berikut:

- a) mempunyai perjanjian francais yang sah di antara pengimport dan *principal*;
- b) pengimportan secara langsung dari *principal* atau kilang *principal* di luar negeri;
- c) model kereta ini belum dipasang di Malaysia;

- d) pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70 peratus oleh bumiputera; dan
- e) berkeupayaan dari segi kewangan dan pengurusan bagi menyediakan kemudahan ruang pameran dan perkhidmatan lepas jualan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 35 buah syarikat pemegang francais yang mengimport 41 jenama kenderaan dan 76 buah syarikat pemegang bukan francais. Syarikat bukan francais ini boleh mengimport kenderaan penumpang termasuk kereta terpakai kecuali model yang dikenakan sekatan import. Jumlah peruntukan tahunan AP adalah berdasarkan 10 peratus daripada jumlah pengeluaran tempatan kenderaan penumpang dan komersial bagi tahun sebelumnya dan ditambah pertumbuhan 10 peratus.

Mengenai senarai syarikat-syarikat pemegang AP seperti Yang Berhormat sedia maklum, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 8 Jun 2005 telah memutuskan bahawa senarai tersebut tidak perlu diumumkan kepada awam kerana tidak menjadi dasar kerajaan untuk berbuat demikian.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kriteria dan syarat-syarat untuk meluluskan AP adalah telus dan objektif, umpamanya ia dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang bukan dipengerusikan oleh Menteri, tetapi dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MITI. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah kedua-dua Ucapan Penangguhan. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.49 petang.